

Bil. 1

**Selasa
25 Mac 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

- Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (Ruangan 1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara (Ruangan 1)
- Memperkenankan Akta-akta

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

(Ruangan 2)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DIBAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Tindakan Menyenaraihitam Kenderaan Oleh JPJ.

- *Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)* (Ruangan 13)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

(Ruangan 15)

USUL-USUL:

- Jalan-jalan Dan Lorong-lorong Menuju Ke Bangunan Parlimen (Ruangan 15)
- Ucapan Terima Kasih Kepada Seri paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (Ruangan 16)

Mac, 1997.

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
“	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
“	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
“	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
“	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
“	Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
“	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
“	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

Yang Berhormat	Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
“	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
“	Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
“	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
“	Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
“	Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
“	Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
“	Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
“	Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
“	Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
“	Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
“	Tuan Asmat Nungka (Beluran)
“	Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
“	Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
“	Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
“	Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
“	Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
“	Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

Yang Berhormat	Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
	Puan Chua Soon Bui (Tawau)
"	Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
"	Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
"	Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
"	Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Tuan Henryus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
"	Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
"	Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
	Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
"	Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
"	Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
"	Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
"	Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
"	Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
"	Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
"	Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
"	Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
"	Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
“	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
“	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
“	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
“	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
“	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
“	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
“	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
“	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
“	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
“	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
“	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
“	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat	Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
	Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
“	Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
“	Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
“	Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
“	Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
“	Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
“	Tuan Radin Malleh (Tenom)
“	Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
“	Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
“	Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
“	Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
“	Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
“	Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
“	Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
“	Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
“	Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
“	Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
“	Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
“	Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- Yang Berhormat Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Hajah Supiah binti Dewak Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Jainah binti Sakimin Shamsina binti Janor

Pembaca Pruf	:	Abu Bakar Hasan
--------------	---	-----------------

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT**

Selasa, 25 Mac 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 24hb. Mac, 1997, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima satu salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

[Teks Titah Ucapan DiRaja dilampirkan]

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu keputusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen Penggal yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Peraturan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Peraturan]

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA
KEPADA DEWAN RAKYAT**

"24hb. Disember 1996

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1997;
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996)(No.2) 1996;
3. Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996;
4. Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1996;

5. Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1996;
6. Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah (Pindaan) 1996;
7. Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1996;
8. Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan) 1996;
9. Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1996;
10. Rang Undang-undang Laporan Kewangan 1996;
11. Rang Undang-undang (Perbadanan) Synod Diocese Malaysia Barat (Pindaan) 1996;
12. Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 1996;
13. Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 1996;
14. Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1996;
15. Rang Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1996;
16. Rang Undang-undang Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1996;
17. Rang Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1996;
18. Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan dan Penyatuan) 1996;
19. Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 1996; dan
20. Rang Undang-undang Bank Luar Pesisir (Pindaan) 1996.

Yang Ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA."

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah

memperkenalkan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Penggal yang lalu seperti berikut:-

1. Akta Perbekalan 1997;
2. Akta Perbekalan Tambahan (1996)(No.2) 1996;
3. Akta Penyiaran (Pindaan) 1997;
4. Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1997;
5. Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1997;
6. Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah (Pindaan) 1997;
7. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1997;
8. Akta Pergigian (Pindaan) 1997;
9. Akta Kewangan (No.2) 1997;
10. Akta Laporan Kewangan 1997;
11. Akta (Perbadanan) Synod Diocese Malaysia Barat (Pindaan) 1997;
12. Akta Keterangan (Pindaan) 1997;
13. Akta Imigresen (Pindaan) 1997
14. Akta Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1997;
15. Akta Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan dan Penyatuan) 1997;
16. Akta Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 1997; dan
17. Akta Bank Luar Pesisir (Pindaan) 1997.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**KORIDOR RAYA MULTIMEDIA (MSC) -
FAEDAH DAN MATLAMAT**

1. Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang (Kuala Pilah) minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah matlamat Koridor Raya Multimedia atau MSC dan faedahnya kepada Malaysia, yang bakal menjadi Monumen Negara menjelang tahun 2000 ini; dan
- (b) apakah fungsi, tanggungjawab dan tujuan matlamat Panel Penasihat Kebangsaan (IAP) Multimedia Super Corridor (MSC) yang dianggotai oleh 30 tokoh industri teknologi terkemuka dunia.

Timbalan Perdana Menteri [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya

memohon keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Segambut, Rompin, Kemaman, Lumut, Kepong, Muar, Batang Lupar dan Parit Sulong yang juga telah menyentuh perkara yang sama iaitu mengenai Koridor Raya Multimedia atau Multimedia Super Corridor.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Industri Teknologi Maklumat ialah industri penentu di alaf akan datang. Justeru itu, kita perlu bergerak dengan pantas membuat persediaan rapi untuk menguasai industri informasi dan teknologi maklumat. Kita mahu memanfaatkan teknologi baru dari era maklumat untuk melonjakkan Malaysia ke tahap negara maju dengan lebih cepat. Kerajaan yakin dan percaya bahawa projek Koridor Raya Multimedia adalah projek paling penting dan paling berkesan untuk negara mencapai matlamat tersebut.

Projek MSC yang merangkumi kawasan seluas 750 kilometer persegi antara KLCC, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, Pusat Pentadbiran Baru Kerajaan di Putrajaya dan Bandar Cyberjaya akan dilengkapi dengan infrastruktur komunikasi canggih dan terkini. Insentif khas serta dasar dan perundangan siber yang lengkap akan diperkenalkan bagi memastikan pencapaian yang maksimum akan diperolehi daripada kemudahan serta teknologi multimedia IT yang diwujudkan.

7 aplikasi akan dibangunkan, iaitu:

- (i) rangkaian pembuatan global;
- (ii) pusat pemasaran tanpa sempadan;
- (iii) pusat penyelidikan dan pembangunan;
- (iv) sekolah bestari (smart school);
- (v) kad pelbagai guna (multipurpose card);
- (vi) teleperubatan;
- (vii) kerajaan elektronik; dan
- (viii) multimedia fund haved.

Kita menjangkakan menjelang Jun tahun ini, strategi pelaksanaan aplikasi tersebut akan disiapkan. Selain daripada itu, bagi menampung keperluan jangka panjang untuk melahirkan tenaga profesional tempatan di dalam bidang teknologi maklumat, sebuah universiti multimedia juga akan ditubuhkan. Sebagai perintis kepada penubuhan universiti multimedia tersebut, Syarikat Telekom Malaysia Berhad

telah pun diarahkan untuk menempatkan Fakulti Multimedia Universiti Telekom ke kawasan MSC.

Undang-undang siber yang akan digubal termasuklah Digital Signature Act, pindaan kepada Copyright Act yang termasuk masalah jaminan untuk, dengan izin, intellectual property, Computer Crime Act, Akta Telemedicine, Akta Electronic Government dan Multimedia Convergence Act. Undang-undang tersebut diperlukan untuk menggalakkan perdagangan elektronik di samping memberi perlindungan kepada para pengguna.

Dalam sesi Parlimen ini, 4 rang undang-undang di atas akan dibentangkan dan yang selebihnya akan dibentangkan dalam sesi Parlimen akan datang, insya-Allah.

Mengenai program penyertaan rakyat tempatan dan asing pula, kerajaan sedar pembangunan projek MSC bergantung kepada pengetahuan dan kefahaman semua pihak yang terlibat dengan projek tersebut. Langkah mempromosi dan menarik penglibatan para pelabur asing untuk menyertai MSC sedang giat dijalankan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah terlibat dalam perbincangan mengenai MSC dengan organisasi pakar serta tokoh-tokoh terkenal dunia dalam bidang multimedia. Lawatan penerangan dan pelawaan oleh Perdana Menteri ke Amerika Syarikat telah menerima sambutan yang cukup baik. Kita berjaya menubuhkan sebuah Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) yang dianggotai oleh seramai 29 orang ahli yang terdiri daripada tokoh-tokoh industri teknologi maklumat dan multimedia terkemuka di dunia.

Kajian yang dijalankan oleh pihak MDC tentang pandangan syarikat antarabangsa mengenai pelaburan di Malaysia didapati kedudukan dari kaca mata para pelabur yang ingin melabur di Malaysia adalah rendah sebelum projek MSC diperkenalkan.

Jelas iltizam Perdana Menteri dan lawatan ke San Francisco dan Tokyo baru-baru ini telah berjaya memperkenalkan MSC kepada dunia dan menarik minat pelabur asing untuk melabur di koridor tersebut. MDC telah dipertanggungjawabkan untuk menyebarkan maklumat serta penerangan yang secukupnya dan meluas kepada orang ramai mengenai manfaat serta faedah kepada rakyat dan negara.

Kejayaan MSC bergantung kepada keupayaan industri tempatan juga untuk sama-sama terlibat dalam penggunaan dan pembangunan teknologi multimedia. Setakat ini lebih kurang 500 buah syarikat telah menunjukkan minat untuk menyertai projek MSC. Jumlah tersebut terdiri dari 122

permohonan daripada syarikat antarabangsa, 461 permohonan dari syarikat-syarikat tempatan. Dari jumlah tersebut, 4 syarikat telah pun diberikan taraf MSC termasuk MIMOS, Telekom Malaysia, NTT dan Sun Micro System. Status MSC ini diberi berdasarkan 3 kriteria utama:

- (i) syarikat mestilah mengeluarkan produk perkhidmatan multimedia yang bertaraf antarabangsa;
- (ii) mempunyai pekerja mahir yang mencukupi; dan
- (iii) syarikat tersebut mesti mempunyai kemampuan memindahkan teknologi.

Bagi menggalakkan penyertaan tempatan dalam projek MSC, kerajaan telah mewujudkan venture capital atau membangunkan pasaran saham OTC (over the counter). Selain daripada pemberian geran penyelidikan dan pembangunan kepada syarikat tempatan, kerajaan juga memperuntukkan 20% daripada belanjawan R&D dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kepada MDC untuk diagihkan kepada syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, projek MSC ini akan membawa pelbagai faedah kepada rakyat dan negara. Kehadiran dan penempatan syarikat multimedia terulung di dunia di Koridor Raya Multimedia akan memberi peluang kepada syarikat tempatan untuk melibatkan diri dalam industri multimedia melalui konsortium atau joint venture dengan syarikat tersebut. Malaysia sebagai hub bagi perkembangan teknologi maklumat di rantai Asia akan menjadi satu kenyataan dengan kejayaan kita melaksanakan MSC ini yang akan dibekalkan dengan pelbagai infrastruktur teknologi maklumat, pembangunan fizikal, kemudahan insentif khas yang lengkap yang sebenarnya merupakan projek pertama kali diwujudkan di dunia.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk menjayakan MSC, apakah tindakan diambil oleh kerajaan untuk memastikan tidak akan wujudnya satu pembahagian yang baru antara maklumat kaya dan maklumat miskin di mana MSC menjadi satu oasis maklumat kekayaan dalam satu negara backdrop yang bila dibanding lebih maklumat miskin.

Oleh kerana baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam satu dialog ada kata bahawa kerajaan memilih MSC satu kawasan yang terhad sebagai satu test bed by experiment, dengan izin, ialah oleh kerana kalau ada apa-apa kesan yang

buruk, ia akan dihadkan kepada kawasan ini. Bolehkah ini berlaku dalam satu dunia yang borderless dan apa best case atau worse case scenario yang boleh timbul dalam MSC ini?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, strategi memperkenalkan MSC ini tentulah agar dapat menyebarkan maklumat secara meluas. Maknanya MSC itu tidak menjadi satu kawasan monopoli maklumat, tetapi seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat iaitu test bed sekadar menetapkan semua insentif pelaburan penyelidikan di satu kawasan dengan bill of guarantees yang ditetapkan. Kita tidak boleh menyediakan bill of guarantees dan kemudahan yang sama di seluruh negara, tetapi yang dapat kita jamin melalui strategi yang dibentangkan oleh Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Penerangan dan kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada orang ramai, maklumat yang terkumpul dan kemudahan peralatan teknologi maklumat dan penggunaan komputer dan internet itu haruslah diperluaskan secara menyeluruh supaya tidak ada kesenjangan ataupun jurang yang nyata di kawasan yang khusus yang diperolehi oleh golongan tertentu dengan masyarakat terbanyak.

Mengenai kemungkinan berlakunya senario yang disebutkan, kita positif kerana sambutan setakat ini luar dari jangkaan. Beberapa tokoh terkemuka yang tidak termasuk dalam International Advisory Panel sekarang telah meminta supaya mereka diterima sebagai ahli panel dan oleh yang demikian, kita tidak menjangka apa-apa masalah dengan syarat ada kebulatan sikap dari semua pihak, termasuklah jentera pentadbiran dan pelaksanaan yang cukup cekap bagi menyegerakan pelaksanaan projek tersebut.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penerangan tambahan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kami bangga dengan kewujudan MSC. Ini menunjukkan satu daripada manifestasi 'political will' atau iltizam politik pimpinan negara kita untuk membawa kemajuan dengan fikiran yang 'futuristic'. Dalam aspek penyertaan bumiputera, sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat tadi, memang amat memuaskan. Tetapi, oleh kerana MSC adalah satu 'green field' atau kawasan perniagaan baru dan merupakan satu 'level playing ground' di dalam konteks perniagaan, bagaimanakah kerajaan pada waktu yang sama akan menggunakan MSC sebagai satu lagi wadah untuk menambahkan jumlah entrepreneur bumiputera di dalam bidang IT di masa akan datang?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pertama kita tekankan keperluan untuk menyiapkan dan menyediakan kemudahan terbaru, tercanggih, terlengkap di kawasan koridor tersebut. Kerana mengikut pengalaman dan penelitian kita berdasarkan apa yang pernah berlaku di Silicon Valley apabila pemusatan di satu kawasan dengan kemudahan tercanggih dan terjamin keberkesanaan pelaksanaan yang cekap, maka ia akan dengan sendirinya menarik perhatian.

Di antara sebab mengapa MSC ini menjadi satu tarikan ialah ia pertama kali dapat membuktikan sikap dan kesungguhan pimpinan kerajaan, jentera pentadbiran dan semua aspek cyber laws ataupun perundangan siber dan juga infrastruktur yang diperlukan dipusatkan di satu kawasan. Oleh yang demikian, dasar kita haruslah pada peringkat ini untuk memberi galakan kepada syarikat-syarikat multinasional tanpa apa-apa gangguan atau karenah atau menjejaskan dengan dasar negara yang sedia ada. Kita tidak boleh menyatakan kepada Microsoft atau Lotus atau Oracle bahawa mereka boleh datang dengan syarat umpamanya penyertaan yang begitu tinggi dari kalangan tempatan. Tetapi kita boleh letakkan syarat umpamanya penyertaan dari segi tenaga kepakaran dan kemahiran yang diberi latihan satu kemudahan pemindahan teknologi, kerana kita fikirkan satu strategi jangka panjang. Yang boleh dilakukan selain daripada itu ialah mengumpulkan tenaga syarikat tempatan yang bekerjasama dengan syarikat-syarikat antarabangsa. Ini yang nampaknya berlaku. Manakala ini berlaku, syarikat tempatan termasuk syarikat bumiputera akan diberi peluang dan kesempatan bukan sekadar mendapat pendedahan, tetapi juga mendapat faedah daripada kemudahan tersebut.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin jelaskan juga bahawa sementara syarikat-syarikat perisian atau software yang ada di Malaysia ini dianggap baru dan belum begitu terkenal di seantero dunia, namun syarikat-syarikat gergasi seperti Microsoft, Lotus, ada yang telah memanfaatkan syarikat-syarikat dari kepakaran dan tenaga profesional muda Malaysia ini. Oleh yang demikian, kita menaruh keyakinan bahawa pengalaman tersebut memberikan kepercayaan tambahan kepada kita bahawa anak-anak kita dapat menguasai teknologi tersebut sekiranya diberikan pendedahan. Saya menaruh keyakinan dengan syarat pihak MDC dan kerajaan memberikan tumpuan bagi menekankan peluang syarikat-syarikat tempatan dan juga syarikat-syarikat software di kalangan profesional muda, termasuk di kalangan bumiputera.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kami pun berharaplah MSC dapat dijayakan dengan masa yang singkat. Walau bagaimanapun, sambil memelihara nilai-nilai dan sektor-sektor tradisional, adakah rancangan yang berkesan dapat melatih pekerja-pekerja mahir dan pakar-pakar untuk menyahut rancangan raksasa ini dengan 'value for money', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua? Saya nampak setakat ini kita kekurangan begitu berpuluh ribu pekerja mahir untuk menyahut rancangan ini. Saya tidak nampak bagaimana pihak kerajaan dapat menyelesaikan masalah dalam masa yang singkat ini, dan juga kalau kita tidak ada pekerja mahir dan pakar yang cukup, maka suasana Silicon Valley yang disebutkan tadi tidak dapat diwujudkan, kerana kita benar-benar memerlukan suasana yang terbuka dan suasana yang liberal untuk semua aspek.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bagi pihak kerajaan mengucapkan terima kasih kerana sikap positif parti pembangkang dalam isu MSC ini. Walau bagaimanapun, saya ingin tegaskan bahawa pemerhatian Ahli Yang Berhormat mengenai latihan dan tenaga kemahiran itu memang dianggap satu aspek yang utama. Sebab itulah walaupun Universiti Telekom, mengikut unjuran awalnya tidak menyegerakan penubuhan fakulti multimedia, tetapi kerajaan telah memberikan pandangan supaya fakulti multimedia di Cyberjaya diutamakan dalam urutan keutamaan ditetapkan dengan memberikan peluang latihan dan penekanan kepada aspek disiplin latihan yang lebih lagi.

Di samping itu, dalam seluruh strategi MSC ini, program pendidikan dan latihan juga diberikan taraf yang lebih utama, dan Kementerian Pendidikan sedang berunding dengan syarikat-syarikat antarabangsa termasuk entiti dan lain-lain untuk terus mengadakan pusat-pusat latihan untuk menambah usaha latihan ini. Tetapi saya setuju apa yang ditekankan oleh Yang Berhormat bahawa ini sebenarnya tidak tertakluk kepada latihan di kawasan Cyberjaya. Ia melibatkan program latihan dalam bidang kejuruteraan, kemahiran, teknologi-teknologi maklumat dan kepakaran lainnya, ketrampilan dalam bidang tersebut di seluruh negara sebagai satu program raksasa yang harus diberikan penekanan, dan kerajaan akan terus berikan perhatian yang serius dalam soal tersebut.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia pada masa sekarang adalah berlandaskan kepada industri pembuatan dan pengeluaran. Economist masa hadapan mengatakan jentera industri masa hadapan ialah industri

perkhidmatan. Jadi, soalan saya berapa banyakkah, macam mana pandangan kerajaan sama ada pembinaan MSC ini boleh menjadi jentera sebagai ekonomi perkhidmatan kepada negara untuk meningkatkan ekonomi pada masa hadapan?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Pandangan itu tepat sekali, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita telah tekankan dalam beberapa Belanjawan di kebelakangan ini bahawa harus ada satu lonjakan peralihan dari pendekatan tradisional kita di bidang industri dan pembuatan kepada sektor perkhidmatan yang masih kekal pada tahap 14% sekian lama. Oleh yang demikian, selain daripada sektor kewangan yang harus diberikan laluan yang lebih, sektor maklumat dikenal pasti sebagai salah satu pemangkin bagi pertumbuhan sektor perkhidmatan ini. Kita percaya dengan wujudnya pelaksanaan MSC ini, akan menjadi salah satu pemangkin bagi meningkatkan jumlah kegiatan sektor perkhidmatan dalam menjamin pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan.

SEKOLAH PERINTIS - PERSEKOLAHAN SATU SESI

2. **Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) jenis kemudahan dan prasarana di 28 buah sekolah menengah yang akan dijadikan perintis yang akan dipertingkatkan dan ditambah dalam pelaksanaan persekolahan satu sesi lanjutan masa pada 9 Jun nanti dan apakah insentif yang lebih baik yang akan diberikan kepada guru berikutan cadangan bertambahnya beban guru dengan pelaksanaan persekolahan satu sesi lanjutan masa; dan
- (b) bagaimana perlaksanaan persekolahan satu sesi lanjutan masa untuk projek perintis 28 buah sekolah menengah ini diawasi. Sekiranya projek perintis ini didapati tidak sesuai setelah diawasi oleh Kementerian Pendidikan, adakah kemungkinan projek persekolahan satu sesi masa lanjutan ini dibatalkan.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semua sekolah yang dipilih sebagai sekolah perintis merupakan sekolah yang sedang beroperasi dalam satu sesi. Pada keseluruhannya, sekolah-sekolah yang telah

dikenalpasti ini telah sedia mempunyai kemudahan-kemudahan yang paling asas untuk menjalankan percubaan satu sesi dengan waktu persekolahan hari yang dipanjangkan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pendidikan akan menjalankan pemantauan secara dekat dan berterusan bagi mengenalpasti keperluan sebenar yang diperlukan bagi melaksanakan persekolahan satu sesi.

Dalam percubaan sekolah satu sesi ini adalah dipastikan beban guru tidak bertambah. Satu norma khas peruntukan guru akan digubal dan diusahakan untuk mendapat persetujuan Agensi Pusat. Selain itu, pihak kementerian dengan kerjasama sekolah-sekolah terbabit sedang mengkaji kebolehlaksanaan waktu bekerja berperingkat dijalankan.

- (b) Kementerian Pendidikan telah mewujudkan satu rangkaian mekanisme khas untuk menjalankan pemantauan ke atas sekolah-sekolah percubaan satu sesi yang akan bermula pada 9hb. Jun yang akan datang ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah perlu dinyatakan bahawa pasukan petugas khas kementerian telah dapat membina hubungan kerja yang erat dengan semua sekolah terbabit dan ini membolehkan saluran maklumat secara dua hala dilakukan dengan berkesan. Selain daripada itu, pihak kesatuan guru dengan kerjasama universiti tempatan juga dibenarkan menjalankan pemantauan ke atas sekolah-sekolah tersebut dengan berpandukan syarat-syarat khusus kementerian.

Pihak kementerian mempunyai beberapa alternatif pelaksanaan yang lain sekiranya rancangan pelaksanaan yang akan dijalankan percubaannya didapati kurang berkesan. Perkara tersebut meliputi panjang waktu harian sekolah, struktur jadual waktu, mata pelajaran yang menjadi pengisian kepada jadual harian yang dilanjutkan dan faktor-faktor guru dan murid. Di sini perlu dinyatakan bahawa sebarang keputusan seterusnya akan dibuat hanya setelah mendapat input daripada pemantauan diperolehi dan pandangan semua pihak diambil kira.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya nampak ada usaha untuk mengadakan sekolah satu sesi dan saya sentiasa tekankan begitu perlu kita adakan semua sekolah satu sesi untuk kebaikan negara.

Walaupun bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat menerangkan nisbah di antara kelas dan bilik darjah dan juga bagaimana infrastruktur seumpama ini dapat diselesaikan, sebab saya nampak peratusan bilik darjah yang digunakan di waktu petang masih lebih daripada 14% di seluruh negara, kalau itulah masalahnya, bagaimana kita dapat menjayakan sekolah satu sesi di negara ini?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita mengadakan projek percubaan ini ialah untuk mengenalpasti segala permasalahan sekiranya kita melaksanakan projek satu sesi ini di sekolah-sekolah tertentu dan untuk dilanjutkan kepada sekolah-sekolah lain di seluruh negara.

Saya mengakui bahawa tidak mungkin serentak dapat dilaksanakan di seluruh negara, tetapi perkara ini adalah satu perkara yang difikirkan amat baik kerana negara-negara maju semuanya menjalankan sekolah satu sesi dan kita dapati bahawa masa untuk mengajar mata-mata pelajaran tertentu tidak mencukupi seperti mata pelajaran Sains, Matematik, Pengajian Komputer dan termasuk Pendidikan Islam dan sebagainya.

Oleh itu, soalnya adalah untuk kebaikan tetapi pelaksanaannya mungkin terpaksa dilakukan secara berperingkat-peringkat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan belum dijawab lagi, peratusan bilik darjah yang digunakan waktu petang dan bagaimana dapat diselesaikan?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita akan tentukan selepas projek percubaan ini mana sekolah yang boleh dilaksanakan konsep sekolah satu sesi ini.

LEBUHRAYA KARAK KE KUALA TERENGGANU SEBAB KELEWATAN

3. **Tuan Abdul Rahin bin Dato' Haji Mohd Said [Kuala Nerus]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah masalah sebenar kelewatan pembinaan Lebuhraya Karak-Kuala Terengganu yang telah untuk sekian lama dan sejauh manakah penglibatan Renong di dalam menyumbangkan kepakaran membina jalan raya ke arah mempercepatkan lebuhraya ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Kerja Raya, oleh kerana ini adalah urusan penswastan dan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan penswastan Lebuhraya Karak-Kuala Terengganu telah mengalami kelewatan disebabkan oleh beberapa masalah yang perlu diatasi sebelum perjanjian penswastan dapat dimuktamadkan dengan syarikat konsesi. Di antara masalah tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) konsortium yang mendapat tawaran projek penswastan ini telah mengalami masalah dalaman dan beberapa isu tidak dapat diputuskan oleh mereka bagi memuktamadkan perjanjian konsesi;
- (ii) memandangkan kepada jarak lebuhraya ini yang lebih kurang 300 kilometer, penetapan jajaran yang sesuai telah mengambil masa yang panjang. Di samping itu, penetapan jajaran juga perlu mengambil kira pandangan Kerajaan Negeri Pahang dan Negeri Terengganu; dan
- (iii) rundingan untuk memuktamadkan perjanjian konsesi telah tergendala beberapa kali memandangkan permintaan syarat-syarat dan terma penswastan oleh konsortium tidak dapat dipersetujui oleh kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pihak Renong tidak terlibat secara langsung dalam rundingan untuk memuktamadkan perjanjian konsesi dan menyediakan kepakaran bagi projek ini.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya pernah mengemukakan soalan dalam Dewan ini, adakah cadangan kerajaan selain daripada Karak ke Kuala Terengganu, mengapa lebuhraya ini tidak dipertimbangkan untuk disambung terus ke Kota Bharu. Adakah kerajaan menutup terus cadangan ini ataupun dalam pertimbangan atau bagaimana?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu masih terbuka, terpulanglah kepada penduduk negeri Kelantan sendiri kalau mereka mahu. *[Ketawa]*

RASUAH MENTERI BESAR SELANGOR - HASIL SIASATAN

4. Tuan Lim Kit Siang [Tanjong] minta Perdana Menteri menyatakan hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah ke atas asal, punca serta tujuan RM2.4 juta yang dijumpai pada Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Taib, di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane pada 22 Disember, 1996, khususnya berkaitan dengan percanggahan yang

wujud di antara penjelasan Menteri Besar, yang mengatakan bahawa RM2.4 juta tunai berkenaan adalah milik saudaranya dan adalah untuk tujuan pembelian hartanah di Gold Coast, Brisbane dan Laporan Brisbane Courier Mail yang melaporkan pada 31 Disember, 1996 bahawa wang berkenaan adalah bertujuan digunakan 'untuk membeli perabot dan hiasan bagi kediaman Muhammad yang baru di Gold Coast' dan bahawa 'sebuah rumah yang hampir siap dibina kini terletak di atas sebidang tanah yang didaftarkan di bawah nama isteri Muhammad, Asbi Rohani binti Asnan' yang telah dibeli pada bulan Jun tahun lepas dengan harga A\$459,000.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, siasatan BPR adalah ditumpukan terhadap punca wang sebanyak RM2.4 juta yang dijumpai pada Tan Sri Muhammad bin Mohd. Taib, Menteri Besar Selangor di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane, Australia. Siasatan BPR juga meliputi semua aspek termasuklah perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tanjong.

Walau bagaimanapun, siasatan ke atas kes ini masih belum selesai. Jawapan kepada soalan yang dibangkitkan akan dapat diketahui oleh BPR setelah siasatan selesai sepenuhnya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah BPR menghantar satu pasukan ke Brisbane untuk check laporan Brisbane Courier Mail yang satu salinan saya ada menyampaikan kepada BPR untuk memastikan BPR dapat laporan itu dan adakah BPR dalam siasatannya ada menyoalkan Menteri Besar dalam perkara ini?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, dua soalan. Satu, sama ada BPR akan menghantar pasukan ke Brisbane. BPR sudah pun menimbang dan jika perlu akan menghantar pasukan ke Brisbane untuk menyiasat.

Mengenai siasatan ke atas sumber wang, telah pun disiasat tetapi masih belum selesai lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan R. Karpal Singh: Ada kurang ajar di sini, hmm?

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila Jelutong! Sila kemukakan pertanyaan.

Tuan R. Karpal Singh: Baik! Kerana tindak-tanduk Menteri Besar ini luar biasa, dia pun luar biasa - Mike Tyson. Mike Tyson sudah masuk penjara dan sudah keluar, dia belum lagi. *[Ketawa]*

Adakah kerajaan berhasrat untuk mengarahkan Menteri Besar ini meletakkan jawatan sehingga penyiasatan ACA ini diselesaikan? *[Tepuk]*

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah memberi satu opinion mengenai Tan Sri Muhammad Taib, ini adalah satu perkara yang tidak patut dibuat, oleh kerana kes ini belum lagi selesai dan soal perjalanan dalam mahkamah pun belum lagi selesai dan kita belum lagi menyelesaikan siasatan. Jadi, kita sebagai kerajaan yang bertanggungjawab tidak pernah menghukum sebelum perkara itu selesai dan disiasat. *[Tepuk]*

BERNAMA - SALURAN INFORMASI SECARA ELEKTRONIK

5. Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit] minta Menteri Penerangan menyatakan adakah agensi BERNAMA (Berita Nasional Malaysia) membuat sebarang perancangan untuk mengembangkan operasi ke bidang media elektronik, seperti menubuhkan saluran TV Berita 24 jam, sekiranya RTM tidak mampu mengendalikan operasi sedemikian, memandangkan perkembangan berita mutakhir 24 jam liputan nasional dan antarabangsa merupakan asas bagi sesebuah negara yang ingin maju dalam Abad Informasi ini.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) kini sudah pun menyediakan berita dan informasi secara elektronik kepada pelanggan-pelanggannya. Syarikat-syarikat akhbar dan stesen-stesen televisyen dan radio menerima berita daripada BERNAMA melalui komputer masing-masing. Selain daripada itu individu-individu yang berlangganan kepada perkhidmatan berita BERNAMA disalurkan pakej-pakej berita tertentu secara elektronik dan mereka menerima berita ini melalui komputer peribadi masing-masing.

BERNAMA juga menyediakan satu perkhidmatan informasi mengenai urusan di Bursa Saham Kuala Lumpur secara tepat masa kepada para pelabur saham yang mengurusniaga di pasaran tersebut. Perkhidmatan ini diminati ramai bukan sahaja oleh broker-broker saham atau pengurus-pengurus dana, tetapi juga oleh individu-individu.

Buat masa ini BERNAMA belum lagi bercadang untuk mengendalikan saluran TV berita 24 jam.

Walau bagaimanapun ia akan meninjau dan membuat kajian kemungkinan mengenai perkara ini selepas dikorporatkan kelak.

Tuan Lim Kit Siang: BERNAMA ada satu homepage di mana ada membekalkan berita melalui Internet, tetapi untuk selama satu bulan perkhidmatan ini telah diberhenti, sungguhpun baru-baru ini perkhidmatan ini ada diteruskan. Mengapa ada pemberhentian itu dan adakah rancangan BERNAMA untuk mengadakan pembaharuan atau edisi-edisi yang lebih kerap kali oleh kerana sekarang ada dua edisi sahaja, satu untuk pagi dan satu untuk petang? Oleh kerana perkembangan yang begitu cepat, jadi perkhidmatan elektronik boleh diadakan selama 24 jam sehari.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk mengadakan perkhidmatan 24 jam seperti saya sebut tadi akan dikaji selepas BERNAMA dikorporatisasikan - besar kemungkinan pada penghujung tahun ini dan apabila ia dibuat perkhidmatan berita (Newslink) ini akan dibuat secara 24 jam, tidak seperti yang disebut tadi, iaitu pagi dan petang. Namun demikian pada hari ini Newslink ini telah pun merangkumi seluruh dunia dan di mana perkhidmatan yang lain seperti ekuiti sedang merangkumi di negara-negara Asean termasuk Singapura dan Brunei. Kita harap menerusi elektronik ini kita tidak akan mengalami 'hambatan' seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa BERNAMA juga bersama-sama harus berusaha melibatkan diri atau menceburkan diri dalam aktiviti-aktiviti IT dan tadi dalam 'Bill of guarantee' ada menyebutkan bahawa kerajaan bercadang untuk tidak mengenakan 'censorship'. Adakah pihak kerajaan juga akan membenarkan agensi-agensi berita khususnya BERNAMA untuk tidak mengamalkan 'censorship' seperti yang diamalkan sekarang? Misalannya apabila Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Taib ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane pada 22hb. Disember, 1996. Berita ini sungguhpun disiarkan dalam semua berita asing, tetapi telah ditahan selama hampir 2 hari, sehingga kelulusan untuk dikeluarkan diberikan oleh pihak kerajaan. Adakah 'censorship' seperti ini akan dibenarkan apabila semua akhbar antarabangsa asing telah membenarkannya, tetapi ia telah ditahan oleh pihak kerajaan.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar tuduhan bahawa

BERNAMA menahan berita yang melibatkan Menteri Besar Selangor. BERNAMA tidak mengamalkan 'censorship' yang ketat, tetapi ia berperanan seperti lain-lain agensi berita yang ada di dunia.

REMAJA - LANGKAH MENGATASI KERUNTUHAN AKHLAK

6. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang] minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah punca-punca yang dikenalpasti sebagai sebab-sebab berlakunya keruntuhan akhlak di kalangan remaja khususnya dan masyarakat amnya, dan apakah langkah-langkah penyelesaian untuk mengatasinya.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab sekali gus soalan Ahli Yang Berhormat dari Marang bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Arau pada hari ini dan juga Yang Berhormat dari Keningau pada 27hb. April, 1997 kerana semua soalan itu ada berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Yang Berhormat dari Marang, Yang Berhormat dari Keningau membangkitkan tentang apakah punca yang dikenal pasti sebagai sebab berlakunya keruntuhan akhlak di kalangan remaja dan masyarakat amnya. Hasil daripada kajian yang dijalankan oleh kementerian adalah didapati bahawa punca utama keruntuhan akhlak adalah disebabkan oleh masalah keluarga yang boleh dibahagikan di antara lain seperti berikut:

- * kurang ketahanan dari ahli keluarga;
- * perpecahan keluarga;
- * keluarga tidak harmoni;
- * tidak ada atau kurang komunikasi antara anak-anak dan ibu bapa dalam keluarga;
- * kurang perhatian dan kasih sayang dalam keluarga;
- * ibu bapa tidak memainkan peranan mereka dengan berkesan; dan
- * keluarga tidak menghayati ajaran agama dan nilai-nilai murni yang baik.

Selain daripada masalah keluarga, pengaruh rakan sebaya juga menjadi salah satu sebab

berlakunya masalah sosial di kalangan remaja. Di antara lain adalah pengaruh rakan sebaya yang negatif dan pergaulan bebas di antara berlainan seks.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada keluarga dan pengaruh rakan sebaya, tarikan-tarikan ini juga merupakan punca berlakunya masalah sosial seperti pusat-pusat hiburan yang mudah dikunjungi, bahan-bahan lucah dalam media cetak dan elektronik, terikut-ikut dengan budaya asing yang negatif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keruntuhan akhlak meliputi berbagai jenis dan melibatkan berbagai peringkat daripada kanak-kanak, remaja dan juga dewasa. Jenis-jenis keruntuhan akhlak yang direkodkan sehingga kini adalah:

- Jenayah kanak-kanak
- Jenayah remaja
- Kehamilan remaja
- Lari dari rumah
- Kegiatan bohsia dan bohjan
- Gejala melepak
- Pergaulan bebas
- Punk
- Kegiatan samseng dan bergaduh
- Penagihan dadah dan arak
- Penganiayaan kanak-kanak
- Penderaan kanak-kanak
- Pembuangan bayi
- Perkosaan dan rogol
- Perbuatan sumbang muhrim
- Pelacuran
- Seks bebas

Keruntuhan akhlak di kalangan remaja adalah yang paling membimbangkan. Gejala ini memerlukan beberapa tindakan bersepadu yang segera supaya belia kita tidak terus terjebak dalam kegiatan negatif ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peratusan peningkatan bagi kes juvana pesalah iaitu rekod di Jabatan Kebajikan Masyarakat di antara tahun 1992 hingga 1996 adalah seperti berikut:

Tahun	Peningkatan (%)
Perlis	45
Kedah	6
Pulau Pinang	39
Perak	4
Selangor	56
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	14
Melaka	4
Negeri Sembilan	64
Johor	15
Pahang	25
Terengganu	2
Kelantan	28
Sarawak	6
Sabah	19
Wilayah Persekutuan Labuan	100

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian mempunyai data-data yang terperinci bagi beberapa jenis salah laku lain seperti rogol, lari dari rumah, kes keganasan rumah tangga, perceraian dan jenayah. Data-data ini terkumpul mengikut laporan-laporan polis yang dibuat.

Walau bagaimanapun kementerian tidak mempunyai data-data lengkap yang menyeluruh bagi kesemua jenis keruntuhan akhlak yang disebut oleh kerana ada sesetengah gejala ini merupakan gejala yang baru timbul dan kementerian masih dalam proses memperolehi data-data.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah penyelesaian untuk mengatasi keruntuhan akhlak adalah:

- * Memperkukuhkan institusi keluarga yang perlu dibuat melalui beberapa program keibubapaan yang bersepadu.
- * Meningkatkan program-program remaja yang lebih menarik.
- * Membendung pengaruh-pengaruh negatif ke atas masyarakat seperti bahan-bahan lucah dan pengaruh-pengaruh negatif seperti karaoke dan kelab malam.
- * Memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang melalui akta-akata dan peraturan-peraturan tertentu di peringkat kebangsaan dan kerajaan tempatan dan melibatkan semua pihak seperti NGO,

swasta, orang-orang perseorangan, ahli-ahli politik dan lain-lain bagi sama-sama membantu kerajaan mengatasi masalah ini.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Pergerakan Pemuda UMNO telah membuat keputusan supaya ahli-ahli Pergerakan Pemuda tidak pergi ke pusat-pusat hiburan seperti Karaoke dan seterusnya. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri adakah perkara ini berkesan dari segi mencegah segala bentuk gejala sosial yang ada sekarang ini. Terima kasih.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Sebenarnya dari keputusan Pergerakan Pemuda UMNO, kita tengoklah dahulu apabila Pemuda UMNO tidak semuanya pergi, mungkin itu akan menunjukkan penurunan perangkaan dan tidak peningkatan.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya gejala sosial ini meningkat di semua negeri. Negeri Perlis pun meningkat, jadi samalah dengan negeri-negeri lain. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang keberkesanan dan kejayaan langkah-langkah yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi dan kalau berkesan kenapa dalam jawapan tadi disebut bahawa semua negeri meningkat dari segi berlakunya gejala sosial ini. Terima kasih.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan bahawa apa yang telah dilakukan oleh kerajaan pada tahun lepas, kita menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai masalah sosial dan semenjak jawatankuasa itu ditubuhkan kita membuat kajian-kajian keseluruhannya dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat adalah Urusetia kepada Jawatankuasa Khas Kabinet dan telah diarah untuk memberikan taklimat-taklimat kepada semua pihak - kepada Majlis Raja-raja, Kabinet, kerajaan-kerajaan negeri, pertubuhan-pertubuhan politik dan lain-lain pertubuhan dan kumpulan dan proses ini masih sedang lagi berjalan iaitu memberi taklimat sebagai satu usaha menimbulkan kesedaran di kalangan semua pihak dan kita juga meminta supaya semua pihak ini yang telah pun diberi taklimat dan menyediakan pelan tindakan masing-masing dan mengemukakan pelan tindakan tersebut agar kita dapat merangkumkan dan mewujudkan pelan tindakan sosial kebangsaan yang bersepadu, kalau tidak nanti masing-masing membuat perkara yang sama dan kumpulan sasar

ini juga yang sama dan ia tidak menyeluruh dan tarikh akhir bagi mana-mana juga pihak untuk mengemukakan cadangan-cadangan ini adalah sebelum 31hb. Mac supaya kementerian sebagai urusetia dapat menyediakan draf pelan tindakan ini untuk mesyuarat 15hb. April.

Oleh yang demikian, tindakan yang menyeluruh ini belum lagi kita laksanakan. Apa yang telah kita laksanakan ialah mengenal pasti masalah-masalah dan berapa serius masalah itu.

PASPORT ANTARABANGSA HILANG DICURI - BILANGAN

7. Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu] minta Menteri Dalam negeri menyatakan:

- (a) bilangan pasport antarabangsa dilaporkan hilang dicuri dari pejabat-pejabat Imigresen di seluruh negara sejak tahun 1993; dan
- (b) apakah langkah-langkah kawalan yang ketat yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan kejadian pecah masuk dan kecurian pasport antarabangsa di Jabatan-jabatan Imigresen tidak berulang lagi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejak tahun 1993 hingga Februari 1997, sebanyak 941 naskhah pasport Malaysia telah hilang dicuri di pejabat-pejabat Imigresen di seluruh negara;
- (b) Bagi mengelak berlakunya kejadian pecah masuk dan kecurian dokumen-dokumen Imigresen seperti pasport, Jabatan Imigresen telah mengambil langkah keselamatan seperti berikut:
 - (i) dokumen-dokumen penting Imigresen seperti pasport dan lain-lain dokumen perjalanan hendaklah disimpan dalam bilik kebal atau peti besi (safe);
 - (ii) memasang jerejak-jerejak besi dan memasang alat-alat penggera keselamatan;
 - (iii) mendapatkan kerjasama pihak polis untuk membuat kawalan berjadual di pejabat-pejabat Imigresen;

Tuan Lim Guan Eng : Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan, apakah tindakan yang diambil ke atas pegawai-pegawai yang

bertanggungjawab atau didapati terlibat dengan pasport antarabangsa yang dilaporkan hilang atau dicuri dan apakah benar bahawa bukan sahaja setakat pasport antarabangsa warganegara Malaysia tetapi untuk pasport antarabangsa pekerja-pekerja asing yang juga dilaporkan hilang termasuk dalam soalan ini dan adakah benar bahawa perkara ini telah berlaku di Jabatan Imigresen Negeri Sembilan dan pengarahnya telah ditahan di bawah ISA dan adakah Pengarah Jabatan Imigresen di negeri lain juga turut ditahan di bawah ISA? Sekian, terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Sebenarnya cerita lama dah, saya pernah jawab iaitu memang ada bekas pegawai Imigresen sehingga peringkat pengarah telah pun ditahan di bawah ISA dan mereka masih di dalam pusat pemulihan perlindungan Kemunting kerana bukan sahaja kehilangan pasport ada juga penyelewengan-penyelewengan yang lain iaitu memang satu perkara telah disiasat dan telah pun diambil tindakan.

Bagi sebarang kehilangan pasport, kalau sekiranya ada unsur jenayah maka kita akan bertindak mengikut undang-undang dan kita serah kepada polis. Kalau sekiranya kehilangan itu tidak ada unsur jenayah seperti tidak disengajakan ataupun katakan misplace, dengan izin, maka kita akan mengambil tindakan dalaman untuk membetulkan. Kita kena tengok apakah sebab kehilangannya dahulu.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah 941 ini, saya ingin bertanya berapakah kes yang terlibat, ertinya berapa banyak kalikah pejabat-pejabat dicerobohi dan apakah sebab-sebab masalah itu terjadi memandangkan dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pasport ini harus dimasukkan ke dalam peti besi dan seterusnya, bagaimana terjadi juga kecurian? Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, daripada 941 naskhah pasport yang hilang itu, kehilangan itu adalah berlaku dalam lima kali iaitu antara 1993 hingga 1997 termasuk yang baru-baru ini di Ipoh. Antara sebab-sebabnya ada yang di luar kawalan daripada kita iaitu memang ada pencuri yang telah pecah masuk. Ada juga kecuai pegawai bahawa mereka tidak masukkan pasport itu ke dalam bilik kebal, mereka masuk dalam kabinet biasa dan tindakan disiplin pun telah diambil.

NAHAS UDARA - PUNCA NAHAS/ LANGKAH MENGURANGKAN

8. Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah siasatan

yang dijalankan untuk mengenalpastikan punca-punca nahas udara baru-baru ini dan apakah langkah dan nasihat perlu diambil supaya nahas udara dapat dikurangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyiasatan menyeluruh untuk mengenal pasti sebab-sebab nahas helikopter 9M DRB di Kuala Lipis pada 4hb. Mac 97, nahas kapal terbang Cessna 1729M(A) di Langkawi pada 2hb. Mac 97 dan nahas helikopter 9M BAU di Sarawak pada 29hb. Januari, 97 masih berjalan.

Di samping mengenal pasti punca-punca kemalangan, penyiasatan juga akan membuat cadangan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengelakkan kemalangan seumpamanya berlaku lagi. Kementerian Pengangkutan akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengurangkan nahas-nahas udara seperti yang telah berlaku itu berpandukan perakuan-perakuan yang akan dibuat dalam penyiasatan yang sedang dijalankan.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu ciri ataupun langkah keselamatan untuk memastikan nahas udara tidak berlaku adalah kita memastikan bahawa pemeriksaan harus dilakukan sebelum aircraft ini digunakan. Soalan saya, adakah pihak kementerian mempunyai pemeriksa aircraft yang profesional dan mencukupi untuk masa ini dan jika tidak mencukupi, adakah kementerian bercadang untuk menambahnya lagi?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kerajaan menerusi DCA mempunyai jurutera pemeriksa kapal terbang yang profesional, cekap dan juga diiktiraf di peringkat antarabangsa dan kita mempunyai pemeriksa kapal terbang yang cukup. Pada masa kini, kita ada 17 orang dan kementerian sedang bercadang untuk menambah 3 orang lagi.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan lebih lanjut lagi berkenaan dengan kenyataan Menteri Pengangkutan baru-baru ini bahawa Kementerian Pengangkutan dan juga Menteri Pengangkutan tidak boleh disalahkan dalam beberapa kejadian nahas udara ini.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Memang betul kalau berlaku kemalangan, memang Yang Berhormat Menteri tidak boleh disalahkan. Misalnya kalau keluarga Yang Berhormat accident,

Yang Berhormat tidak ada di dalam kereta dan bukan merupakan pemandu, takkan hendak salahkan Yang Berhormat! [Ketawa]

RUMAH KOS RENDAH DI SABAH - PERUNTUKAN PEMBINAAN

9. Tuan Philip Yong Chiew Lip [Gaya] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, memandangkan keperluan rumah kos rendah adalah sangat diperlukan di Sabah kerana ramai rakyat di Sabah tidak berkemampuan untuk membeli rumah kos sederhana dan tinggi, berapakah peruntukan telah disediakan untuk membina rumah kos rendah dan berapa buah rumah kos rendah dijangka akan dibina di Sabah dalam Rancangan Malaysia Ke-7.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar akan keperluan rumah kos rendah dan sederhana rendah yang tinggi di negeri Sabah. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, sejumlah 87,900 unit telah disasarkan untuk dibina dari keseluruhan keperluan yang berjumlah 110,000 unit.

Bagi pihak kerajaan, di bawah RMK-7, sejumlah RM102,711,000 telah diperuntukkan untuk membina rumah kos rendah di negeri Sabah. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan sentiasa menggesa supaya Kerajaan Negeri memberi galakan dan bantuan kepada pemaju swasta untuk menyediakan lebih banyak rumah kos rendah di negeri itu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, masalah rumah kos rendah ini semakin menjadi-jadi, rakyat semakin bertambah dan kita menuju ke 70 juta orang satu hari nanti. Jadi Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bertindak lebih serius memastikan pemaju-pemaju perumahan, ini mengadakan kuota yang lebih daripada 30% yang ditetapkan pada hari ini sepatutnya dinaikkan kepada 50% kerana bagi pemaju-pemaju perumahan, keuntungan yang mereka kaut daripada projek perumahan itu boleh dikatakan lebih 100%.

Jadi, saya kira kerajaan patut lebih serius dan mendesak pemaju-pemaju perumahan supaya kuota 30% yang wajib itu dinaikkan kepada 50% untuk mengatasi masalah rakyat yang pertengahan dan miskin ini.

Seorang Ahli: Soalan....soalan!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalan itu! [Disampuk] Maknanya adakah kerajaan bercadang untuk mendesak....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia sudah faham.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia faham...dia faham. Terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang kerajaan tidaklah bercadang untuk menambah kuota 30% yang sedang digunakan ini kerana kita rasa jikalau semua pihak negeri menggunakan 3% kuota ini untuk menjalankan pembinaan rumah kos rendah, kita rasa ini sudah memadai untuk keperluan kepada semua kehendak rumah jenis ini.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu daripada penyumbang kepada masalah gejala sosial adalah disebabkan oleh keadaan rumah yang kurang selesa, yang mana rumah murah hari ini cuma mempunyai dua bilik dan akibat daripada itulah salah satu daripada perkara yang mana terjadinya masalah sosial ialah sebab kekurangan bilik bagi keluarga tersebut, khususnya kepada masyarakat yang berpendapatan rendah, iaitu bagi mereka yang kurang mampu untuk membeli rumah.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memperuntukkan bahawa pada masa akan datang, semua rumah kos rendah hendaklah dibina sekurang-kurangnya tiga bilik. Kalau ada, bilakah program ini hendak dilaksanakan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari prinsipnya, kita memang menggalakkan pihak negeri untuk menggunakan rumah kos rendah ini supaya dia mampu mengadakan tiga bilik, tetapi kita juga sedar dari segi kosnya, pihak negeri juga perlu mengambil perhatian tentang kos untuk mengadakan tiga bilik dan juga akhirnya mampu untuk menjualkan rumah itu dengan dihadkan kepada RM25,000 seunit dan ini adalah satu masalah di antara kos dan juga keluasan rumah itu. Isu ini memang terpulang kepada negeri-negeri berkenaan untuk membuat keputusan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut telah selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 48 dijilid dalam buku berasingan]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Tindakan Menyenaraihitam Kenderaan
oleh JPJ

3.36 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2), ingin saya memberi pemberitahu bahawa saya ingin mendapat izin untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk membincang satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan iaitu masalah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik dan Jabatan Pengangkutan Jalan mengambil tindakan haram di sisi undang-undang menyenaraihitamkan kenderaan pemilik-pemilik yang gagal membayar saman trafik dengan melarang mereka memperbaharui cukai jalan mereka dan usul saya berbunyi,

“Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ahli Parlimen kawasan Kota Melaka, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng menangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk membincang masalah Kementerian Pengangkutan dan JPJ melanggar undang-undang dengan menyenaraihitamkan kenderaan pemilik-pemilik yang gagal menjelaskan saman trafik mereka dengan melarang mereka memperbaharui cukai jalan serta mengarahkan tindakan haram ini diberhentikan dengan segera kerana ia adalah satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.”

Tuan Yang di-Pertua, *[Disampuk]* ada binatang di sini.

Seorang Ahli: Usul bodoh!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Ini kacau bilau. Tuan Yang di-Pertua, pada 18hb. Mac 1997, Hakim Mahkamah Tinggi Temerloh, Datuk Azhar Maar telah membuat perintah bahawa tindakan JPJ menyenaraihitamkan kenderaan di mana pemiliknya gagal membayar saman trafik dengan enggan memperbaharui cukai jalan mereka adalah ultra vires

atau melebihi kuasa JPJ. Beliau menyatakan tindakan JPJ sedemikian adalah tidak sah dan patut dibatalkan. Keputusan beliau dibuat dalam permohonan Encik Francis Tan mencabar kesahihan kuasa JPJ menyenaraihitamkan tiga kenderaannya dengan melarang cukai jalan diperbaharui.

Program menyenaraihitamkan kenderaan yang gagal membayar saman telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Penangkutan, Yang Berhormat dari Labis sendiri dalam tahun 1995. Lebih 2 juta pemilik kenderaan telah disenaraihitamkan dan kebanyakan mereka membayar saman trafik secara paksa sungguhpun mereka tidak diberikan peluang membuktikan mereka tidak bersalah, kerana mereka perlu memperbaharui cukai jalan.

Apa yang lebih menarik perhatian ialah keterangan mahkamah Encik Francis yang berikut tidak dicabar oleh Timbalan Pendakwaraya Encik Iskandar Ali Dewa, yang mewakili JPJ iaitu:-

- (i) Encik Tan menuntut bahawa beliau tidak diberikan peluang untuk mewakili dan membela diri sebelum JPJ enggan memperbaharui cukai jalannya;
- (ii) kegagalan menjelaskan saman trafiknya tidak melanggar undang-undang dan JPJ tidak berhak enggan mengeluarkan cukai jalan kepadanya.

Dengan kata lain, Tuan Yang di-Pertua, JPJ sendiri mengakui bahawa mereka tidak berhak menyenaraihitamkan kenderaan yang gagal membayar saman trafik dan sendiri melanggar undang-undang dengan melarang cukai jalan dikeluarkan. Mahkamah Tinggi Temerloh kemudian mengarahkan JPJ mengeluarkan cukai jalan di bawah seksyen 16(1) Akta Pengangkutan Jalan Raya 1987.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara tertentu dan kepentingan orang ramai kerana JPJ terus melakukan tindakan ultra vires dan haram di sisi undang-undang dengan menyenaraihitamkan kenderaan-kenderaan yang gagal menjelaskan saman trafik mereka. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan masih berdegil tidak mahu akur kepada keputusan Mahkamah Tinggi Temerloh bahawa JPJ tidak berhak melarang cukai jalan dikeluarkan untuk hampir dua juta pemilik kenderaan yang tidak membayar saman trafik. Selagi Yang Berhormat Menteri Pengangkutan enggan membatalkan prosedur menyenaraihitam ini, sebarang keengganan mengeluarkan cukai jalan adalah satu penghinaan kepada mahkamah. Oleh

itu, Majlis Dewan Rakyat ini patut ditangguhkan untuk memaksa menteri mematuhi keputusan mahkamah dan tidak menganiayai pemilik kenderaan.

Perkara ini juga harus disegerakan kerana di samping menghormati kuasa mahkamah dan keluhuran undang-undang, adalah sungguh tidak adil malah berlawanan prinsip natural justice menafikan hak undang-undang seorang pemilik kenderaan memperbaharui cukai jalannya. Adalah satu kecacatan pentadbiran negara dan penyalahgunaan proses perundangan kalau setiap pemilik kenderaan terpaksa pergi ke mahkamah untuk memaksa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan JPJ mematuhi undang-undang. Kalau begitu, ini bukan sahaja membazirkan wang tetapi akan memberikan gambaran bahawa prinsip keluhuran dan menghormati undang-undang tidak wujud dalam negara kita. Oleh itu, kecacatan ini perlu dibetulkan dengan segera supaya tidak ada pihak lagi yang dianiayai.

Saya juga difahamkan bahawa syarikat kewangan seperti MBf Berhad telah menggunakan JPJ untuk menyenaraihitamkan kenderaan yang tidak membayar hutang pinjaman sewa-beli. Penyalahgunaan kuasa JPJ yang bercanggah dengan undang-undang dan memalukan negara ini harus diberhentikan. Selagi undang-undang berkenaan belum dipinda, JPJ dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak boleh bermaharajalela melebihi undang-undang dan menafikan hak undang-undang kepada pemilik kenderaan. Majlis Dewan Rakyat harus ditangguhkan untuk memaksa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menjalankan tugasnya dengan betul, sah dan tanpa penyalahgunaan kuasa. Sekiranya beliau enggan berbuat demikian, beliau harus meletak jawatan. Sekian, terima kasih. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Kota Melaka pada 24hb. Mac, 1997, jam 1.35 petang.

Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu; syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Setelah saya meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:-

- (i) perkara ini adalah perkara tertentu;
- (ii) ia adalah kepentingan orang ramai;
- (iii) tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Ada masa yang banyak di hadapan kita untuk membincangkan perkara ini. Tambahan pula kita sekarang berada di dalam masa perbahasan Titah Ucapan DiRaja. Yang demikian, mana-mana ahli boleh membahaskan perkara ini.

Seperkara lagi, saya difahamkan bahawa Yang Berbahagia Peguam Negara sekarang membuat kajian berkenaan dengan implikasi dari segi undang-undang di dalam kes ini. Ini seharusnya, kerana pada fikiran saya sendiri pun, banyak implikasi undang-undang yang berbangkit dari pelbagai aspek di dalam kes ini. Yang demikian, tidak perlu kita tergesa-gesa hendak menyegerakan perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 sehingga hendak menangguhkan mesyuarat Dewan pada hari ini.

Oleh yang demikian, saya menolak usul ini.
[Tepuk]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1996 DAN 1997) 1997

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG TANDATANGAN DIGITAL 1997

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai, dan untuk mengawal selia penggunaan, tandatangan digital dan untuk mengadakan peruntukan bagi

maksud-maksud yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG JENAYAH KOMPUTER 1997

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan berhubungan dengan penyalahgunaan komputer; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

JALAN-JALAN DAN LORONG-LORONG MENUJU KE BANGUNAN PARLIMEN

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dibacakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan

boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI
PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

3.50 ptg.

Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani]:
Tuan Yang di-Pertua,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan Terima Kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesembilan.”

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebenarnya disampaikan dalam suasana ekonomi negara yang berkembang teguh. Ekonomi negara berkembang pesat pada kadar melebihi 8% selama hampir satu dekad. Pendapatan per kapita terus meningkat. Taraf hidup rakyat terus bertambah baik. Negara telah mencapai tahap gunatena penuh. Di mana-mana pembangunan terus berjalan. Sektor industri mencapai kemajuan yang cukup pesat. Negara seolah-olah menjadi syurga untuk pekerja asing yang berpusu-pusu datang yang sanggup mengadai nyawa, hanya untuk bekerja di bumi tercinta Malaysia kita.

Ucapan Seri Paduka Baginda mencakupi semua ruang lingkup kehidupan, bermula daripada Koridor Raya Multimedia sehinggalah kepada keperluan memantapkan institusi keluarga. Ini adalah bukti konkrit tentang komitmen kerajaan Seri Paduka Baginda yang amat prihatin dengan setiap masalah yang menyinggung masalah rakyat jelata.

Baginda juga menyentuh arus pembangunan yang pesat melanda negara. Namun dalam situasi begitu, kerajaan juga insaf bahawa pembangunan fizikal walau apa jua nama yang ditempelkan pasti tidak ke mana tanpa diiringi dengan pembangunan insaniah, pembangunan rohaniah, pembangunan akliah dan moral. Lantaran itu, perhatian tetap diberikan terhadap pendidikan agama, pembangunan belia, rekreasi serta pembangunan insan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah kepimpinan yang berwibawa dan berketrampilan, Malaysia tetap dihormati sebagai negara yang pantas membangun. Negara ini juga terkenal dengan kestabilan politiknya. Di mata dunia nama Malaysia meniti dari bibir ke bibir. Malaysia mengukir nama di pentas antarabangsa. Kita perlu berbangga menjadi rakyat Malaysia. Malaysia kini bukan macam Malaysia dahulu. Suara kita lantang di pentas antarabangsa. Malaysia mungkin kecil, tetapi jiwa kita besar. Kecil kita ialah ‘kecil cili padi’ namanya.

Kita lantang menyuarakan pandangan tentang banyak isu. Apa yang kita tidak setuju tetap disuarakan. Biar dunia bergegar dengan suara Malaysia. Malaysia jadi jagoan dalam PBB membela penindasan ke atas Bosnia. Malaysia juga menjadi jurubicara mutlak dalam APEC, Komanwel, OIC dan lain-lain. Malaysia bersama rakan-rakan ASEAN lain tetap mempertahankan kepentingan negara ASEAN walaupun digertak dan digugat oleh Amerika Syarikat. Malah dunia menghormati Malaysia kerana ketegasannya. Dengan imej baik dan penghormatan begitu, duta-duta kita di luar negara juga lebih berbangga untuk terus melaksanakan tugas. Mereka sentiasa diburu oleh duta-duta negara lain dan pemimpin-pemimpin tempat mereka bertugas untuk mengetahui dengan lebih mendalam apa sebenarnya Wawasan 2020 itu. Mereka sangat berminat untuk mengetahui apa yang hendak kita capai dan bagaimana Wawasan 2020 tersebut dapat dicapai.

Negara telah pun mendapat penghormatan dunia. Malaysia mula disegani. Pemimpin dunia luar silih berganti datang. Malaysia adalah negara contoh yang sewajarnya diteladani. Bagaimana negara bekas tanah jajahan British ini yang mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan mempunyai penduduk yang terdiri daripada pelbagai ras, keturunan, budaya dan bahasa. Malah asal peradaban yang jauh amat berbeza sama sekali. Orang Tionghua dengan peradaban Hwang Ho-nya, India dengan peradaban Ganjisnya, dan tamadun Islam itu sendiri merupakan legenda yang amat menarik.

Semua pencapaian tidak diperolehi dalam sekelip mata. Cerita pencapaian ini penuh dengan pengorbanan, iltizam, 'political will', air mata dan hikmah yang amat tinggi. Tidak ada lampu ajaib untuk kejayaan ini. Kerja kuat dan komitmen yang berterusan selama 40 tahun. Antara kepimpinan dan rakyat adalah perencah utama yang membuahkan nikmatnya hari ini. Hari ini, berkat usaha kerajaan rakyat boleh hidup senang dan makmur di bawah pimpinan yang ada kini, ramai rakyat Malaysia bukan sekadar menjadi millionaire, tetapi juga billionaire, mampu melabur dan membuka industri di negara-negara luar. Begitulah impian sudah menjadi kenyataan.

Sejak mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri pada 16hb. Julai, 1981, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah membangkitkan imaginasi, harapan dan keyakinan rakyat yang belum pernah berlaku sebelumnya. Dato' Seri Dr. Mahathir punya idealisme yang cukup tinggi. Beliau turun ke gelanggang bercakap dalam bahasa yang mudah tentang perubahan yang selama ini dituntut oleh rakyat dan dengan komitmen untuk memberikan yang terbaik dan tanpa belas kasihan menghukum yang terampil dan malas. Bagi beliau, satu hakikat adalah jelas, Malaysia harus berubah sekiranya ia mahu maju dan dihormati. Malaysia wajar membuktikan keupayaannya untuk mendapat penghormatan orang lain. Malaysia sudah terlalu lama dianggap kecil, kerdil, dianggap lemah dan tidak berwibawa. Malaysia harus mengubah orientasinya untuk menghadapi dunia agar negara dan rakyat Malaysia dapat dihormati, disegani dan diterima sebagai setaraf dengan negara yang maju. Dan yang lebih penting rakyat Malaysia sendiri harus sanggup berubah. Dengan bahasa yang mudah, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad mahu rakyat Malaysia menjadi orang rajin seperti orang Jepun. Jangan ikut orang Barat yang semakin culas. Rakyat ingin berkongsi impian ini, dan sesungguhnya Malaysia sudah berada di ambang perubahan.

Rakyat Malaysia berbangga dengan kehebatannya. Seorang yang punya visi yang hebat, seorang pemikir dan cendekiawan yang percaya kecemerlangan tidak ada galang gantinya. Mungkin beliau menggunakan kayu ukur dirinya untuk menilai orang lain, yakni sikap bahawa kegagalan bukan suatu yang boleh diterima secara mudah. Beliau agaknya tidak percaya kepentingan yang lain selain dari menjadi yang terbaik. Cuma sayangnya idealisme tidak akan bererti tanpa didukung oleh landas teori dan pendekatan praktis yang berkesan.

Gagasan beliau sekali pun sebesar mana, akan hanya tinggal impian sekiranya gagal ditafsir dan dilaksanakan. Inilah orangnya yang bernama Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, ahli politik berhati cendekiawan, tetap dikenang sebagai monomentalis, visionist dan tokoh yang mampu menawarkan sumpah Mahsuri di pulau lagenda Langkawi.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir menjadi semacam enigma, malah sebuah misteri. Orang banyak dikatakan sukar membaca fikirannya. Apa lagi menduga gerak dan tindakan politik beliau. Beliau dikatakan licik. Langkah dan gerak beliau sering mendahului serta di luar jangkaan. Gary Robert, seorang penulis Barat menamakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai seorang jurujual hebat yang pernah saya kaji. Beliau menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir kelihatannya melakukan lebih banyak perkara dalam sehari berbanding dengan hampir semua orang yang saya kenali.

Menurut beliau: *"Saya tidak pernah melihat seorang pemimpin politik berusaha keras untuk menyatukan sebuah negara kepada satu misi"*.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana penganugerahan Anugerah Antarabangsa Raja Faisal 1997 kerana khidmatnya untuk Islam.

Penganugerahan ini adalah manifestasi daripada pengiktirafan dunia Islam terhadap kerja-kerja mengangkat martabat dan maruah Islam yang gigih dilakukan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Dunia Islam ternyata mengiktiraf pendekatan Islam Dato' Seri Dr. Mahathir yang lebih menekankan aspek kemaslahatan kehidupan umat di dunia. Dato' Seri Dr. Mahathir mungkin bukan seorang yang alim dalam seluk beluk ilmu-ilmu agama dari aspek ibadat, hukum-hakam, ilmu Al-Quran, Hadis atau Usuluddin. Namun keperibadiannya sebagai seorang muslim memang tidak dapat diragui.

Hubungan politik Dato' Seri Dr. Mahathir dengan komitmen Islamnya, memang tidak boleh dipisahkan. PAS menekankan aspek hukum hakam, manakala pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menekankan aspek nilai Islamnya, khususnya nilai-nilai Islam yang universal yang tanpa disedari dapat juga diterima dan dihayati oleh

kaum-kaum lain, contohnya 'rajin, cekap, bersih, amanah dan kerja kuat'.

Di sinilah hikmah dan kebijaksanaan pendekatan perjuangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir. Ketika pakar politik antarabangsa sibuk membincangkan kebangkitkan semangat pertentangan peradaban yang berasaskan agama, etnik dan ras dalam zaman pasca perang dingin ini, Dr. Mahathir dengan penuh yakin menerjuni kancah politik antarabangsa dengan gaya dan pendekatan yang tersendiri.

Ketika kuasa-kuasa besar sibuk membelasah Islam, Dr. Mahathir menyertai gelanggang dengan identiti tersendiri. Menjunjung nilai-nilai kemanusiaan sejagat berasaskan nilai-nilai murni yang dituntut oleh Islam. Malaysia dan umat Islam sejagat tidak sanggup diperhina dan diperkotak-katikkan sedemikian rupa. Lantas satu-satunya jalan yang menjadi pilihan hanya bekerja keras, tidak hairanlah Dr. Mahathir bekerja sedemikian keras, gigih, tidak mengenal erti penat dan lelah. Ketekunan dan kerja kuat beliau itu membuka dimensi baru dalam pentafsiran kefahaman Islam. Penganugerahan yang diterima bukan sahaja satu penghargaan peribadi untuk beliau, malah penghormatan yang sangat bermakna untuk kita semua sebagai rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kegelutan pelbagai isu sosial yang melanda masyarakat hari ini, guru terus menerus menjadi fokus. Guru seolah-olah menjadi tempat masyarakat menuding jari bagi melepaskan tanggungjawab masing-masing, seolah-olah kebobrokan sosial kini adalah manifestasi daripada kegagalan tugas-tugas guru di sekolah.

Bagi masyarakat, guru adalah segala-galanya. Guru sebagai pendidik, sebagai pembimbing, sebagai kaunselor, penyampai maklumat, pengganti tugas ibu bapa yang sibuk meraih kekayaan tanpa henti-henti, sebagai pegawai keselamatan, sebagai pegawai kebajikan dan juga sebagai kerani di sekolah.

Dengan segala kekurangan, guru dibebankan dengan tugas untuk melakukan keajaiban demi keajaiban. Siapalah kita sebenarnya, tanpa manusia kerdil yang bergelar 'si guru' itu? Dengan tangan dan kaki diikat, guru diarah untuk mendisiplinkan pelajarannya dengan segala kekurangan dan kedaifan. Guru diarah untuk mencipta kecemerlangan, dengan gaji yang lebih separuh kecil daripada seorang operator kilang daripada Bangladesh, guru dikehendaki

tekun, sabar dan bekerja sungguh-sungguh. Di mana ada kecemerlangan, jika sebelah malamnya perlu menambah pendapatan sebagai pemandu teksi bagi mengisi perut anak isteri? Di mana maruah seorang guru dan kewibawaannya, jika guru terpaksa menjual sayur di pasar malam? Di mana martabat seorang guru, jika sebelah malamnya berkhidmat sebagai pengawal keselamatan?

Tuan Yang di-Pertua, guru tetap berada di posisi yang paling rumit. Hiduplah si guru dengan gaya dan stailnya, ibarat lilin, membakar diri untuk menerangi orang lain. Dalam situasi masyarakat menilai kejayaan murid dan sekolah berasaskan prestasi, yang dicapai dalam setiap peperiksaan, tiba-tiba guru pula dicemuh, lantaran dikatakan gagal menyerap nilai-nilai murni untuk dihayati oleh anak didiknya. Ketika ibu bapa berlumba-lumba agar anak mereka mendapat 4A dalam UPSR, 8A dalam PMR dan 8A1 dalam SPM, tiba-tiba guru pula dipersalahkan ketika pelajar tercebur dalam kancah gejala anti sosial.

Kementerian perlu memberi perhatian yang lebih banyak untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kaum guru. Telah banyak yang telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan dalam mengembalikan martabat kaum guru dan perlu lebih banyak lagi tindakan yang wajar dilaksanakan bagi membantu imej dan maruah guru.

Bidang keguruan perlu diiktiraf secara rasmi oleh kerajaan yang akan membolehkan satu majlis keguruan dibentuk sama juga seperti profesion kehakiman yang mempunyai Majlis Peguam dan Majlis Perubatan demi untuk menjaga imej profesion mereka.

Bidang keguruan sebenarnya dianggap profesion kerana seorang guru menjalani beberapa proses seperti juga proses yang perlu dilalui oleh hakim atau doktor. Antaranya perlu menjalani latihan kursus seperti mempelajari pelbagai kaedah pembelajaran, penyelidikan, psikologi kanak-kanak, falsafah pendidikan dan psikologi pendidikan.

Ia juga mempunyai praperkhidmatan iaitu Diploma Pendidikan atau Sijil Perguruan. Sekiranya bidang ini tidak mempunyai praperkhidmatan, barulah ia tidak boleh diterima sebagai profesion. Kini keguruan memang dianggap sebagai satu profesion, tetapi sebenarnya ia belum lagi diiktiraf dan akta yang digunakan sejak zaman penjajah hingga sekarang masih belum lagi meletakkannya sebagai satu profesion. Yang lebih penting, pembentukan Majlis Keguruan ini akan membolehkan kualiti kerja

dan peraturan etika ahli-ahlinya dapat dikawal agar sesuai selaras dengan tanggungjawab, peranan yang dituntut oleh masyarakat terhadap guru pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin lontarkan persoalan ini kepada Kementerian Pendidikan. Kenapa terus dibiarkan guru-guru yang sudah mati minatnya untuk mengajar dan mendidik anak-anak kita? Mengapa guru-guru yang sudah gersang hati budinya dengan ilmu dan anak-anak dibiarkan membebel tidak tentu arah dalam bilik darjah? Kenapa guru-guru yang sudah pupus semangatnya, sudah jadi 'tunggul mati' tetap mendidik anak-anak kita?

Semangat mereka sudah layu. Jiwa mereka sudah tidak bersama pelajar yang diajar. Mereka ingin berhenti dan berniaga atau memelihara cucu kesayangan di rumah, tetapi arahan Kementerian Pendidikan tidak mengizinkan mereka berhenti. Kenapa guru-guru 'tunggul mati' ini dibiarkan menyeksa anak-anak kita?

Jangan biarkan anak kecil yang tidak berdosa menjadi mangsa orang tua yang sudah mati idealismenya, kelak gelap masa depan anak-anak yang tidak berdosa ini. Masih ramai guru-guru di luar bandar yang rajin dan dedikasi, yang sanggup bersusah payah membantu, mendidik anak bangsa tanpa mengira masa, pagi, petang dan malam. Orang-orang sejujur ini masih ramai dan tidak pernah mendapat penghargaan. Saban tahun kurang lebih 100,000 anak-anak muda terkial-kial ingin mendapat tempat sebagai guru pelatih, yang ingin bersara awal, bebaskan mereka dengan baik.

Kita latih anak-anak muda yang penuh idealisme ini, mereka masih muda, semangat masih membara dan membuak-buak, otak sarat dengan idea-idea kreatif, apakah tidak mungkin, kita latih mereka agar menjadi pengganti yang lebih pragmatis dan inovatif. Kita tidak boleh cuai jika ada guru yang masih tidak berminat untuk mengajar. Masa depan rebung wajar dilentur dari sekarang. Ternyata tidak ada imej yang lebih memeranjatkan daripada melihat 7 orang pelajar perempuan bertudung kepala yang ditahan polis. Alasannya mereka disyaki terlibat mengedar dan menagih dadah.

Mereka sebahagian daripada 24 orang pelajar yang ditahan di sebuah sekolah menengah di Tanjong Agas, Muar. Di samping itu, 13 orang yang lain telah juga ditahan dalam gerakan polis. Apabila imej itu ditayangkan di TV dan diulang oleh media cetak, ia mengesahkan apa yang sebenarnya terdetik dalam hati kecil kita dan apa yang digeruni selama ini.

Bahawasanya institusi sekolah belum menjamin disiplin, moral dan akhlak, malah lebih menggerunkan lagi ialah sekolah juga mungkin menjadi sarang dan tempat membiaknya gejala sosial yang buruk hari ini. Apa yang berlaku di Muar, amat memalukan, tidak sama dengan cerita 'kambing hitam' yang lari masuk kelas di Kampung Silam, Lahad Datu, Sabah.

Tragedi di Muar ialah cerita pelajar terbabit dalam jenayah. Pada 6hb. Januari lalu, seorang pelajar Tingkatan II, Sekolah Menengah Dato' Abdul Rahman Yasin di Tampoi, Johor Bahru, ditemui mati dipukul. Bapa pelajar itu mendakwa anaknya menjadi mangsa peras ugut. Alangkah tragisnya, Muhamad Zulkarnain Rahim yang baru berusia 14 tahun harus mati hanya kerana RM5. Khabarnya itulah jumlah wang perlindungan bulanan yang sepatutnya dibayar kepada pelajar-pelajar samseng di sekolahnya.

Bersama-sama berita tangkapan ke atas 24 orang pelajar sekolah di Muar itu ialah kisah seorang pelajar Tingkatan III, Sekolah Menengah Tun Perak, Jalan Saleh juga di Muar yang dipukul dalam perjalanan ke sekolah. Malah ada dakwaan yang mengatakan bahawa terdapat segelintir guru sekolah menengah yang turut membayar wang perlindungan kepada para pelajar yang menganggotai kongsi gelap. Lebih memeranjatkan lagi ialah beberapa siri tangkapan di beberapa buah negeri lain.

Antaranya Pahang, Melaka dan Selangor yang membabitkan pelajar. Selain dadah, mereka juga terlibat berjudi, menghidu gam dan kegiatan samseng. Alangkah baiknya kalau semua ini hanyalah igauan kita di siang hari. Sistem pendidikan kita tidak mungkin begitu bobrok sehingga berleluasanya gejala buruk di sekolah-sekolah.

Kita berharap apa yang berlaku di Johor bukanlah serpihan kecil dari iceberg. Kita juga berdoa ini bukanlah manifestasi umum tentang keruntuhan nilai sosial dan disiplin di kalangan para remaja kita.

Kita lebih cenderung untuk mempercayai bahawa dadah ialah masalah di luar sekolah dan gejala samseng tidak mungkin merebak ke dalam pagar sekolah, ternyata anggapan kita selama ini salah. Sekiranya beberapa tangkapan di Johor dan di beberapa tempat lain itu boleh dijadikan ukuran, soal disiplin di kalangan pelajar ternyata amat menyedihkan.

Kita selama ini diyakinkan bahawa pagar sekolah merupakan salah satu benteng terakhir kewarasan

dalam dunia yang semakin kucar-kacir ini. Selama ini pun pelajar hanya menekankan disiplin di halaman sekolah. Mereka lantas mengisytiharkan kemerdekaan, bebas dari kongkongan dan disiplin selepas sahaja bebas lepas dari belengguan pagar sekolah. Selepas tembok pagar sekolah ini guru dan sekolah sudah tidak punya apa-apa peranan lagi. Hal-hal ini seperti wajar ditangani dengan penuh hikmat, jangan sampai 'Nila setitik rosak susu sebelangga'. Daripada jutaan pelajar kita mungkin hanya segelintir yang memberikan masalah, namun yang segelintir itu sudah cukup untuk memalukan dan mampu mempengaruhi yang lain. Kita perlu meneropong secara jujur di mana silapnya kita, matlamatnya tentulah untuk mencari kebaikan demi masa depan bangsa dan negara kita yang dicintai.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan perlu memberi perhatian khas terhadap PIBG yang 'hidup segan mati tidak mahu' yang sudah layu, yang sudah tidak bermaya terutama di luar bandar. PIBG sebenarnya wasilah penting untuk menangani isu-isu sosial di kalangan pelajar selepas ibu bapa dan guru. PIBG wajar diaktifkan dan dipermangkinkan. Masalahnya banyak PIBG tidak dimotivasikan, pegawai yang menjaga PIBG di Pejabat Pendidikan Daerah hanya datang berucap setahun sekali, selepas itu pulang ke pejabat untuk memanaskan kerusi tanpa membuat sebarang perancangan.

Kementerian perlu mencari pendekatan baru untuk memberi peranan yang lebih kepada PIBG sebagai wadah yang berkesan dalam menangani isu-isu disiplin dan sosial di kalangan para pelajar. Malah inilah wadah yang paling ampuh untuk mempertemukan ibu bapa, waris murid dengan pihak sekolah.

Tokoh-tokoh tempatan dan pemimpin yang berkaliber tidak punya anak belajar di sekolah, di sekolah itu pun perlu dibolehkan memimpin PIBG jika berminat. - Pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan Daerah perlu jadi penggiat, pemangkin dan motivator agar PIBG lebih berfungsi, malah PIBG boleh juga bermesyuarat di surau, masjid atau dewan di luar sekolah asalkan selesa untuk ibu bapa hadir.

Sebenarnya kita perlu melakukan apa sahaja bagi membolehkan benih-benih muda yang punya hari muka boleh bercambah dengan subur. Kita perlu bersama-sama kerajaan dalam semua tindakan untuk menangani masalah sosial remaja. Ini termasuklah Program Kerahan Tenaga khusus untuk para lepasan sekolah terutama selepas mereka selesai menjalani peperiksaan daripada tidak

melakukan apa-apa yang berfaedah lebih baik menganggotai kerahan tenaga ini. Satu mekanisme baru perlu difikirkan untuk memastikan setiap remaja secara sukarela menyertai program ini. Buat permulaan program ini perlulah dimulai dengan remaja yang bermasalah.

Program Kerahan Tenaga ini hendaklah diwajibkan kepada semua remaja lelaki dan perempuan apabila mereka mencecah umur 18 tahun. Jangan terhad kepada remaja lepasan sekolah sahaja. Sebaik sahaja tamat mereka wajar diberi sijil khas sebagai bukti bahawa mereka pernah berkhidmat dalam Kerahan Tenaga, malah sijil penyertaan ini pula perlu dijadikan salah satu syarat untuk membolehkan mereka menjawat sebarang jawatan dalam perkhidmatan kerajaan atau swasta. Untuk yang bekerja sendiri dokumen itu juga dijadikan salah satu syarat wajib untuk mendapatkan sebarang lesen atau permit perniagaan.

Sebenarnya latihan 'Ala Tentera' adalah program terbaik untuk membentuk disiplin dan sahsiah diri. Ini sangat penting kerana untuk mewujudkan remaja berkualiti perlulah bermula dengan disiplin yang baik. Remaja ini juga wajar ditusukkan dengan 'input' keagamaan berasaskan agama masing-masing.

Negara kita adalah negara yang aman, tentera kita tidak perlu berperang dan mereka boleh menjadi jurulatih yang berkesan. Anggota-anggota tentera yang telah bersara juga boleh dijemput untuk menawarkan khidmat. Institusi pengajian tinggi boleh membantu dengan menyelitikan sesi ilmu, manakala sesi kerjaya dan peluang pekerjaan boleh diselitikan oleh sektor swasta. Hakikat yang perlu diterima adalah jelas, masalah sosial rakyat sudah sampai ke tahap yang perlukan tindakan segera, daripada masalah menghidu gam, dadah, pil ecstasy hinggalah kepada kejadian pembuangan anak adalah manifestasi daripada kedudukan sosial kita yang kian pincang. Jika tidak ditangani segera, mangsanya adalah anak cucu kita sendiri. Isu ini bukan isu politik. Isu ini, isu kemanusiaan yang menuntut komitmen semua pihak yang prihatin bagi membina ketahanan dalam diri yang kukuh, memperkuat benteng dan daya tahan yang utuh dalam diri kita semua agar mampu menangani cabaran-cabaran yang mendatang kelak.

Tuan Yang di-Pertua, merentasi semua faktor ini ialah ibu bapa dan keluarga di rumah. Tidak siapa yang dapat menyangkal bahawa guru yang paling berkesan ialah ibu bapa di rumah. Confucius ahli fikir besar Cina pernah menyatakan bahawa

sebuah negara yang aman itu sebenarnya bermula dari sebuah rumah tangga yang bahagia. Ajaran Islam mengajar umatnya bahawa syurga sebenarnya berada di bawah telapak kaki seorang ibu. Hillary Clinton (wanita pertama Amerika Syarikat) membantu kemenangan suaminya Bill Clinton dalam pilihan raya yang lepas dengan slogan 'Back to Basic' (Kembali kepada keluarga). Sebagai salah satu alternatif untuk menangani isu kebobrokan sosial masyarakat Amerika Syarikat. Ini juga selaras dengan gagasan kerajaan dan saranan para pemimpin kita agar institusi keluarga diberi penekanan. Asuhan dan didikan ibu bapa sejak kecil akan memastikan ketahanan seseorang individu. Sekolah hanya akan menyuburkan asas yang telah dipupuk dan menokok apa yang kurang.

Fungsi asasi ibu bapa ialah mendidik anak-anak. Tugas ibu bapa ialah mewujudkan persekitaran yang sihat dan memberangsangkan untuk kesuburan sahsiah serta mental anak-anak berkembang. Ibu bapa wajar memberi perhatian berat terhadap proses perkembangan dan pertumbuhan agar di akhirnya ia bebas dari dipengaruhi pengaruh persekitaran yang menjijikkan atau belenggu kelompok sebaya yang menjejaskan masa depannya. Memandangkan masa depan banyak bergantung kepada kualiti rakyatnya, terutama generasi mudanya, maka tugas ini memerlukan komitmen yang bukan kepalang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Santubong.

4.18 ptg.

Puan Rohani binti Abd. Karim [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong Usul Ucapan Terima Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

Titah Ucapan Seri Paduka Baginda sangat bernaam dan memberi banyak pengajaran dan tunjuk ajar kepada kami sekalian. Insya-Allah dengan bimbingan serta kata nasihat demikian, kami akan terus memainkan peranan selaku wakil rakyat yang sentiasa berkhidmat untuk kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara amnya.

Saya sangat berbangga kerana diberi peluang pada mesyuarat kali ini untuk menyokong Usul Ucapan Terima Kasih di atas Titah Ucapan Seri

Paduka Baginda yang memberi makna bahawa penghargaan adalah juga kepada rakyat Sarawak khususnya kepada rakyat di kawasan Santubong.

Tuan Yang di-Pertua, Multimedia Super Corridor (MSC) atau Koridor Raya Multimedia. Saya ingin menyentuh mengenai perkara yang sedang hangat diperkatakan pada masa ini iaitu mengenai Koridor Raya Multimedia iaitu satu langkah yang berani untuk negara kita menerajui era informasi di Asia.

Saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mempunyai visi yang begitu jauh sehingga negara kita pada masa ini dikagumi ramai. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggegarkan dunia dengan mengutarakan Wawasan 2020 yang telah memberi satu pelan pembangunan yang begitu menyerlah bagi negara kita menyediakan dirinya untuk memasuki era yang lebih canggih ke era cemerlang dalam abad ke-21.

Sekarang rakyat Malaysia telah bersedia untuk memasuki dan sama bersaing dengan negara lain tanpa ada sempadan di dalam era atau zaman teknologi maklumat atau era informasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya akui bahawa Multimedia Super Corridor adalah satu langkah dan usaha Kerajaan Malaysia yang begitu berani yang akan memberi peluang kepada syarikat membangun dan menggunakan multimedia di kawasan ini. Ia adalah satu usaha yang akan membawa perubahan dalam perniagaan di dalam dunia yang luas ini, yang tidak bersempadan dan mengenalkan negara kita tanpa hadnya. Dalam hal ini saya juga mengalu-alukan tindakan kerajaan yang akan mengenalkan beberapa bil berkenaan dengan undang-undang siber bagi memberi perlindungan kepada pengusaha atau pengguna teknologi maklumat ini.

Syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab sekarang masih menjadi bualan di kalangan gergasi dunia betapa cepatnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil peluang di dalam bidang maklumat ini sehingga sanggup memberi segala kemudahan dan infrastruktur bagi membangunkan MSC ini yang menjemput pemain utama dalam peluang yang diberikan di negara kita dalam bidang multimedia.

Memang di dalam apa sahaja yang baru mesti ada kebimbangan dan keraguan tetapi ini semua telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa mekanisme perlindungan pengguna telah difikirkan dan oleh sebab itu akan diadakan

undang-undang siber dan juga kawasan MSC hanya dihadkan di kawasan seluas 15x50 km. Beberapa aplikasi multimedia juga telah dan akan dibangunkan yang menunjukkan betapa seriusnya negara kita dalam bidang teknologi multimedia ini seperti pelancaran kerajaan elektronik, tele-perubatan, sekolah pintar (smart school), kad pintar dan sebagainya untuk menuju ke era informasi.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan dan celik komputer. Seterusnya saya ingin mengaitkan MSC ini dengan pendidikan. MSC adalah satu platform yang begitu penting yang akan merubah corak pentadbiran dan perniagaan di negara kita khasnya di era informasi ini. Tetapi persoalan yang begitu asas, adakah masyarakat kita bersedia untuk menghadapi segala perubahan ini atau adakah persediaan hanya di peringkat atasan sahaja tetapi bagaimana pula di peringkat bawah atau di akar umbi? Di sekolah, memang negara kita akan mendirikan Sekolah Pintar tetapi berapa banyak dan di mana. Sebagai permulaan selari dengan pembinaan Sekolah Pintar, saya cadangkan di sini agar kerajaan amnya membuat persediaan untuk mengadakan program menyeluruh mengenai celik komputer dan celik teknologi.

Semua rakyat Malaysia dari semua lapisan harus kenal dan tahu menggunakan alat komputer iaitu alat yang begitu asas yang akan digunakan dalam era informasi. Semua agensi kerajaan dan bukan kerajaan harus menggembelingkan usaha untuk mencapai seratus peratus celik komputer di Malaysia ini. Ini termasuklah rakyat jelata, penuntut, pegawai kerajaan dan bukan kerajaan, penduduk di bandar dan di luar bandar, yang tua dan yang muda dan khasnya wakil rakyat.

Alat komputer pada masa ini masih mahal iaitu tidak termampu oleh mereka yang berpendapatan kecil dan sederhana, malah alat komputer yang ada di perpustakaan awam juga masih mahal jika digunakan untuk Internet. Yang paling asas pula, bekalan elektrik pun belum menyeluruh yang tidak memungkinkan penggunaan komputer.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pada masa yang sama negara kita membangunkan MSC di zon Putrajaya dan di Siberjaya, kita harus memastikan bahawa segala infrastruktur yang memungkinkan ke arah seratus peratus kerajaan elektronik juga diberi perhatian yang segera. Kita harus pastikan bahawa negara Malaysia seratus peratus dibekalkan dengan bekalan elektrik, air, jalan raya, telefon dan sebagainya yang diperlukan oleh

prasarana MSC. Ini termasuklah memberi kesedaran kepada orang ramai tentang pentingnya mengetahui penggunaan komputer dalam kehidupan seharian dan merubah sikap terhadap alat komputer.

Saya berpendapat bahawa pendidikan komputer di sekolah harus diwajibkan dan bukan sebagai mata pelajaran tambahan sahaja. Bekalan alat komputer ke semua sekolah yang ada bekalan elektrik mesti dijalankan secepat mungkin. Tempat yang tidak ada elektrik harus dipercepatkan bekalannya supaya alat komputer juga akan dibekalkan kepada semua pelajar sekolah di situ. Semua ini harus diselaraskan oleh pihak kerajaan dan ambillah cara bersepadu iaitu penekanan kepada penggunaan komputer di semua peringkat masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kepesatan pembangunan dan kemajuan teknologi secara langsung dan tidak langsung telah banyak merubah wajah dunia. Di negara kita terutama sekali beberapa tahun kebelakangan ini, perubahan itu telah turut mencorakkan bentuk dan tatacara perhubungan dan komunikasi sama ada antara wilayah atau antara benua sama ada dalam bidang kemasyarakatan ataupun pendidikan, ekonomi, politik dan hubungan antarabangsa.

Globalisasi, penyempitan dunia dan perkampungan sejagat adalah antara beberapa istilah baru yang memanifestasikan dengan jelas akan kesan dan pengaruh pertumbuhan dan perkembangan pesat sistem perhubungan yang berpangkalan pada pembangunan teknologi maklumat yang canggih dan tinggi. Pemilikan komputer peribadi serta Internet yang semakin terupaya oleh sebahagian besar daripada warga terdidik di negara ini adalah juga manifestasi jelas akan penerimaan positif kepentingan dan kewajaran penggunaan IT secara meluas di kalangan masyarakat Malaysia.

Penggunaan Koridor Raya Multimedia baru-baru ini adalah pelengkap kepada semua perkembangan terbaru ini. Dalam sistem persekolahan formal kita pula, gagasan tentang Sekolah Pintar (Smart School), pendidikan komputer dan seumpamanya boleh dijadikan bukti bahawa penyediaan generasi muda yang celik IT dan celik komputer, Internet atau cyberworld sekarang dilakukan secara sedar di peringkat sekolah rendah lagi. Adalah diharapkan pertumbuhan dan perkembangan seperti ini benar-benar menyeluruh sifatnya dan merentasi sempada wilayah, daerah dan kaum. Segala bentuk kekurangan sama ada dari segi kemampuan

kewangan atau kemudahan-kemudahan prasarana asas seperti bekalan elektrik dan seumpamanya di kawasan-kawasan pedalaman terutama di Sarawak dan Sabah hendaklah juga diberi perhatian.

Masyarakat keseluruhannya dan terutama sekali para pelajar di kawasan-kawasan luar bandar akan terus terpinggir sekiranya pendekatan strategik baru tidak diperkenalkan bagi membolehkan kawasan-kawasan pedalaman ini bergerak sama dalam arus pertumbuhan dan perkembangan serta penggunaan IT. Perlu kita sedari bahawa sampai sekarang sesetengah kawasan di Sarawak masih tidak dapat menerima siaran radio atau TV dengan baik, malah bandar perindustrian Bintulu masih sabar menunggu untuk menikmati siaran pertama TV3.

Tuan Yang di-Pertua, membincang mengenai pelaksanaan pendidikan komputer di sekolah-sekolah sebagai contoh, kita perlu mengambil kira perkara-perkara berikut;

- (i) keupayaan sekolah-sekolah luar bandar untuk mendapat bekalan komputer sekira tidak ada bantuan secukupnya dari pihak kerajaan;
- (ii) keupayaan pihak Kementerian Pendidikan untuk memberi latihan kepada guru dan bakal guru untuk membolehkan mereka menguasai kecekapan menggunakan komputer sebelum mata pelajaran ini diperkenalkan di sekolah;
- (iii) kos penyelenggaraan yang secara relatif adalah tinggi di kawasan pedalaman;
- (iv) bekalan tenaga elektrik yang tidak terdapat di sesetengah kawasan; dan
- (v) pelbagai kemudahan fizikal seperti makmal atau bilik komputer yang masih belum mencukupi dan tidak bertaraf dunia.

Penyediaan asas atau latihan pemantauan pelaksanaan program ini memerlukan peruntukan yang tinggi dan tambahan perkara ini membawa juga kepada peningkatan kos pengurusan dan penyelenggaraan yang berulang setiap tahun. Satu ironi yang cukup menarik yang perlu kita tangani bersama ialah keghairahan kita untuk menyediakan sekolah kita untuk menerima kemasukan teknologi canggih sedangkan keperluan melengkapkan kemudahan asas yang paling minimum untuk menjadikan persekitaran kerja dan pendidikan yang lebih selesa dan bermutu masih belum dapat dicapai sepenuhnya. Sebahagian besar daripada sekolah

luar bandar di Sarawak terutama yang dikendalikan majlis tempatan sebelum pemanjangan Akta Pendidikan 1961 ke Sarawak adalah yang terdiri daripada sekolah yang prasarana fizikalnya masih dalam keadaan dhaif dan kemudahan-kemudahan lain untuk menjamin keselesaan kebajikan guru dan pelajar seperti asrama dan rumah guru masih tidak mencukupi dan serba kekurangan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sekolah-sekolah bandar pula, kesukaran mendapatkan tanah juga telah menjadikan sekolah-sekolah ini sesak dan miskin padang permainan. Kekurangan kemudahan untuk sukan dan riadah banyak menjejaskan usaha memantapkan pertumbuhan individu secara menyeluruh yang telah diakui kepentingannya dalam melahirkan generasi muda yang berketerampilan.

Di sini sekali lagi kita berdepan dengan dilema membuat pertimbangan yang wajar dan berpatutan di antara penekanan ke atas pelaburan, ke atas pendidikan berteraskan teknologi canggih dengan penyempurnaan dan pelengkapan kemudahan asas di sekolah-sekolah. Dengan peningkatan masalah sosial di kalangan para remaja dan dengan disedari bahawa kegiatan sukan dan kesenian yang sihat akan dapat mengelakkan daripada berlakunya gejala buruk ini dengan cara berleluasa, maka perimbangan yang berwajaran di antara penyediaan teknologi canggih dengan kemudahan asas semakin menuntut perhatian perencana dan pelaksana pelbagai program pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat meluas penggunaan komputer. Semua pihak mesti mengambil langkah positif dan proaktif untuk menyebarkan maklumat mengenai penggunaan komputer. Rancangan di televisyen harus dipertingkatkan lagi dengan rancangan yang ada kaitan dengan komputer.

Pada masa ini, saya sangat berminat dengan rancangan Cyberwave yang menunjukkan kepada kita tentang penggunaan komputer dan apakah yang terbaharu dalam pasaran mengenai alat dan aksesori komputer. Tetapi berapa ramaiakah penonton yang berminat dengan program ini? Adakah program ini hanya ditumpukan kepada golongan muda sebab pengacara program ini adalah dua orang remaja?

Kalau diikuti siri ini, ianya sangat berguna dan saya juga ingin mengucapkan syabas kepada siri dalam "Selamat Pagi Malaysia" yang juga berusaha mengadakan perbincangan dan penerangan mengenai penggunaan komputer, bukan yang terlalu teknikal untuk difahami.

Berita Harian juga ada rencana atau keluaran khusus mengenai komputer yang juga dapat membantu dalam pendedahan pembaca mengenai penggunaan komputer dan hal ehwal semasa berkaitan dengan penggunaan komputer. Langkah ini amat dialu-alukan, tetapi berapa luaskah penyebaran ini sehingga sampai kepada semua lapisan masyarakat dalam negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial. Saya hendak menyentuh mengenai masalah sosial yang banyak diperkatakan sekarang ini. Saya memang bersetuju dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kita tidak membuat kajian yang mendalam sebelum kita betul-betul yakin bahawa itulah punca masalah sosial yang berlaku sekarang ini.

Masalah ini juga banyak digembar-gemburkan sehingga mereka yang terlibat berasa megah dan bangga bahawa mereka telah menjadi bahan berita hangat. Saya juga bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa berita ini sudah cukup disiarkan dalam media massa. Sekarang adalah masanya untuk kita berfikir secara rasional, secara bersepadu dan mencari jalan yang sebaiknya untuk mengatasi masalah ini.

Masalah ini kalau tidak diatasi dengan cara sebaiknya, akan memberi kesan yang begitu negatif dan akan menyebabkan negara kita mempunyai peringkat kepimpinan yang tidak jelas. Saya amat bersetuju dengan pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa faktor ketahanan diri adalah yang terpenting sekali agar kita terhindar dari terlibat dengan masalah sosial seperti mengedar dan menagih dadah, pergaulan bebas, merogol, menculik, mengikuti ajaran sesat, samseng, memukul guru, pembuangan bayi dan bermacam-macam lagi gejala negatif yang sering kita baca dalam media cetak.

Ketahanan dirilah yang akan menjamin bahawa kita dapat menjauhi diri dari gejala negatif ini. Peranan kita bersama yang dapat menentukan bahawa semua kita ada ketahanan diri. Ketahanan diri pula boleh didapati dari adanya disiplin dari dalam diri seseorang itu. Disiplin adalah pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri. Disiplin mampu membentuk seseorang itu menjadi seorang yang berguna kepada diri, keluarga, masyarakat, bangsa dan negara.

Memandangkan hakikat ini, disiplin harus dititikberatkan di semua peringkat. Oleh yang demikian, saya memang bersetuju agar belia kita diserapkan ke national service, dengan izin, dan

diberi cukup penekanan dalam disiplin. Penyerapan ke national service ini adalah wajib dan ianya boleh digabung di bawah program Rakan Muda yang diselenggarakan di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan agar masa di antara selepas peperiksaan SPM dan STPM sehingga mendapat keputusan dipendekkan. Masa ini pula harus diurus oleh pihak kementerian dengan aktiviti berunsur disiplin yang wajib diikuti oleh semua pelajar ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan di luar bandar. Proses pembangunan yang berlaku di dalam negara kita menunjukkan perbezaan di antara kawasan dan juga di antara bandar dan luar bandar. Keadaan ini berbeza mengikut pembangunan prasarana, jumlah penduduk, kadar kemiskinan, jumlah pendapatan dan kadar celik huruf. Perbezaan ini juga ada kaitan dengan masalah sosial yang dialami.

Saya akui bahawa proses transformasi pertama adalah tertumpu kepada pembangunan infrastruktur, bahkan banyak lagi negeri masih berada di peringkat ini. Sekarang, Kementerian Pembangunan Luar Bandar pula dalam melaksanakan proses transformasi kedua, iaitu memberi fokus kepada pembangunan manusia. Ini adalah langkah yang bijak memandangkan bahawa kita berada dalam era informasi.

Saya memang setuju bahawa kita perlu menukarkan trend dan komitmen kerajaan terhadap pembangunan luar bandar agar kita dapat mencapai senario desa tahun 2020 yang bercirikan seperti berikut:-

Kampung harus menjadi lebih berdaya saing dengan sektor pertanian dan industri moden menjadi aktiviti utama penduduk luar bandar. Perkampungan tradisional menjadi lebih tersusun, industri besar dan kecil harus juga terletak di kawasan luar bandar. Industri perkhidmatan harus muncul di pusat-pusat pertumbuhan. Pendapatan keseluruhan penduduk luar bandar harus berada dalam lingkungan 80% hingga 90% pendapatan penduduk bandar secara purata. Kawasan luar bandar harus cukup menarik seperti kawasan bandar.

Oleh yang demikian, saya sangat menyokong anjakan paradigma untuk meneruskan transformasi kedua luar bandar yang diusahakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu transformasi desa yang menarik, maju dan menguntungkan melalui penduduk yang bersikap

dinamik, kreatif dan participative, dengan izin, serta mempunyai satu matlamat untuk membangunkan manusia yang berkualiti dan menguasai nilai murni agar mereka dapat menggunakan faktor masa, informasi dan sumber yang ada kepada suatu tahap yang paling optimum. Tetapi pihak kementerian harus menyedari hakikat bahawa banyak lagi negeri-negeri masih di tahap transformasi pertama dan oleh yang demikian, mungkin akan ketinggalan jika pihak kementerian memasuki ke transformasi kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sumber manusia. Globalisasi dan ekonomi berdasarkan maklumat dan ilmu sedang dan akan terus mewujudkan persaingan sengit di kalangan negara di dunia. Memandangkan sumber manusia merupakan aset penting negara dan menjadi senjata utama bagi meningkatkan daya saing, kita perlu sentiasa meningkatkan keupayaan dan kemampuan sumber manusia kita dengan mewujudkan tenaga kerja mahir dan berilmu dan yang responsive terhadap perubahan dan pembangunan.

Ini bermakna bahawa untuk terus berjaya, negara perlu memiliki dan mampu mengekalkan tenaga kerja yang berkebolehan. Negara perlu melabur secara berterusan untuk mewujudkan tenaga pekerja mahir untuk mengekalkan kemahiran mereka di tahap yang tinggi dan seterusnya untuk membangunkan mereka agar mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran yang dinamik dan yang sentiasa berubah.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita amat bertuah kerana kita kini memiliki Wawasan 2020, Rangka Rancangan Jangka Panjang, Rancangan Malaysia Ketujuh dan baru-baru ini Pelan Induk Perindustrian Negara Kedua, untuk memastikan negara terus maju ke hadapan dan mampu bersaing dengan negara lain di dunia. Kesemua dokumen ini bukan sahaja menunjukkan arah tuju pembangunan negara, tetapi juga strategi pembangunan dan implikasi ke atas pembangunan sumber manusia negara ini.

Pelan Induk Perindustrian Kedua telah mengenal pasti strategi pengeluaran kelas-kelas untuk negara Malaysia. Strategi ini memberi fokus terhadap pengintegrasian sepenuhnya operasi pengeluaran untuk tujuan meningkatkan ikatan perindustrian yang menekankan lima aspek.

- (i) berorientasikan global;
- (ii) meningkatkan daya saing;
- (iii) memperbaiki asas ekonomi;
- (iv) menekankan penubuhan syarikat milik Malaysia; dan
- (v) proses menekankan maklumat dan ilmu.

Pelan Induk Perindustrian Kedua seperti juga rancangan dan dasar kerajaan yang lain, telah memberi penekanan terhadap pentingnya pembangunan sumber manusia dari aspek kualiti dan juga kuantiti bagi membantu mempercepatkan proses perindustrian. Jelaslah bahawa proses perindustrian yang semakin menekankan penggunaan teknologi tinggi amat memerlukan pekerja yang mahir dan berilmu dan yang berupaya membangunkan teknologi tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya teknologi maklumat akan terus membawa perubahan besar baik di tempat kerja mahu pun di rumah. Langkah kerajaan untuk menubuhkan MSC, Cybercity, Malaysia Electronic City, sekolah pintar dan kerajaan elektronik mempunyai implikasi besar terhadap pembangunan sumber manusia. Kejayaan projek berasaskan teknologi maklumat ini juga amat bergantung kepada kualiti sumber manusia kita.

Pelbagai program latihan sedang dijalankan oleh kerajaan dan juga pihak swasta dalam usaha membantu negara memiliki sumber tenaga yang mahir dan berkeupayaan. Saya percaya dan berkeyakinan bahawa perancangan yang teliti dan komitmen mendalam semua pihak berkenaan akan membuahkan hasil yang membanggakan. Walau bagaimanapun, tidak mencukupi bagi kerajaan untuk mewujudkan dasar merentas jalan dan melaung-laungkan perlunya pekerja berilmu dan mahir. Juga tidak mencukupi bagi organisasi atau syarikat mengadakan latihan untuk anggotanya atau pekerjaanya. Kedua-dua pendekatan ini adalah kritikal untuk membantu mempercepatkan perjalanan negara ke arah menjadi sebuah negara maju. Dengan lain kata, pendekatan tersebut tidak mencukupi bagi menghadapi dunia yang dinamik dan sentiasa berubah.

Kita memerlukan satu lagi pendekatan, iaitu dengan mewujudkan budaya, dengan izin, 'self managed learning', di mana setiap individu dikehendaki bertanggungjawab terhadap pembangunan sendiri. Kita perlu menggalakkan pembelajaran berterusan di kalangan pekerja, kerana pembangunan dan perubahan memerlukan individu yang sentiasa mempunyai semangat untuk belajar dan mendalami pengetahuan atau kemahiran yang ada pada dirinya. Individu yang berupaya dan sanggup bertanggungjawab terhadap pembangunan diri, organisasi, sama ada organisasi awam, swasta atau sukarela boleh dan seharusnya berusaha menjadikan individu sebagai, dengan izin, 'self managed learners' yang bermotivasi dan berupaya untuk terus membangun.

Setiap organisasi perlulah menggalakkan pekerja untuk terus belajar dan memajukan diri. Organisasi perlu mewujudkan keadaan di mana individu boleh dan mampu dimajukan dan mempunyai kemudahan untuk memajukan diri. Memandangkan bahawa pembangunan pekerja adalah tanggungjawab bersama, semua pihak dalam organisasi baik pihak pengurusan atau pekerja itu sendiri perlu bekerjasama bagi mewujudkan suasana yang menggalakkan pembangunan diri. Sekarang ini setiap organisasi ditakrifkan sebagai, dengan izin, 'learning organization' yang memberi motivasi kepada setiap kerjanya untuk memajukan dirinya dan mempelajari perkara yang baru untuk mempertingkatkan prestasi diri dan organisasinya. Kita memerlukan pendekatan serampang tiga mata bagi memastikan kita berupaya menghasilkan dan mengekalkan pekerja berilmu dan mahir dalam menghadapi cabaran akibat perubahan pesat dan bagi memastikan negara kita mampu bersaing dengan negara lain dalam dunia global.

Tuan Yang di-Pertua, Wanita Dalam Pembangunan - Wanita merupakan setengah daripada kependudukan dunia. Di Malaysia perangkaan masa kini menunjukkan bahawa jumlah penduduk wanita telah meningkat daripada 8.9 juta pada tahun 1990 kepada hampir 10 juta dalam tahun 1995. Pertumbuhan kira-kira 2.4% setahun daripada jumlah penduduk 18.4 juta orang. Ini banciaan 1991. Kira-kira 9.1 juta adalah wanita. Kira-kira 48% wanita dalam umur bekerja, iaitu antara 15 hingga 64 tahun, menunjukkan potensi yang dimainkan oleh wanita dari segi tenaga kerja. Penglibatan dan sumbangan wanita kepada pembangunan negara telah menerima perhatian dan liputan yang luas dalam negara ini. Dan pada masa yang sama, mereka juga telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan keluarga.

Dasar Wanita Negara telah digubal dalam tahun 1989 menunjukkan bahawa kerajaan begitu komited terhadap kemajuan wanita serta mempertingkatkan peranan dan tempat wanita dalam masyarakat. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, pihak kerajaan akan meneruskan program memajukan wanita dengan memberi lebih peluang pendidikan dan latihan, mempertingkatkan kedudukan kesihatan dan memastikan bahawa wanita sentiasa melibatkan diri dalam ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sosial dan ekonomi adalah perlu dalam usaha negara meningkatkan taraf dan kualiti hidup masyarakat, terutama sekali masyarakat luar bandar. Kaum

wanita mempunyai tanggungjawab yang berat dalam proses membangunkan individu, keluarga dan masyarakat. Rancangan Malaysia Ketujuh mengakui bahawa wanita terus memberi sumbangan bermakna kepada pembangunan nasional, selain daripada memainkan peranan penting dalam pembangunan keluarga mereka. Seterusnya Rancangan Malaysia Ketujuh berjanji akan meneruskan strategi dan program yang telah dijalankan sehingga kini untuk mempertingkatkan peranan, kedudukan dan tanggungjawab wanita dalam kehidupan sosial dan ekonomi negara.

Teras strategi bagi memajukan wanita seperti terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketujuh adalah seperti berikut:

- (i) menggalakkan penyertaan wanita yang lebih dalam pasaran buruh melalui penyediaan peraturan kerja yang lebih anjal dan kemudahan sokongan;
- (ii) menyediakan peluang pendidikan dan latihan yang lebih luas untuk memastikan mobiliti yang lebih tinggi bagi wanita dalam pasaran buruh;
- (iii) memperbaiki lagi taraf kesihatan wanita;
- (iv) mengkaji semula undang-undang dan peraturan yang menghalang kemajuan wanita dalam ekonomi;
- (v) memperkukuhkan keupayaan institusi untuk kemajuan wanita;
- (vi) menggerakkan Dasar Wanita Negara melalui pelaksanaan satu pelan tindakan; dan
- (vii) menjalin hubungan yang lebih rapat di peringkat antarabangsa melalui penyertaan berkesan di forum antarabangsa dan pelaksanaan iltizam untuk kemajuan wanita.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah ini tidak akan berjaya sekiranya kaum wanita hanya berdiam diri dan menunggu kemudahan yang disediakan. Kaum wanita perlu bersifat lebih proaktif dan agresif untuk turut serta dan merebut peluang ini dengan sepenuhnya. Kejayaan program ini terletak di tangan kaum wanita sendiri. Wanita perlulah bersedia dan berkebolehan untuk menerima perubahan dan menghadapi cabaran dan permintaan dalam proses dan arus pembangunan negara supaya tidak ketinggalan selaras dengan usaha negara menjadi sebuah negara membangun pada tahun 2020.

Selain daripada itu, satu aspek penting dalam pembangunan sumber manusia perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak iaitu pembangunan pemimpin wanita dalam masyarakat. Wanita menyumbang ke arah pembangunan masyarakat secara keseluruhan melalui penglibatan mereka sebagai pemimpin dalam kumpulan formal dan tak formal seperti pertubuhan sukarela.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan tentang keperluan membentuk dan membangunkan keupayaan wanita sebagai pemimpin tempatan kerana mereka juga mempunyai kebolehan dan merupakan aset yang penting dalam pembangunan sosial dan ekonomi dalam masyarakat.

Kajian telah menunjukkan bahawa penyertaan pemimpin wanita dalam organisasi tempatan terutamanya dalam Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), bahawa wanita kurang diwakili, tidak begitu menyerlah dan biasanya diberi peranan atau jawatan yang kurang mencabar.

JKKK boleh dilihat sebagai sebuah organisasi tempatan yang sangat penting dan memainkan peranan utama dalam membawa perubahan dan pembangunan di kawasan luar bandar.

Oleh yang demikian, wanita perlulah diberi latihan untuk memperkasakan dan memperkemaskan diri untuk menjadi pemimpin tempatan dalam aspek kepimpinan, motivasi, pembentukan diri, kemahiran berkomunikasi, membuat keputusan dan program perancangan pengawasan dan penilaian projek.

Bilangan ahli wanita dalam JKKK juga perlu ditambah dan diberi peluang memegang jawatan yang penting. Tidak dapat dinafikan bahawa kepimpinan wanita yang berkualiti diperlukan di peringkat keluarga dan diperingkat masyarakat untuk membantu wanita mencapai kejayaan dalam kehidupan berkeluarga dan kehidupan bermasyarakat.

Keluarga dan masyarakat yang sihat dan sejahtera perlu untuk kita maju ke hadapan bagi menyahut cabaran menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju. Kepimpinan cemerlang dapat membantu wanita menyumbangkan ke arah pembangunan individu, keluarga, masyarakat dan negara.

Selain daripada memiliki ciri-ciri kepimpinan seperti berilmu, berinisiatif dan berjiwa tinggi, pemimpin wanita cemerlang juga perlu berwawasan, memiliki nilai dan kepercayaan dan berani bertindak.

Untuk membolehkan wanita menjadi pemimpin cemerlang dan berwawasan, mereka memerlukan pengetahuan dan kemahiran kepimpinan dan pengurusan. Pendidikan dan latihan adalah satu strategi terpenting bagi menyediakan dan melengkapkan wanita memikul tanggungjawab dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, pentingnya wawasan. Akhir sekali, wawasan ialah imej jelas tentang masa depan yang diharapkan. Ia adalah satu yang boleh dicapai, yang mencabar dan juga merupakan target bermakna yang mampu menggembeleng tenaga anggota bagi mencapainya.

Ia bukan hanya satu rancangan atau matlamat. Ia adalah gambaran tentang apa yang sepatutnya berlaku di masa depan. Adalah menjadi tanggungjawab pemimpin untuk memiliki wawasan dan menjadikan wawasan itu satu realiti. Seorang pemimpin perlu memiliki wawasan kerana wawasan inilah yang akan memandu mereka merancang masa depan dan bersedia memasuki dunia baru.

Sebagai pemimpin keluarga, kita perlu memiliki wawasan tentang masa depan anak-anak, keluarga dan tidak lupa juga diri sendiri. Sebagai pemimpin pertubuhan dan pemimpin masyarakat, kita perlu juga mempunyai wawasan tentang arah yang akan dituju oleh pertubuhan dan juga anggota pertubuhan.

Tanpa wawasan, pemimpin tidak akan berupaya mara ke hadapan, ke satu arah yang berbeza dan yang lebih baik daripada masa lampau. Dengan izin, well, there is no vision, the people perish. Kata-kata ini yang memberi erti manusia akan musnah tanpa wawasan mempunyai banyak kebenarannya. Ia bukan sahaja dikaitkan dengan masa depan sesebuah keluarga, sesebuah komuniti dan sesebuah pertubuhan, tanpa wawasan kemungkinan besar kita akan terus hidup dan bergerak dengan berlandaskan tradisi atau apa yang kita lakukan di masa lampau tanpa memikirkan sesuatu yang baru.

Tanpa wawasan, sukar bagi kita untuk maju atau membangun kerana kita cenderung untuk mengekalkan status-quo dan melakukan sesuatu berdasarkan apa yang biasa dilakukan. Bagi rakyat Malaysia, kita sungguh berbangga mempunyai seorang pemimpin seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mempunyai wawasan yang jelas, yang membawa Malaysia ke tahap yang dikagumi di dunia sejagat iaitu Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.
[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Tanjong.

4.57 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda, Yang di-Pertuan Agong bertitah:

"Pembangunan projek Koridor Raya Multimedia merupakan antara usaha terpenting kerajaan tahun ini. Ia merupakan salah satu usaha besar Malaysia menguasai teknologi maklumat, iaitu bidang yang akan banyak mencorakkan kemajuan dunia masa depan. Koridor Raya Multimedia menawarkan persekitaran serasi yang direka khas bagi memudahkan cara baru pengusaha dan syarikat bergabung untuk memperoleh faedah yang ditawarkan oleh Era Maklumat. Pada tahun ini juga akan terlihat tindakan-tindakan diambil untuk memulakan pembangunan bandar Siberjaya dan Universiti Multimedia dalam kawasan ini. Sehubungan ini, Beta menyeru semua golongan rakyat supaya menjadikan Koridor Raya Multimedia sebagai projek yang mesti dijayakan kerana kita tidak mahu ketinggalan dalam penguasaan teknologi maklumat."

Tuan Yang di-Pertua, semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengadakan satu taklimat dan dialog selama dua jam setengah bersama para pemimpin Barisan Nasional mengenai isu masalah sosial dan Koridor Raya Multimedia pada 11hb. Mac, salah sebuah surat khabar tempatan melaporkan bahawa sungguhpun MSC telah dijelaskan secara panjang lebar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi hanya satu soalan sahaja yang dibangkitkan oleh para peserta dan perkara ini menggambarkan kekurangan pemahaman para peserta atas perkara ini.

Saya percaya, saya tidak silap menyatakan bahawa persepsi rakyat Malaysia secara umumnya adalah: Teknologi Maklumat (IT) dan MSC adalah perkara yang sama dan apabila kerajaan bercakap-cakap mengenai isu menggalakkan IT, ia sebenarnya sama seperti menggalakkan MSC. Bagaimana kita boleh menyalahkan rakyat jelata sekiranya para Ahli Parlimen kita sendiri yang telah menyamakan pembangunan IT dengan MSC sebagaimana yang dibayangkan oleh fakta bahawa sungguhpun sejumlah 74 soalan mengenai MSC telah ditanya

dalam mesyuarat selama 26 hari kali ini dan selain dari 32 soalan yang berkenaan dengan pendidikan komputer di sekolah-sekolah yang bertindih dengan aplikasi flagship MSC iaitu sekolah bistari, hanya beberapa sahaja soalan yang menyentuh tentang Teknologi Maklumat.

Nampaknya inilah persoalan pokok yang mengelilingi Agenda IT Kebangsaan (National IT Agenda), di mana bahagian disalah anggap sebagai keseluruhannya, kerana biar betapa penting serta bercita-cita tingginya projek MSC semahal RM5 bilion, ia sebenarnya hanya merupakan sebahagian dan bukan keseluruhan Agenda IT Kebangsaan.

MSC mungkin boleh dianggap sebagai 'crown jewel' bagi Infrastruktur Maklumat Kebangsaan (National Information Infrastructure) yang Malaysia perlu bina sekiranya kita ingin melakukan transisi ke era 'masyarakat maklumat'. Tetapi MSC bukannya National Information Infrastructure, yang mana mengikut tafsiran perlu termasuk empat komponen utama iaitu:

- (i) rangkaian telekomunikasi;
- (ii) sistem komputer, televisyen, mesin faks, telefon serta lain-lain perlengkapan maklumat;
- (iii) perisian, perkhidmatan maklumat serta pangkalan data; dan
- (iv) orang yang terlatih yang tahu membina, menjaga dan menggunakan sistem-sistem ini.

Rancangan Malaysia Ketujuh, yang telah dibentangkan di Parlimen pada bulan Mei tahun lepas pernah merujuk kepada satu rancangan bertindak kebangsaan IT (IT Action Plan) yang akan dirumuskan oleh Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) untuk menentukan langkah-langkah yang perlu dalam menggalakkan pembangunan Malaysia supaya menjadi pusat IT dan akan menggariskan skop, saiz dan jadual rancangan-rancangan serta program-program termasuk juga infrastruktur, sokongan yang diperlukan seperti pendidikan dan latihan. Rancangan yang disebutkan ini juga akan mengenalpasti usaha dan sumbangan kedua-dua sektor awam dan swasta.

Adalah dikatakan bahawa setahun dalam usia manusia sama seperti lima tahun dalam dunia Internet dan ini bererti bahawa setelah kehilangan 5 tahun Internet, kita masih belum menetapkan satu rancangan IT kebangsaan.

Kelewatan dalam memuktamadkan rancangan IT kebangsaan tidak harus diteruskan. Singapura mengambil masa sembilan bulan untuk memuktamadkan IT2000 Plan di dalam tahun 1991 - wawasannya untuk menjadi antara negara di dunia yang memiliki infrastruktur maklumat seluruh negara termaju - yang sungguh berbeza pada awal-awal lagi dari lain-lain rancangan teknologi maklumat kerana pada masa berkenaan, Internet masih belum lagi menjadi peralatan yang digunakan secara meluas untuk mendapatkan maklumat.

Dalam tahun yang lepas, MSC telah membayangi (over shadow) Agenda IT Kebangsaan serta rancangan IT kebangsaan. Sungguhpun MSC sesuatu yang merangsangkan kerana yang akan memiliki kapasiti yang tinggi, infrastruktur telekomunikasi digital yang sepenuhnya, misalnya tulang belakang fiber-optik berkapasiti 2.5 - 10 gigabit sesaat, tetapi adakah pembangunan ini dijalankan di samping mengorbankan pembangunan Infrastruktur Maklumat Kebangsaan (NII) yang dapat membekalkan akses berkelajuan tinggi, universal serta murah kepada semua rakyat Malaysia di seluruh negara dan bukannya hanya terhad di atas sebidang tanah seluas 15 kali 50 kilometer.

Persoalan asas ini berkaitan dengan isu sama ada MSC selaras dengan prinsip 'akses universal, mampu ditanggung dan sama rata' ke Lebuhraya Maklumat supaya memastikan bahawa tidak munculnya pembahagian di kalangan rakyat Malaysia di antara mereka yang 'kaya maklumat' dan 'miskin maklumat' ataupun dalam kes ini, satu oasis kemakmuran maklumat di MSC berbanding dengan sebuah negara yang pada keseluruhannya ketinggalan malah miskin maklumat.

Lebuhraya Maklumat sepatutnya bererti berakhirnya geografi (end of geography) dan tamatnya kezaliman jarak (the tyranny of distance). Bukankah penubuhan MSC telah terbalikkan proses ini di mana geografi menjadi benteng sekali lagi?

Wujud banyak persoalan mengenai MSC yang perlu dijawab. Satu soalan penting adalah sama ada Malaysia memiliki tenaga mahir dan pakar dalam bidang IT untuk menjayakan MSC. India mengikut angka per kapita, merupakan satu negara miskin maklumat yang mempunyai lebih kurang 1.2 juta pangkalan terpasang komputer peribadi dalam tahun 1996 - iaitu antara yang paling rendah di dunia, tetapi sungguhpun berada dalam persekitaran yang ketandusan perkakasan ini atau satu environment di mana hardware ialah begitu rendah, industri perisian atau software India telah mencapai tahap dunia dan berdaya bersaing.

Jawapannya terlanter dikewujudan sejumlah besar bakat berkenaan yang terdapat di dalam negara berkenaan dan cara ia ditumpukan. India memiliki kumpulan kerja saintifik yang menggunakan bahasa Inggeris, saiz kumpulan tenaga kerja ini hanya di tempat kedua selepas Amerika Syarikat. Antara 40,000 graduan teknikalnya datang dari 1,700 institusi pengajian tingginya dan lebih kurang 475 institusi komputer yang menghasilkan 15,000 graduan setiap tahun. Angka-angka perbandingan untuk tahun 1996 menunjukkan bahawa profesional perisian di Amerika Syarikat, Jepun dan Jerman ialah 11 hingga 13 kali lebih mahal dari rakan sejawat mereka di India.

Jumlah tenaga kerja di dalam industri perisian India telah membolehkan mereka mengambil alih projek-projek yang besar dan tidak mampu ditanggung oleh kebanyakan pesaing mereka dari luar negara dan ini seterusnya menyebabkan peningkatan yang cepat dalam profesionalisme mereka. Mengikut satu kajian yang dijalankan oleh Bank Dunia dalam tahun 1995, India merupakan negara paling digemari oleh vendor-vendor di US, UK dan Jepun untuk mengembangkan bidang pembangunan perisian mereka dan pada akhir tahun 1996 India akan memiliki lebih banyak syarikat perisian yang mencapai piawaian ISO 9000 dari mana-mana negara lain di dunia.

Baru-baru ini, Bill Gates menyatakan bahawa India boleh menjadi sebuah kuasa besar dalam bidang ekonomi dan perisian (economic and software power) di abad ke-21 kerana ia memiliki sumber tenaga kerja mahir yang lebih besar, yang diperlukan untuk industri IT sedunia, sekiranya India melabur dalam perlengkapan yang dapat membawa negara tersebut ke zaman baru, iaitu infrastruktur asas, pendidikan dan teknologi maklumat.

India merupakan satu dari tiga negara yang mendapat paling banyak pelaburan dari Microsoft dalam tahun 1996-1997 dan Gates telah melawat ke India awal bulan ini di samping melancarkan University Advanced Technology Labs Programme Microsoft di India di lima buah universiti tempatan di mana beliau mengumumkan bahawa "melepaskan kreativiti di kesemua peringkat akan menjadi tanda penggunaan komputer masa depan." Dengan izin, unleashing creativity at all levels will be the mark of the future use of computers.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, 1991-1995, Malaysia kekurangan tenaga kerja yang lebih dari 7,000 yang

berkaitan dengan IT yang melibatkan kemahiran-kemahiran dalam bidang sistem dan pembangunan serta kejuruteraan, pengurusan operasi, perundingan, latihan R&D, pembangunan perisian dan pengurusan pangkalan data dan pada masa sekarang kekurangan ini telah menjadi lebih runcing, mencapai angka 20,000 ke 30,000. Kekurangan ini termasuklah pakar-pakar IT paling handal.

Malaysia bukan sahaja menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja serta pakar-pakar IT, tetapi juga syarat-syarat sosio-politik dan budaya untuk 'melepaskan kreativiti', dengan izin, unleash creativity sekiranya Malaysia ingin menjadi pemimpin dalam dunia perisian menerusi MSC.

Dalam dialognya dengan para pemimpin Barisan Nasional baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa MSC yang menduduki kawasan 50 kilometer kali 15 kilometer itu akan dijadikan sebagai tempat ujian bagi eksperimen (testbed for experiments) dalam IT untuk melindungi rakyat Malaysia dan bahawa biar apa pun kesan buruk yang dihasilkan dari MSC sekiranya wujud akan hanya terhad dalam kawasan berkenaan. Apakah kesan-kesan buruk ini yang dapat dihadkan dalam lingkungan MSC sedangkan dunia ini telah menjadi semakin tanpa sempadan (borderless) dan adakah MSC merupakan satu contoh, satu cordon sanitare? Bagaimanapun apakah senario-senario kes terbaik dan kes terburuk bagi MSC?

Sementara membangkitkan persoalan ini, saya ingin menjelaskan bahawa DAP menyokong konsep MSC sebagai satu hab IT antarabangsa tetapi kita juga ingin menjelaskan tiga kekhuatiran utama kita. Pertama sekali, ia tidak harus dilaksanakan di samping mengorbankan pembangunan infrastruktur maklumat kebangsaan (NII) yang seimbang dan sama rata supaya tidak membentuk satu jurang di antara mereka yang kaya maklumat dan miskin maklumat di Malaysia. Kedua, harus wujudnya sokongan (back-up) untuk menyokong dan mengekalkan pembangunan MSC supaya ia menjadi hak IT sedunia dan ketiga, MSC bukanlah suatu Zon Dagangan Bebas (free trade zone glorified) yang diagung-agungkan dan akhirnya hanya menguntungkan orang asing dan bukannya rakyat Malaysia sendiri.

Saya ingin memuji YAB Perdana Menteri kerana berjaya mengumpulkan orang-orang ternama dalam dunia industri IT, seperti Bill Gates dari Microsoft, James Barksdale dari Netscape, Larry Ellison dari

Oracle, Louis Gerstner dari Sony, Bon Moo Koo dari LG Group Korea Selatan, Noboru Miyawaki dari NTT, Eckhard Pfeiffer dari Compaq, Lewis Platt dari Hewlett Packard, Gary Tooker dari Motorola, Stan Shih dari Acer untuk menyertai Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC demi membekalkan nasihat dan rundingan kepada Perdana Menteri serta Kerajaan Malaysia mengenai isu-isu strategik yang berkaitan dengan MSC, misalnya mengenai infrastruktur dan persekitaran, dasar, pemasaran dan insentif serta pembangunan industri-industri tempatan.

Pandangan dan perkara-perkara penting yang disuarakan oleh para penalis di dalam mesyuarat pertama IAP di Stanford University di California pada awal Januari ini harus diberi perhatian yang serius, antaranya termasuklah kekurangan tenaga kerja mahir, bagaimana hendak memasarkan produk dari MSC ke negara-negara jiran, bagaimanakah undang-undang siber yang dicadangkan itu boleh dikuatkuasa juga luar dari kawasan MSC dan di seluruh negara, keraguan sama ada MSC yang dicadangkan supaya bertumbuh dalam satu persekitaran yang bebas boleh direalisasikan di bawah struktur yang sedia ada ataupun dalam jangka masa yang ditetapkan dan industri IT yang sukar diramalkan (unpredictable) dan sebagainya?

Sama penting adalah mengenai nasihat berkenaan dengan perbezaan di antara Silicon Valley dan MSC kerana Silicon Valley merupakan satu kawasan yang langsung tidak terkawal (uncontrolled) dan untuk Malaysia menarik industri hiburan ke MSC, mereka yang berdaya kreatif kena diberikan kebebasan yang secukup-cukupnya.

Saya percaya bahawa kelemahan terbesar mengenai pembangunan IT di negara ini adalah kekurangan polisi dan strategi koheren serta bersepadu yang berdasarkan konsensus kebangsaan mengenai betapa pentingnya Malaysia dalam melakukan transisi ke satu masyarakat maklumat bahawa IT bukannya hanya berkenaan dengan teknologi ataupun pertimbangan komersil tetapi juga mengenai cara memperbaiki kualiti kehidupan semua rakyat Malaysia dan bahawa dalam satu milinium yang baru, garis-antara kejayaan dan kegagalan sesuatu negara adalah mengenai digital.

Internet sebagai contoh, merupakan satu peralatan yang hebat tetapi bukannya penyelesaian muktamad. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Nicholas Negroponte dalam bukunya *Being Digital*, dengan izin, "Computing is not about computers any more, it is about living".

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Dalam analisis terakhir, revolusi IT mestilah mengenai manusia. Bagaimana ia akan menukar secara langsung cara manusia bekerja, belajar dan berhibur, dan bukannya mengenai kuasa microprocessor ataupun bandwidths. Inilah sebab mengapa sebarang dasar, strategi dan Rancangan IT Kebangsaan mestilah berorientasi manusia dan bukannya berorientasi projek mahupun berorientasi MSC.

Ungkapan IT dan masyarakat maklumat belum lagi menjadi sebahagian dari perbendaharaan kata masyarakat umum Malaysia. Wujudnya kebimbangan yang meluas terhadap komputer ataupun apa yang digelar sebagai 'teknofobia' terutama sekali di kalangan mereka yang berusia 40 dan ke atas, ini menyerlahkan kekurangan perhatian dan usaha untuk menghapuskan sekatan-sekatan sosial, pendidikan dan psikologi yang menghasilkan kebimbangan dan ketakutan malah rasa syak wasangka terhadap perkembangan baru ini yang menhandikapkan mereka ini sehingga tidak dapat menikmati potensi keuntungan yang ditawarkan oleh teknologi maklumat dan komunikasi demi memperbaiki kualiti hidup rakyat Malaysia.

Berapa orang ahli Parlimen yang akan meluluskan undang-undang siber kumpulan pertama di dalam Parlimen ini benar-benar memahami IT ataupun bagaimana ia akan memberi kesan ke atas kehidupan rakyat jelata dalam tahun-tahun yang akan datang? Masih ramai lagi rakyat yang tidak tahu langsung apa-apa mengenai IT ataupun yang tidak dapat memahami pentingnya ataupun keberkaitannya IT dan mereka ini hendak tahu bagaimanakah IT dapat membantu para petani, penjaja atau pekerja-pekerja biasa supaya dapat meningkatkan pendapatan mereka dengan serta-merta.

Ini paling baik digambarkan dalam wawancara yang diberikan oleh YAB Perdana Menteri bulan lepas apabila beliau mendapati bahawa rakyat Malaysia yang faham tentang MSC sungguh terhad jumlahnya tetapi soalan-soalan yang dihulurkan dalam wawancara berkenaan tidak pula bertumpu ke atas MSC tetapi lebih kepada revolusi IT pada keseluruhannya dan menunjukkan bahawa sungguh ramai rakyat Malaysia yang masih tidak memahami apakah IT itu sebenarnya.

Sungguhpun kerajaan telah memeluk IT dalam bulan Mei 1993 dengan menubuhkan Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan untuk menjadi

think-tank dan penasihat dalam menyelaraskan dan kepimpinan perancangan serta pengurusan IT sebagai perlengkapan untuk pembangunan sosio-ekonomi kebangsaan. Kita perlu mengakui bahawa rakyat kita, institusi-institusi kita, mahupun kebanyakan syarikat di negara kita masih belum lagi bersedia untuk menghadapi teknologi maklumat yang baru.

Saya akan memberikan satu contoh: Parlimen telah mengadakan homepage pada bulan Mei tahun lepas, bukannya sebab ia ingin berada di baris depan revolusi digital tetapi hanya ingin menutup mulut saya yang berulang kali mengadu di Dewan Rakyat bahawa Parlimen tidak ada website sendiri dan bagaimana dinosaur yang enggan bergerak dari sikap pre-ITnya sedangkan negara kita telah bersedia untuk menjejak ke Era Maklumat.

Dalam bulan Disember tahun lepas, saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa adalah lebih baik kita tutup sahaja homepage Parlimen yang sedia ada ini melainkan ia bukan sahaja dapat berfungsi sebagai satu arkib, tetapi juga dapat berinteraktif serta mengandungi topik-topik seperti urusan dan rekod Parlimen, urusan mesyuarat setiap hari, program harian, pertanyaan dan jawapan Parlimen setiap hari, transkrip Jawatankuasa dan sebagainya. Sampai sekarang nampaknya tidak ada sebarang kemajuan.

Ini mungkin sebab mengapa homepage Parlimen hanya berjaya menarik seramai 4,800 pelawat sejak ia dimulakan bulan Mei tahun lepas, sungguhpun mesin pengiraan pelawatnya yang digunakan akan diaktifkan setiap kali ia direload.

Homepage Parlimen bukan sahaja tidak dapat berinteraksi dengan orang ramai, ia juga tidak berinteraksi dengan Ahli Parlimen kerana para ahli Parlimen tidak dirunding ataupun dilibatkan dalam sebarang jenis bentuk proses menentukan konsep, pembinaan ataupun kandungannya.

Penyakit IT homepage Parlimen ini juga didapati di kebanyakan kementerian dan agensi kerajaan yang memulakan hompej di Internet bukannya kerana ingin membekalkan maklumat dan perkhidmatan online yang lebih baik, tetapi hanya sekadar tidak mahu dilihat sebagai ketinggalan ataupun tidak celik IT, tanpa mempunyai sebarang mindset yang diperlukan untuk sebuah masyarakat maklumat.

Contoh kedua adalah mengenai Rang Undang-undang Siber yang akan dibentangkan di mesyuarat Parlimen kali ini. Empat Rang Undang-undang Siber telah disebut iaitu mengenai tandatangan digital, jenayah komputer, harta intelektual, multimedia dan pembangunan tele-perubatan.

Bagaimanapun, Rang Undang-undang Siber ini telah dibentuk dalam suatu proses yang penuh misteri dan rahsia. Masyarakat umum Ahli-ahli Parlimen mahupun organisasi-organisasi profesional yang bakal terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Rang Undang-undang Siber ini nanti seperti Majlis Peguam ataupun Kesatuan Perubatan Malaysia (MMA) semuanya tidak dirunding dalam proses penggubalan.

Saya pernah cuba menghubungi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk meminta satu salinan Rang Undang-undang Siber ini supaya mendapat maklum balas dari orang ramai dalam Persidangan IT for All yang diadakan oleh DAP di Hotel Federal, Kuala Lumpur, Ahad lalu.

Sungguhpun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memastikan kepada saya pada hari Jumaat bahawa tidak ada masalah untuk menunaikan permintaan saya itu dan telah memesan pejabatnya supaya membuat pengaturannya yang perlu untuk menyerahkan satu salinan Rang Undang-undang Siber kepada saya pada hari Sabtu kerana beliau sendiri akan berlepas ke Islamabad pada hari berkenaan untuk menghadiri Persidangan OIC, tetapi pejabat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sungguhpun telah mencuba pada pagi Sabtu untuk mendapatkan rang undang-undang berkenaan gagal.

Mereka berjanji dengan pejabat saya bahawa sekiranya mereka tidak mendapat rang undang-undang berkenaan pada hari Sabtu, maka mereka akan mendapatkannya pada hari Isnin, iaitu hari semalam, tetapi janji ini masih tidak dapat ditunaikan. Saya berterima kasih kepada Pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana bil itu dapat disampaikan kepada pejabat saya, tetapi hari ini kita semua pun mendapat Rang Undang-undang Siber ini yang sudah dibentangkan di atas meja Dewan yang mulia ini.

Saya difahamkan bahawa masalahnya terletak di Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan adalah jelas sekali kita memerlukan indoktrinasi sepenuhnya di kalangan menteri kabinet dan pegawai-pegawai kerajaan peringkat tinggi supaya menyediakan mereka dan memiliki mindset yang bersesuaian dengan pembangunan sebuah masyarakat maklumat. Sekiranya menteri-menteri yang diletakkan di kementerian-kementerian yang bertanggungjawab khas untuk memimpin negara melangkah besar memasuki era maklumat sendiri tidak memahami maksud masyarakat maklumat dan

sebaliknya bertindak sebagai penyekat dalam usaha kebangsaan sebegini sehingga menghalang penerbitan awal Rang Undang-undang Siber sungguhpun ia telah dibenarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, adalah sesuatu yang tidak kena di sini.

Itulah sungguhpun wujudnya gembur-gembur mengenai IT, masyarakat maklumat dan era maklumat, Malaysia nampaknya bukan menuju ke arah masyarakat maklumat, tetapi menuju ke satu masyarakat OSA di mana kesemua maklumat kerajaan diklasifikasikan sebagai rahsia rasmi dan sesiapa yang tidak diberi kuasa untuk mendapatkannya bila memegang dokumen-dokumen yang berkenaan akan dianggap bersalah dan boleh dijatuhkan hukuman penjara minimum setahun.

Negara yang melaksanakan undang-undang OSA sebegini tidak mungkin serius dalam hasratnya untuk melakukan transisi ke satu masyarakat maklumat dan penghapusan perundangan sebegini serta lain-lain undang-undang menekan yang sama jenis, jelas merupakan syarat yang wajib sebelum Malaysia boleh menjadi sebuah masyarakat maklumat.

Saya berharap bahawa dengan diperkenalkan kumpulan undang-undang siber yang pertama ini, kerajaan akan mengambil langkah pertama menuju ke arah masyarakat maklumat dengan menggunakan teknologi-teknologi maklumat dan merundingkan dengan rakyat jelata dalam berbagai isu, malah mempamerkan Rang Undang-undang Siber di atas Internet untuk mengalu-alukan maklum balas dan input dari komuniti siber yang lebih luas.

Sebenarnya, hasil dari IT kita adalah lebih mudah dan cepat untuk mempamerkan atau post terbitan-terbitan di atas Internet dari melalui proses percetakan biasa dan inilah sebabnya saya ingin mencadangkan supaya kerajaan post Rang Undang-undang Siber di atas Internet. Masa ini, ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh kita dapati dari net, tetapi maklumat-maklumat kerajaan yang seharusnya mendapat maklum balas dan input dari orang ramai nampaknya kurang diberi perhatian dan layanan yang sebegini.

Adalah penting Malaysia menyediakan satu Agenda IT Kebangsaan dan Rancangan Bertindak IT. DAP mencadangkan supaya negara kita membentuk satu rancangan bertindak IT 2005

untuk menetapkan arah Malaysia ke masyarakat maklumat yang memaktubkan rangka kerja separuh penggal dalam tahun 2000.

Biarkan saya merujuk kepada beberapa aspek utama yang harus dipertimbangkan dan dimasukkan di dalam Agenda IT Kebangsaan serta Rancangan Bertindak IT ini.

Pertama, mencapai konsensus kebangsaan mengenai pentingnya bagi Malaysia melakukan transisi ke satu masyarakat maklumat.

Mengikut sejarah manusia dari awal hingga kini, pada dasarnya kehidupan ekonomi hanya pernah melalui tiga peringkat:

- (i) masyarakat memburu dan mengumpul;
- (ii) masyarakat pertanian; dan
- (iii) masyarakat industri.

Kini apa yang muncul dari horizon adalah sesuatu yang baru sekali, iaitu peringkat keempat dalam organisasi sosial; masyarakat maklumat. Revolusi pertanian mengambil masa milenia sebelum berubah, impak revolusi industri tersebar beberapa abad, tetapi revolusi maklumat pula akan berlaku sepanjang hayat atau 'in one life time.'

Semasa revolusi industri muncul, rakyat dari negara-negara yang berupaya diindustrikan dengan paling cepat berupaya mengaut paling banyak keuntungan dari perubahan masa itu. Teori yang sama akan berlaku dalam revolusi maklumat ini. Rakyat Malaysia harus mempunyai wawasan dan kesanggupan untuk menjadi antara satu negara yang dimaklumatkan atau di'informatize'kan dengan paling laju dan mengaut keuntungan yang paling maksimum demi memperkuat daya saingan kita di pasaran sedunia serta kualiti hidup rakyat Malaysia sendiri.

Kedua, memastikan penyertaan orang ramai yang aktif dalam pembentukan masyarakat maklumat. Beberapa hari yang lepas, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos berkata bahawa penggubalan Multimedia Convergence Bill akan ditangguhkan hingga ke akhir tahun ini kerana kerajaan hendak belajar bagaimana negara-negara lain berurusan dengan pertumpuan atau convergence penyiaran, telekomunikasi dan computing. Sebenarnya, bukan hanya kerajaan, tetapi seluruh penduduk yang perlu mengikuti perkembangan IT yang terbaru di seluruh dunia supaya dapat mempengaruhi cara Malaysia membuat transisi menjadi sebuah masyarakat maklumat.

Tanpa pertikaian lagi adalah hakikat bahawa Malaysia kini ketinggalan di belakang banyak negara dalam segi kecekapan IT atau IT literacy. Sebagai contohnya, mengikut Laporan Tahunan Daya Persaingan Sedunia 1996 (World Competitiveness Yearbook 1996), Malaysia hanya terletak di tempat ke 29 bagi tajuk 'kuasa komputer per kapita', iaitu MIPS (million of instructions per second) per seribu rakyat dalam senarai 46 negara, sementara Buku Laporan Daya Persaingan Global 1996 (Global Competitiveness Report 1996) meletakkan Malaysia di tempat ke 26 dalam tajuk 'komputer per kapita'. Tahun yang lepas, International Telecommunication Union (ITU) meletak Malaysia di tempat ke-28 dalam tajuk 'kesediaan multimedia' (multimedia readiness) dengan membandingkan provisi talian telefon dan penggunaan television serta komputer per kapita.

Adalah juga penting untuk rakyat Malaysia secara umumnya tahu tentang kemajuan IT serta memahami bagaimana mereka akan mempengaruhi rancangan-rancangan masyarakat maklumat kita, misalnya tindakan Amerika Syarikat menuju ke arah high-performance computing and communications, information technology and internet next generation serta rancangan bernilai US\$9 bilion oleh sebuah syarikat Amerika Teledesic untuk membekalkan akses internet berkelajuan tinggi di seluruh dunia menerusi pemasangan 840 satelit mengelilingi bumi.

Penglibatan orang ramai dalam evolusi masyarakat maklumat merupakan satu syarat yang penting bagi kejayaan negara dalam era maklumat, kerana dengan banjir maklumat, peranan kerajaan yang selama ini, dengan izin, 'end-all, be-all, know-all' akan menjadi susah dikekalkan. Pada hakikatnya, ada orang yang telah meramalkan bahawa masyarakat maklumat akan membawa kepada berakhirnya nation states atau the end of nations states dalam beberapa dekad lagi, kerana teknologi-teknologi maklumat dan komunikasi adalah lebih subversif dari sebarang ancaman politik yang pernah dihadapi oleh nation-states. Alasannya adalah microprocessing telah mencipta satu horizon yang benar-benar baru bagi aktiviti ekonomi yang melepasi batasan sempadan negara dan semasa teknologi merevolusikan peralatan yang kita gunakan, ia juga melapukkan undang-undang kita, membentuk semula nilai moral kita dan mengubah persepsi kita.

Malah satu dari lapan flagship aplikasi MSC yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bulan Ogos lepas ialah, dengan izin, 'an

environmentally beautiful and highly convenient financial haven with direct multimedia links to the Labuan International Offshore Financial Centre and the world's financial centres' telah ditangguhkan secara senyap supaya tidak bersaing dengan Labuan bagi mendapatkan tabung luar persisiran pantai.

Bagaimanapun, ruang angkasa (cyberspace) dan ekonomi siber (cybereconomy) yang mungkin akan merupakan ekonomi dunia paling besar dalam dekad kedua milenium baru dan akan merupakan fenomena ekonomi paling besar dalam tiga puluh tahun depan, mungkin akan muncul sebagai jurisdiction luar persisiran pantai terakhir atau 'the ultimate offshore jurisdiction in the world', yang menggantikan kesemua pelindung cukai yang dibina oleh semua negara. Dan apabila ini berlaku, kesannya tidak dapat dibayangkan atau dengan izin, 'unimaginable' mengenai impak terhadap keperluan nation states yang wujud sekarang.

Perkara yang ketiga, rakyat harus menjadi tumpuan Agenda IT Kebangsaan dan Rancangan Bertindak IT dengan mendidik rakyat cara menggunakan perengkapan dan peralatan maklumat baru ini. Bahawa IT agenda patutlah 'people centred' dan bukan apa-apa projek centre. Inilah sebab mengapa satu kempen 'IT untuk semua' untuk mempopulasikan, popularised IT literacy, kecekapan komputer, beserta dengan rancangan 'Satu keluarga satu komputer', harus dijadikan tumpuan Rancangan Bertindak IT untuk mendidik rakyat bahawa IT dan komputer bukannya sesuatu yang harus ditakuti, di samping merobohkan segala sekatan sosial, pendidikan dan psikologi pada mereka yang ingin tahu bagaimana menggunakan teknologi-teknologi maklumat ini.

Sebenarnya, saya ingin menyeru supaya kerajaan menerima 'IT untuk semua, semua untuk IT' sebagai motto kebangsaan, national motto dan menjadi teras kempen kebangsaan untuk memastikan bahawa setiap individu, setiap dewasa dan setiap budak berkeyakinan untuk menggunakan teknologi terbaru untuk membangunkan potensi mereka dan memperbaiki kehidupan serta perniagaan kita semua, tidak kira besar ataupun kecil supaya kita berupaya menggunakan peluang yang ditawarkan oleh teknologi terbaru ini dan membolehkan teknologi ini menguntungkan kita dalam apa jua cara pun.

Wawasan IT untuk semua, semua untuk IT, sebagai moto kebangsaan dan kempen adalah untuk mencapai mereka yang kini masih belum terlibat

dalam IT supaya setiap rakyat Malaysia akan menjadi sebahagian dalam masyarakat maklumat.

Dalam peringkat kebangsaan, negeri, kawasan dan tempatan, jawatankuasa-jawatankuasa IT untuk semua, semua untuk IT, harus dibentuk untuk mengadakan rancangan sepanjang tahun mem'popularize'kan kesedaran IT dan penggunaan IT di kalangan rakyat Malaysia.

Salah satu dasar penting dalam kempen di seluruh negara bagi IT untuk semua, semua untuk IT ini, adalah untuk merangsangkan kadar penggunaan Internet di kalangan rakyat Malaysia, supaya Malaysia boleh menjadi salah sebuah negara dunia yang mempunyai kadar sambungan ke Internet per kapita yang tertinggi. Di Amerika Syarikat, yang sememangnya terdahulu di negara-negara lain dalam segi penggunaan Internet per kapita - di mana dua pertiga dari pengguna Internet memang tertumpu di negara berkenaan, kerajaannya pun telah terlibat dalam mengadakan kempen pendidikan awam untuk menggalakkan rakyatnya supaya, dengan izin, Get Connected to the Information Age dan itulah nama kempen, 'Get Connected to the Information Age'.

Adalah sesuatu yang sungguh membimbangkan kerana pelanggan Internet bagi Jaring telah menurun dari kadar pertumbuhan 22% sebulan tahun lalu menjadi sekarang hanya 5% sebulan, tetapi nampaknya pihak yang berkuasa tidak memberi perhatian dalam perkara ini.

Hasil daripada itu, jumlah ini akan berbeza dengan ketaranya dari anggaran MIMOS yang awal di mana ia menjangkakan pada akhir tahun 1996, Malaysia akan mempunyai 150,000 pengguna-pengguna Internet dan pada akhir tahun ini, jumlahnya meningkat menjadi 500,000 pengguna-pengguna Internet, tetapi anggaran yang sebenarnya pada suku pertama tahun ini, untuk pengguna-pengguna Internet di Malaysia hanyalah di antara 150,000 ke 200,000 orang.

Adalah sungguh memeranjatkan dan tidak masuk akal, mengapa pihak berkenaan tidak mengambil berat tentang penurunan yang drastik dalam kadar pertumbuhan penggunaan Internet di Malaysia, yang tidak selaras dengan sebuah negara yang ingin bergerak pantas melangkah ke Era Maklumat.

Keempat, memupuk budaya pelajaran sepanjang hayat untuk menubuhkan satu masyarakat berilmu. Pelajaran sepanjang hayat merupakan satu ideal dan keperluan masa depan, kerana kemahiran pada setiap orang itu perlu diperkaya dan dipertingkatkan di setiap masa.

Dalam ekonomi yang lama, sumber-sumber semula jadi dan infrastruktur fizikal akan menentukan daya saingan sesebuah negara. Tetapi dalam ekonomi global yang baru, ilmulah yang merupakan sumber paling penting dan kualiti tenaga kerja sesuatu negara adalah penting dalam memastikan daya saingan.

Adalah sungguh memeranjatkan bahawa dalam reformasi pendidikan pertama yang dilakukan ke atas sistem pendidikan kebangsaan selama 35 tahun, yang menghasilkan Akta Pendidikan 1996, peranan teknologi dalam pendidikan telah langsung diabaikan. Adalah sangat penting bahawa pelajar-pelajar yang melepasi tempoh pendidikan mereka memiliki kemahiran yang dapat membantu mereka menghadapi abad ke-21, celik IT sepenuhnya, sekiranya kita ingin menyediakan mereka untuk milenium baru.

Atas sebab ini, kerajaan harus bersedia untuk mengadakan rancangan IT yang bercita-cita tinggi untuk 8,500 sekolah dan 250,000 guru-guru, sambungkan semua sekolah ke Internet selewat-lewatnya pada tahun 2000 dan berazam untuk mencapai sasaran berikut untuk semua sekolah pada tahun 2005:

- (i) nisbah pelajar dan komputer kepada empat - ke satu;
- (ii) akses telekomunikasi ke setiap bilik darjah dan perpustakaan;
- (iii) teknologi sebagai sumber penting untuk semua pelajar dan guru.

Minggu lepas salah sebuah akhbar tempatan melaporkan di bawah tajuk 'Nation's first smart lab set for March 31 launch', bahawa, dengan izin, saya petik: "*The progress of the Multimedia Super Corridor (MSC) smart school flagship application will take a quantum leap when the nation's first smart lab is launched on March 31*" di St. John's Institution, yang telah dipilih sebagai tapak rintis makmal tersebut.

Makmal berkenaan akan dipasang dengan 30 komputer rangkaian Java Station (NCs) dan dua buah Netra Internet Server serta 'Smart lab students' yang akan merupakan antara kumpulan pertama yang terdedah dengan courseware yang dibina oleh Jabatan Kurikulum dan Bahagian Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan dalam mata pelajaran seperti Bahasa Malaysia, Inggeris, Matematik dan Sains.

Apa yang saya merasa tidak senang apabila membaca hyberboles sebegini adalah tanggapan

silap yang akan terbenam dalam fikiran masyarakat umum Malaysia, bahawa 'smart lab' merupakan satu quantum leap untuk Malaysia - bagaimana Malaysia kini telah menjadi peneroka dalam bidang teknologi pendidikan di dunia.

Kajian dan penyelidikan di lain-lain negara telah menunjukkan bahawa untuk membolehkan para pelajar mempelajari kemahiran peringkat tinggi, seperti kefahaman dan mengarang menggunakan teknologi, maka teknologi berkenaan mestilah berada di dalam bilik darjah dan diintegrasikan ke dalam kurikulum dan bukan dalam satu laboratory.

Di samping mempelajari kemahiran komputer, pelajar harus merasa selesa dengan teknologi sebagai peralatan demi mencapai gol-gol lain seperti memajukan kebolehan celik huruf dan celik matematik. Bukannya satu keperluan untuk setiap budak memiliki sebuah komputer. Mereka sering kali bekerja dalam satu kumpulan kecil dan bukannya setiap aktiviti memerlukan komputer. Sebagai panduan minimum, sekolah-sekolah harus menyediakan satu komputer untuk setiap lima orang pelajar dan satu komputer untuk setiap guru dalam setiap bilik darjah.

Satu smart lab, makmal bistari yang mempunyai 30 komputer di sebuah sekolah hanya bererti nisbah 30 pelajar kepada satu komputer sekiranya jumlah pelajar sekolah berkenaan 900 orang, ataupun nisbah 50 kepada satu sekiranya pelajarnya 1,500 orang, yang memerlukan 180 dan 300 komputer masing-masing sekiranya sekolah berkenaan ingin mencapai nisbah satu komputer untuk setiap lima pelajar.

Dan mengikut piawaian ini, sebuah sekolah yang hanya memiliki sebuah makmal bistari dengan nisbah pelajar - komputer 30:1 tidaklah sebistari sekolah yang memiliki komputer dengan nisbah 50:1.

Pada hakikatnya, kerajaan haruslah menggugurkan gelaran-gelaran 'smart school' sama sekali. Kita boleh mengadakan kad pintar, kad bistari, malah bangunan yang bistari atau bangunan yang pintar yang bersedia menyerap segala 'intelligent environment' masa depan. Tetapi amatlah tidak sesuai kita menggelarkan sesuatu sekolah yang menggunakan pendidikan teknologi maklumat sebagai sekolah 'smart school' sama ganjilnya seperti kita menggelarkan buku-buku dalam bentuk elektronik 'smart books', kalau books ialah dalam printed - not smart! Kalau sama elektronik atau Internet, itulah 'smart book', itulah tidak bererti.

Gelaran smart school ini akan membangkitkan rasa superioriti atau inferioriti yang tidak perlu

di kalangan pelajar di sekolah-sekolah yang berbeza tahap penggunaan teknologi dalam pembelajaran, kerana adanya sekolah-sekolah yang berkemampuan untuk memiliki perlengkapan IT terbaru tetapi ada pula yang tidak bernasib baik. Masalah yang sama juga wujud di antara sekolah yang mempunyai nisbah komputer pelajar yang berbeza.

Kini Kementerian Pendidikan telah mengumumkan bahawa 91 sekolah telah dipilih untuk melibatkan dalam projek 'sekolah bistari' Januari 1999, satu pertambahan yang melebihi 85 sekolah yang pernah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bulan lepas. Tetapi masih ada 99% dari 8,500 sekolah di Malaysia yang akan ketinggalan dalam arus perkembangan IT ini, membangkitkan pertanyaan sama ada 8,400 sekolah berkenaan tidak akan dibekalkan dengan kelengkapan IT dan terjatuh ke dalam kategori sekolah tidak smart, sama ada kita mempunyai cukup guru-guru yang smart untuk mengajar matapelajaran-matapelajaran dengan cara yang smart di sekolah-sekolah yang smart ini dan bagaimanakah dengan kedudukan yang tidak menyenangkan dengan 2,500 guru-guru yang bukannya guru-guru yang smart.

Oleh sebab IT (Teknologi Maklumat) hanya merupakan peralatan (tool) dan bukan satu maklumat muktamad, ia tidak dapat menukar sebuah sekolah ataupun pelajar-pelajarnya menjadi smart begitu sahaja. Inilah sebab mengapa di lain-lain negara yang lebih maju dari Malaysia dalam bidang penggunaan dan pelaksanaan teknologi maklumat dalam pendidikan dan di mana kebanyakan sekolah-sekolah mereka disambungkan ke Internet, mereka tidak menggunakan sekolah (smart school) ini.

Satu kes yang baik boleh didapati di Singapura, di mana semua sekolah menengah dan rendah akan disambung ke Internet pada tahun depan, satu tarikh yang lebih awal dari sekolah-sekolah di Amerika Syarikat yang juga telah menetapkan tarikh untuk sambungkan setiap sekolah di negara berkenaan ke Lebuhraya Maklumat pada tahun 2000, ataupun di Perancis, di mana Presidennya Jacques Chirac telah mengumumkan dua minggu yang lepas bahawa kesemua sekolah menengah di negara berkenaan akan disambungkan ke Internet pada tahun 2000 untuk membangunkan skil komputer dan mempertingkatkan prospek pekerjaan berhubung dengan teknologi maklumat.

Amerika Syarikat juga telah melancarkan Internet II inisiatifnya yang bertujuan untuk

menawarkan masyarakat pendidikan dan penyelidikan dengan sambungan Internet yang maju. Ia juga memperkenalkan konsep kadar pendidikan 'E-rate' (education rate) yang membekalkan sambungan Internet kesemua sekolah dan perpustakaan di Amerika Syarikat pada tahun 2000 pada kadar 20%-90% lebih rendah dari kadar tarif telefon yang standard.

Di Jepun, Kementerian Pendidikan telah mengumumkan rancangan-rancangan untuk memasang 900,000 komputer yang berkelengkapan rangkaian ke sekolah-sekolah pada tahun 2000 dan bersama-sama dengan operator telefonnya NTT mereka akan menyambungkan 1,000 sekolah ke Internet dalam masa dua tahun yang akan datang ini.

Di Australia, kerajaannya telah mengumumkan rancangan-rancangan untuk melengkapi kesemua sekolah dengan komputer peribadi (PCs) dan mencapai nisbah satu komputer untuk satu pelajar menengah pada tahun 2000.

Di Eropah, Denmark telah merancang untuk menyambungkan semua sekolah ke Internet pada tahun 2000 sementara di Britain pula, rancangannya adalah lebih maju lagi di mana pihak swasta dan pihak awam telah berganding bahu untuk menjayakan rancangan 'Superhighway in Education'.

Kualiti pendidikan telah semakin dipentingkan oleh kebanyakan negara termasuk Amerika Syarikat di mana Presiden Clinton di dalam ucapan perdana penggal keduanya awal bulan lepas, telah menetapkan goal kebangsaan di mana dengan izin, 'Every 12 year old must be able to log on to the Internet; every 18 year old must be able to go to college'.

Bagaimanapun di universiti-universiti Malaysia, seperti Universiti Malaya, pelajar-pelajarnya masih tidak dapat akses mudah ke Internet dan tidak diberi akaun E-mail atas sebab kos kecuali di beberapa fakulti terpilih ataupun bagi mereka yang berada di peringkat sarjana.

Kerajaan harus menubuhkan satu majlis kebangsaan Teknologi Pendidikan (National Council for Education Technology) yang melibatkan wakil-wakil dari Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), ahli-ahli pendidikan, para akademik yang bertanggungjawab untuk mencadangkan strategi untuk menggalakkan kadar kekuatan dalam segi teknologi maklumat di sekolah-sekolah dan kolej-kolej serta membangunkan satu

pedagogi untuk pendidikan memandangkan IT telah membawa ke satu wawasan baru reformasi pendidikan.

Di dalam bilik darjah tradisional, guru-guru akan menyampaikan pengetahuan yang sedia terbentuk kepada para pelajar, yang mengikut kemampuan mereka masing-masing, menyerap dan mengulangi kemahiran-kemahiran serta fakta-fakta asas yang disampaikan kepada mereka. Tetapi di dalam model pembaharuan IT baru, pelajar dan guru-guru sama-sama perlu bergerak ke satu tahap pendidikan yang lebih terbuka. Pelajar tidak lagi diseru untuk menguasai sekumpulan pengetahuan yang sedia wujud, tetapi perlu memikul lebih tanggungjawab untuk membentuk pendidikan mereka sendiri dan mereka perlu membangunkan kemahiran-kemahiran untuk mencari, memilih dan menganalisa maklumat dalam proses menunaikan goal-goal mereka.

Pelajaran yang berpanduan 'student-centred' ataupun 'inquiry-centered' akan bertambah daya dorongannya kerana bentuk ekonomi sedunia semakin beralih dari model produksi massa dari abad 20 menjadi model era maklumat pada abad ke-21.

Ilmu berubah-ubah dengan kadar yang sungguh pantas sehinggakan pendidikan berpanduan sekumpulan fakta yang sedia wujud tidak lagi bernilai tinggi seperti dahulu. Apa yang penting dalam Era Maklumat adalah memberikan kemahiran kepada para pelajar untuk meneruskan pendidikan sepanjang hayat mereka sendiri.

Inilah sebabnya mengapa saya mengulangi lagi cadangan DAP yang dibuat dalam perbahasan Rang Undang-undang Pendidikan 1996, iaitu kecekilkan komputer (computer literacy) dijadikan satu matapelajaran wajib untuk semua sekolah-sekolah rendah dan menengah. Saya menyeru supaya Jemaah Menteri mengadakan perbincangan yang menyeluruh untuk menjadikan kecekilkan IT sebagai matapelajaran wajib bagi semua sekolah-sekolah rendah dan menengah untuk menyediakan modal bagi Malaysia melangkah besar menuju ke Era Maklumat dalam milenium baru dan ini memerlukan pindaan pertama ke atas Akta Pendidikan 1996.

Tambahan lagi, NCET perlu mencadangkan satu strategi supaya kerajaan dapat mengadakan program kilat untuk membimbing 250,000 guru-guru di peringkat sekolah rendah dan menengah celik IT pada tahun 2000 serta mempelajari pedagogi baru menggunakan IT secara kreatif.

Masa sudah sampai bagi kerajaan melancarkan satu skim pinjaman khas untuk menggalakkan dan

membekalkan insentif kepada para guru supaya membeli sebuah komputer peribadi dan mendapatkan diskaun khas untuk disambungkan ke Internet.

Syarikat-syarikat telekomunikasi seperti Telekom harus disyaratkan supaya mempelajari contoh syarikat-syarikat telekomunikasi di lain-lain negara dan menyumbang ke arah pembangunan IT di sekolah-sekolah dan universiti-universiti di Malaysia dengan mengeluarkan sebahagian dari keuntungan mereka yang mencapai RM2.38 bilion sebelum cukai bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember tahun lepas, satu angka yang tidak pernah dicapai sebelum ini berdasarkan inisiatif semangat dan kerjasama awam bersama-sama dengan kerajaan untuk membina Lebuh raya Untuk Pendidikan (Superhighway for Education) yang berdasarkan kebolehan rangkaian tulang belakang yang maju dan berupaya untuk menyokong perkhidmatan komunikasi kelajuan tinggi dan membolehkan semua sekolah dan guru disambungkan ke Internet pada tahun 2000. Sehubungan ini, banyak lagi bidang yang berkaitan dengan guru dan para ibu bapa yang memerlukan perhatian sebaik-baiknya dari pihak kerajaan.

Pertama sekali, perhatian tentang masalah rasuah, penyalahgunaan kuasa, akauntabiliti dan ketulusan semasa melaksanakan program-program mahal semasa memperkenalkan IT ke sekolah-sekolah. Di masa-masa lalu, setiap kali suatu program pendidikan yang besar dilancarkan dari Kuala Lumpur, ramai orang yang akan mendapat untung dan mangsanya adalah para pelajar dan masyarakat.

Sebagai contoh, NUTP pernah mendapati bahawa sekolah-sekolah di Perak telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membeli komputer-komputer second-hand setelah sebuah syarikat Jepun telah memberi dadih percuma kepada para wakil dari Persatuan Ibubapa dan Guru-guru tanpa sedar bahawa komputer-komputer yang dibekalkannya itu tidak dapat digunakan tanpa program atau perisian. Sungguhpun NUTP telah melaporkan perkara ini kepada Badan Pencegah Rasuah, tiada sebarang tindakan berikutnya yang diambil.

Sebuah sekolah bistari yang kini digalakkan oleh Kementerian Pendidikan akan menukar cara para guru mengajar, cara pelajar belajar, jenis sumber-sumber yang akan digunakan dan cara pelajaran dinilai. Guru-guru kini khuatir bagaimana pelajar-pelajar mereka akan dinilai dan dikaji. Sehingga semua sekolah telah dinaikkan pangkat mereka

menjadi sekolah bistari, adakah pelajar-pelajar di sekolah-sekolah biasa akan menghadapi kekurangan dalam menjawab soalan-soalan peperiksaan yang akan berorientasikan aplikasi dan bukannya yang berorientasikan faktual?

Akhir sekali, kita harus menganggap fakta di mana 1,273 sekolah di negara ini masih tidak mendapat bekalan elektrik sebagai satu skandal kebangsaan dan sesuatu yang memalukan memandangkan negara ini sedang berhasrat untuk melangkah besar menuju ke era digital.

Saya ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, yang menunaikan janjinya di Dewan yang mulia ini semasa Mesyuarat Belanjawan Disember lepas dan beliau telah menghantarkan satu surat yang membahagikan jenis sekolah tanpa bekalan elektrik di negara ini kepada saya pada bulan Januari. Maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan adalah seperti berikut:

Isu mengenai sekolah-sekolah yang tidak mempunyai bekalan elektrik.

(I) Sekolah-sekolah yang tidak mendapat bekalan elektrik ditentukan mengikut definisi seperti berikut:

- (i) Tiada langsung bekalan elektrik;
- (ii) Bekalan elektrik untuk tempoh masa terhad dengan menggunakan alat generator.

Berdasarkan definisi di atas terdapat 1,273 buah sekolah yang tidak mendapat bekalan elektrik seperti berikut:

Negeri	Tiada Bekalan	Bekalan Terhad	Jumlah
Selangor	2	1	3
Pahang	12	8	20
Kedah	2	3	5
Perak	2	44	46
Johor	23	9	32
Kelantan	11	29	40
Semenanjung	52	94	146
Sabah	244	251	495
Sarawak	537	95	632
Jumlah	833	440	1,273

Dan diteruskan surat dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan. Dia kata bahawa kementerian ini sentiasa mengambil berat terhadap sekolah-

sekolah yang tidak mendapat bekalan elektrik. Langkah-langkah yang telah/akan diambil bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

- (i) Bagi kawasan yang telah/akan mendapat bekalan elektrik dalam tahun 1997 melalui TNB, SESCO dan LLS, tindakan akan diambil untuk membuat penyambungan bagi membekal elektrik ke sekolah-sekolah. Pihak TNB, SESCO dan LLS mempunyai perancangan untuk membekalkan elektrik ke kawasan-kawasan yang belum mendapat bekalan. Bagaimanapun, kita tidak dapat menentukan bilangan sekolah.
- (ii) Khusus bagi Sarawak, permohonan telah dibuat kepada kerajaan negeri untuk membekalkan elektrik ke sekolah-sekolah melalui 'Rural Electrification Programme'.
- (iii) Membekalkan alat generator ke sekolah yang belum mendapat bekalan elektrik termasuk mengadakan pendawaian sekiranya belum lagi dipasang.

Dan dalam surat beliau, Yang Berhormat Timbalan Menteri menekankan bahawa kebanyakan sekolah-sekolah terlibat ialah di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung cuma terdapat 146 buah sekolah sahaja dan dari bilangan tersebut 94 buah menerima bekalan terhad.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, negara kita haruslah menganggap perkara ini sebagai skandal kebangsaan kerana tiga tahun sebelum kita melangkah masuk ke milenium baru dan pada masa Malaysia sedang menggalakkan Koridor Raya Multimedia di arena dunia untuk menarik syarikat-syarikat yang memiliki teknologi penting berteknologi ke Malaysia, masih ada 883 sekolah yang langsung tidak mendapat bekalan elektrik dan 440 yang hanya mendapat bekalan yang terhad.

Kementerian Pendidikan harus melancarkan satu 'Program Mengelektrikkan Sekolah 2000' untuk membekalkan elektrik kepada 1,273 sekolah yang pada masa ini masih tidak dapat bekalan elektrik atau hanya mendapat bekalan yang terhad.

Saya menyeru para ahli Parlimen dari semua parti politik, sama ada dari Barisan Nasional, DAP, PAS mahupun PBS supaya mengambil pendirian yang jelas atas isu ini dan meminta supaya semua sekolah di Malaysia, sama ada di kawasan pedalaman Semenanjung Malaysia, Sabah ataupun Sarawak, supaya dibekalkan dengan elektrik pada tahun 2000 dan meminta supaya Kementerian Pendidikan membentangkan laporan kemajuan atas isu ini setiap kali Parlimen bermesyuarat.

Sebagai contoh, saya akan menyeru Kementerian Pendidikan supaya melaporkan kepada Dewan yang mulia ini serta negara keseluruhannya mengenai kemajuan program mengelektrikan 1,273 sekolah sejak mesyuarat Parlimen yang lepas. Kita harus memastikan yang Malaysia dapat berdiri tegak di arena dunia pada tahun 2000 di mana kesemua sekolah kita mendapat bekalan elektrik untuk membuktikan bahawa Malaysia memang berhasrat untuk berdiri di baris depan revolusi teknologi maklumat.

Lain-lain negara tujuan mereka ialah untuk sambung kesemua sekolah ke Internet tahun 2000. Kita pun tidak boleh ada mencapai maklumat mengadakan bekalan elektrik kepada semua sekolah tahun 2000. Bagaimana kita boleh menunjukkan kita serius. Kita mahu menjadi satu negara yang akan mengadakan, menikmati teknologi yang tinggi. Inilah patut menjadi satu isu di mana semua Ahli-ahli Parlimen boleh bersatu padu bahawa negara kita mahu mencapai tahun 2000 semua sekolah ada bekalan elektrik.

Kalau tidak, apa maknanya Multimedia Super Corridor? Ini memalukan! Inilah satu test sama ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional mampu berdiri dengan DAP dan dengan sesiapa di atas isu ini bahawa semua sekolah patut ada bekalan kuasa pada tahun 2000 atau mereka tidak bersetuju. Okay, kita buat satu ketetapan. Kita pun boleh meminda usul di dalam Dewan ini untuk memasukkan satu pindaan bahawa kita mahu semua sekolah ada kuasa pada tahun 2000. Adakah semua Ahli Parlimen Barisan Nasional akan menyokong atau mahu menentang? Kita boleh fikir dan kita boleh buat besok. Kita boleh adakan satu pindaan! *[Disampuk]* Jangan main-main, ini serius!

Tuan Yang di-Pertua, perkara kelima ialah mengenai kesamarataan sosial ataupun masalah mengenai keadilan akses ke atas pembangunan IT di seluruh Malaysia. Kini mula muncul pembahagian baru di antara mereka yang kaya maklumat dan miskin maklumat di dalam masyarakat antarabangsa kerana soal melangkah ke satu masyarakat maklumat merupakan isu yang tidak relevan di setengah-setengah negara yang penduduknya tiga suku tidak celik huruf dan tidak mendapat akses ke maklumat yang asas serta pendapatan bulannya mungkin kurang dari kos sebuah buku ataupun floppy disk.

Bagaimanapun, Malaysia mesti memastikan bahawa transisi ke arah masyarakat maklumat tidak akan menyebabkan ketidaksamarataan kaya

maklumat dan miskin maklumat yang membawa kepada satu lagi pembahagian di kalangan penduduk dan membahagikan kita kepada Team 'A' dan Team 'B'. Agenda IT Kebangsaan dan Rancangan Bertindak IT harus memastikan bahawa kita memiliki komunikasi yang tersebar di seluruh masyarakat dengan rangkaian komputer dan telekomunikasi yang bersistem koheren, yang mudah diakses seperti sistem telefon masa kini.

Keenam, menggalakkan kandungan berciri Malaysia di atas lebuhraya maklumat, menyerlahkan ciri-ciri kepelbagaian budaya dan bahasa Malaysia. Ciri-ciri diversiti budaya, bahasa dan agama di Malaysia ini merupakan kekuatan negara kita yang paling ketara, sungguhpun ia tidak pernah diakui hingga ke tahun sembilan puluhan.

Negara ini telah membazirkan banyak masa dan tenaga serta perhatian dalam tahun enam puluhan, tujuh puluhan serta lapan puluhan hasil dari dasar pembinaan negara yang silap tujuan yang bermatlamat untuk asimilasi dan bukannya integrasi, antaranya seperti dasar satu bahasa, satu budaya yang dilaung-laungkan pada awal lapan puluhan.

Ramai pemimpin DAP yang telah berkorban dalam bentuk kehilangan kebebasan diri ataupun didakwa di mahkamah kerana berani mempertahankan hak-hak semua kaum, bahasa, budaya dan agama di Malaysia yang majmuk ini. Saya mengalu-alukan dan memuji penukaran pemikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini yang menerima dasar pembinaan negara bersifat integrasi dan menggugurkan dasar pembinaan negara bersifat asimilasi kerana ini merupakan satu-satunya faktor yang boleh memastikan dasar pembinaan negara berjaya di sebuah negara yang berbilang kaum, bahasa dan agama.

Pada 7hb. Ogos 1996, di dalam satu wawancara dengan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Malaysia, Johan Jaafar mengenai perhubungan kaum di Malaysia, Yang Amat Berhormat berkata, saya petik:

"PM: Zaman berubah, kalau dahulu tumpuan kita ialah kepada asimilasi. Di mana-mana negara juga tidak ada lagi usaha untuk asimilasi, bahkan di Amerika Syarikat, mereka sering bercakap berkenaan dengan 'roots' asal usul mereka. Jadi, kalau kita sudah terima bahawa itu tidak mungkin, kita perlu cari jalan lain untuk merapatkan perhubungan antara kaum ini. Seperti kata De Bono, Lateral Thinking, kalau kita tidak boleh merentas satu jalan, maka kita pergi ke jalan lain untuk sampai ke matlamat yang sama."

Dalam satu wawancara dengan majalah *TIME* untuk isu 9hb. Disember 1996, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi 'cover', Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata apabila ditanya oleh *TIME*, dengan izin,

"Time: You recently said that efforts to assimilate races have not been successful and it was time to try something else."

"Mahathir: The idea before was that people should become 100% Malay in order to be Malaysian. We now accept that this is a multi-racial country. We should build bridges instead of trying to remove completely the barriers separating us. We do not intend to convert all the Chinese to Islam, and we tell our people, the Muslims, 'you will not try to force people to convert'."

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan satu microcosm Asia dan dalam perlumbaan mencapai era maklumat, Malaysia memiliki peluang yang unik untuk leverage kedudukan kita sebagai, dengan izin, confluence tamadun, budaya dan bahasa Asia untuk menghasilkan bukan sahaja kandungan content Malaysia, tetapi juga kandungan Asia di atas lebuhraya maklumat.

Ketujuh, memastikan kita mengekalkan satu kerajaan yang mampu ditanggung, mudah akses dan bertanggungjawab. Setengah Menteri kita mempunyai kecenderungan untuk bercakap besar bahawa kita akan berada di tempat pertama dalam kemajuan IT, sungguhpun pada hakikatnya mereka tidak faham langsung tentang apa-apa langkah besar yang telah dan sedang diambil oleh negara-negara lain.

Baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dilaporkan berkata bahawa satu mahkamah siber akan dibentuk selepas Parlimen meluluskan Rang Undang-undang Siber di dalam mesyuarat akan datang. Beliau berkata bahawa Malaysia akan muncul sebagai negara pertama di dunia untuk membentuk sebuah mahkamah siber.

Ini memang merupakan satu berita baru yang Parlimen akan meluluskan undang-undang untuk memperkenalkan mahkamah siber pertama di dunia. Pengumuman ini bukan sahaja telah memeranjatkan seluruh negara, malah saya pasti juga memeranjatkan pihak badan kehakiman dan Majlis Peguam.

Sungguhpun Malaysia berhasrat untuk menjadi pemimpin dunia dalam bidang pentadbiran kerajaan yang dapat membekalkan perkhidmatan awam yang lebih baik, cepat dan murah, dengan menggunakan sepenuhnya peluang yang dibekalkan oleh teknologi maklumat dan komunikasi, kita perlu berdiri tegak

dahulu. Kita perlu memastikan, dengan izin, 'our foot firmly planted on the ground', dan bukannya terangan-angan dengan hyperboles atau lebih teruk lagi, mempercayai pada hyperboles itu sendiri. Adalah sungguh tidak masuk akal bagi Malaysia bercakap-cakap tentang menjadi negara pertama di dunia untuk membentuk mahkamah siber, memandangkan sistem kehakiman kita belum lagi on-line, sementara negara-negara lain telah maju dalam penggunaan elektronik di pengurusan keadilan mereka.

Sebagai contohnya, Singapura telah mula memperkenalkan satu sistem mahkamah siber di mana semua peguam dikehendaki menghantar dokumen-dokumen mahkamah mereka secara elektronik, di mana 50% surcay akan dikenakan ke atas kadar peguam sekiranya mereka menggunakan dokumen-dokumen kertas. Satu pengkalan atau database yang mengandungi kesemua statut undang-undang Singapura sedang disediakan untuk internet yang akan membolehkan para peguam menjalankan penyelidikan undang-undang mereka secara elektronik.

Mahkamah Tinggi Australia telah mencapai on-line Oktober lepas, di mana timbunan maklumat boleh diperolehi menerusi Internet mengenai apa yang mahkamah telah lakukan, apa yang sedang dilakukan dan apa yang akan dilakukan. Transkrip mengenai ucapan-ucapan terbaru dan yang paling menarik adalah teks penuh keputusan mahkamah sejak tahun 1947 hingga kini semua boleh didapati. Di Britain, The House of Lords yang beratus tahun sejarahnya telah on-line dan keputusannya boleh diperolehi menerusi Internet.

Bagi Malaysia, sejauh penggunaan elektronik dalam pentadbiran keadilan hasilnya ialah kosong. Sebelum Malaysia berupaya mengejar lain-lain negara dalam membekalkan perkhidmatan elektronik, sama ada dalam bidang pentadbiran, keadilan mahu pun lain-lain perkhidmatan awam, percakapan menteri-menteri yang mengheboh-hebohkan kedudukan Malaysia nombor satu ini, akan membuat kita kelihatan bodoh dan tidak masuk akal dan membongkarkan kekurangan pengetahuan kita tentang apa yang sedang berlaku di lain-lain negara dalam bidang ini.

Di Parlimen dan juga di persidangan INFOTECH '96, bulan Disember, saya telah membangkitkan pertanyaan mengenai kenapa Malaysia perlu menunggu sehingga Jabatan Perdana Menteri dipindah ke Putrajaya pada September 1998, sebelum berupaya memperkenalkan perkhidmatan

on-line elektronik kepada rakyat jelata, sebagaimana yang mula dilakukan oleh negara-negara yang lain, kerana apa yang Malaysia kekurangan bukannya teknologi maklumat, tetapi komitmen.

Baru-baru ini kerajaan mengumumkan bahawa ia akan memperkenalkan perkhidmatan kerajaan on-line rintis di Lembah Kelang pada bulan September menerusi kiosk elektronik. Bagaimanapun, rakyat masih tidak tahu sama ada perkhidmatan kerajaan on-line ini akan menjadikan kerajaan lebih terbuka, bertanggungjawab dan murah dan kita masih perlu menunggu dan melihat sama ada rakyat akan berasa selesa menggunakan perkhidmatan kerajaan on-line melalui kiosk elektronik ataupun dari rumah mereka sendiri. Adalah lebih selaras dengan semangat masyarakat maklumat sekiranya kerajaan merunding dengan rakyat dahulu mengenai cara pengenalan perkhidmatan on-line yang benar-benar menguntungkan rakyat dan perniagaan.

Kelapan, IT sebagai peralatan mestilah dapat berkhidmat untuk kemanusiaan, iaitu memupuk demokrasi, melindungi individu dan mencipta masyarakat madani. Kerajaan mesti mengakui bahawa dalam era baru di mana lebih ramai orang yang akan mendapat akses kepada maklumat dan rangkaian, masyarakat maklumat akan menjadi lebih kaya. Kita perlulah satu kerajaan yang berbentuk lebih terbuka dan demokratik. Kita perlu ada persediaan untuk menukarkan sistem politik top-down kepada sistem bottom-up di mana masyarakat maklumat dapat memperkayakan kehidupan demokrasi dengan memberi setiap rakyat ruang yang baru, meluahkan pendapat dan berbincang. Ini mesti digambarkan bukan sahaja cara kerajaan membentuk undang-undang, dasar-dasar dan peraturan-peraturan baru yang perlu melibatkan perundingan awam dan penglibatan dari peringkat permulaan lagi, tetapi juga perlu menghapuskan undang-undang yang menyekat kebebasan pertukaran maklumat.

Akta Rahsia Rasmi harus dihapuskan dan digantikan dengan Akta Kebebasan Maklumat atau Freedom of Information and Privacy Act. Dalam masyarakat maklumat, sebagai peraturan umum, maklumat kerajaan harus boleh diakses oleh rakyat kerana ia adalah kepunyaan rakyat. Ini memerlukan pertukaran dan falsafah lama, di mana maklumat kerajaan adalah dianggap oleh kerajaan dan selalunya juga dianggap oleh rakyat sendiri sebagai harta kerajaan dan tidak ada kena mengena dengan rakyat. Kerajaan memegang maklumat ini bagi pihak rakyat dan harus memastikan bahawa kualiti, integriti dan authenticity maklumat kerajaan ini.

Akses kepada maklumat yang dipegang oleh kerajaan merupakan syarat wajib sebelum sebuah masyarakat demokratik boleh berfungsi dengan baik. Tanpa maklumat rakyat tidak boleh melaksanakan hak dan tanggungjawab mereka ataupun membuat keputusan yang berdasarkan maklumat benar. Maklumat adalah perlu untuk memastikan akauntabiliti kerajaan. Perubahan fokus secara umum adalah diperlukan, di mana kita perlu berubah dari sekatan untuk mendedahkan maklumat, kecuali benar-benar perlu melakukannya kepada maklumat perlu didedahkan kecuali atas alasan-alasan yang penting seperti untuk keselamatan ataupun pertahanan.

Perlindungan privacy menerusi perundangan perlindungan data adalah perlu dalam satu masyarakat maklumat kerana dengan pengaliran peribadi yang besar menerusi rangka telekomunikasi, contohnya kad kredit, pemprosesan transaksi dan maklumat kesihatan.

Aspek ke sembilan adalah berkaitan dengan wanita dan IT. Sungguhpun secara perbandingan, Malaysia masih baru dalam bidang IT, kita harus mempelajari dari lain negara yang mempunyai sejarah lebih panjang dalam pembangunan IT terutama sekali berkenaan dengan kesamarataan jantina dalam bidang IT. Di Amerika Syarikat misalnya, di mana industri komputer dikenali sebagai salah satu enjin pusat penggerak ekonomi negara itu ke abad 21 dan merupakan sumber beribu-ribu perniagaan baru, berjuta pekerjaan yang berpendapatan tinggi serta peluang kreatif yang meluas, wanita masih kurang perwakilan di jawatan-jawatan tinggi dalam pengurusan serta tugas-tugas teknikal penting dalam industri berkenaan.

Mengikut satu kajian yang dijalankan, 35% dari tenaga kerja di bidang teknologi tinggi adalah wanita. Tetapi di kalangan 50 syarikat komputer yang disenaraikan dalam Bursa Saham tidak ada satu syarikat yang memilih seorang ketua eksekutif wanita. Jurang jantina bentuk teknologi tinggi ini menyebabkan ramai wanita dan lelaki merasa tersinggung kerana komputer sebenarnya merupakan industri yang baru dan tidak disekat oleh seksisme legasi yang berabad lamanya seperti dalam bidang lain. Apa yang diperlukan untuk menjayakan kerja programming adalah kuasa otak, brains dan bukan kuasa lengan atau brawn.

Malaysia kini sedang bergerak dari era industri masuk ke era maklumat. IT akan bertambah penting dan menjadi profesion dominan di dalam abad

seterusnya dan rakyat Malaysia harus disedarkan bahawa masalah jurang jantina bentuk teknologi tinggi ini tidak akan menurunkan status wanita ke kelas dua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah cukup. Sambung esok.

Tuan Lim Kit Siang: Sambung esok. Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

PARLIMEN

MALAYSIA

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KESEMBILAN
24 MAC 1997

**TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG X
TUANKU JA'AFAR IBNI ALMARHUM
TUANKU ABDUL RAHMAN**

***Bismillaahir Rahmaanir Rahiim,
Assalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.***

***Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli
Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.***

Alhamdullillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia dan izin Nya dapat kita bersama-sama di Istiadat Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Kesembilan pada hari ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

2. *Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana keselamatan negara sentiasa berada dalam keadaan stabil dan aman. Beta penuh yakin ini adalah hasil daripada sumbangan dan peranan semua pihak termasuk Pasukan Keselamatan. Namun begitu, kita perlulah sentiasa berwaspada. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak, terutama sekali rakyat jelata untuk bersama-sama kerajaan mengekalkan keamanan yang sedang dinikmati sekarang ini supaya negara terus membangun ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.*

3. *Beta juga bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat Nya negara kita telah mencapai kejayaan yang amat*

membanggakan. Ekonomi negara telah berkembang pesat pada kadar melebihi 8% selama hampir satu dekad. Pendapatan perkapita serta taraf hidup rakyat terus meningkat dan negara kita kini telah mencapai tahap gunatenaga penuh.

4. Beta berbangga dengan usaha kerajaan yang berupaya mengekalkan belanjawan berhemat sehingga berjaya mencapai lebihan keseluruhan bagi tahun keempat berturut-turut dan mengurangkan jumlah hutang kerajaan luar negeri. Beta percaya kerajaan akan dapat menyalurkan lebihan semasa tersebut bagi memperluaskan lagi kemudahan infrastruktur sosial dan ekonomi yang diperlukan oleh rakyat.

5. Beta sedar bahawa kerajaan sedang giat berusaha untuk menggalakkan tabungan. Sungguhpun kadar tabungan negara berada pada paras yang tinggi iaitu sebanyak 38.8% daripada Keluaran Negara Kasar pada tahun 1996, namun kepesatan pertumbuhan ekonomi negara memerlukan jumlah pelaburan yang lebih besar. Lebih-lebih lagi negara kita sedang beralih kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti. Sudah tentu negara memerlukan teknologi yang lebih canggih, teknik pengurusan yang lebih moden dan sistem pengeluaran yang lebih cekap. Semua ini memerlukan modal yang lebih besar dan pelaburan yang lebih berkualiti.

6. Beta gembira kerana langkah-langkah yang telah diperkenalkan oleh kerajaan bagi menangani defisit akaun semasa imbalan pembayaran telah menampakkan kesan yang positif. Akaun semasa imbalan pembayaran yang mengalami defisit luar biasa iaitu RM18.7 bilion pada tahun 1995 dijangka akan berkurangan kepada RM11.5 bilion bagi tahun 1997. Strategi-strategi yang telah dirangka perlu diteruskan terutamanya bagi mengembangkan sektor perkhidmatan sebagai penjana tukaran asing yang lebih besar selain mempertingkatkan eksport barangan serta pengurangan import barangan dan perkhidmatan yang mampu dibekalkan oleh pengeluar tempatan.

7. Pertumbuhan pesat berterusan ekonomi negara dijangka boleh menyebabkan tekanan terhadap harga barangan. Oleh itu dalam usaha memastikan kadar inflasi kekal rendah, kita juga perlu mengawasi peningkatan kadar permintaan seperti perbelanjaan yang berlebihan dan membazir. Selain itu kerajaan perlu meningkatkan program penstabilan harga, terutama bagi barang-barang perlu.

8. Pelaksanaan Program Penswastan akan terus dipergiatkan. Bagi memastikan keberkesanan program penswastan pada masa hadapan, rangka kawalselia dan mekanisme pengesanan akan diperkukuhkan dan penilaian prestasi akan dilakukan ke atas entiti yang diswastakan. Sehubungan itu, kerajaan akan menentukan supaya caj perkhidmatan yang dikenakan ke atas

pengguna akan mampu dibayar oleh semua lapisan rakyat dan supaya entiti yang diswastakan bersedia melaksanakan tanggungjawab sosial mereka dengan berkesan.

9. *Pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Kedua yang dilancarkan pada bulan November 1996 merupakan peralihan strategi perindustrian negara untuk menempatkan Malaysia ke tahap perindustrian yang lebih dinamik. Ianya akan meningkatkan rangkaian nilai proses perkilangan dan mengurangkan pergantungan berlebihan ke atas barangan modal dan perantaraan yang diimport.*

10. *Selaras dengan dasar merombak sektor pertanian untuk menjadikannya pembekal makanan dalam negara dan bahan mentah kepada industri, kerajaan akan mengkaji semula Dasar Pertanian Negara agar sektor ini menjadi lebih produktif dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Sektor komoditi utama pula akan diubahsuai untuk mengekalkan peranannya sebagai penyumbang penting dalam suasana ekonomi yang mengharungi berbagai perubahan pesat sejajar dengan pencapaian status Malaysia sebagai sebuah negara maju.*

11. *Negara kita telah dan akan terus mengambil inisiatif meliberalisasi dan melonggarkan peraturan-peraturan perdagangan termasuk pengurangan tarif, sama ada secara tindakan sendirian ataupun sebagai susulan kepada ketetapan antarabangsa. Walau bagaimanapun, kepesatan usaha-usaha ini akan mengambil kira keupayaan bersaing industri-industri tempatan.*

12. *Pada masa yang sama Malaysia akan terus memberi penekanan kepada kerjasama serantau di kalangan negara-negara anggota ASEAN. Dalam hal ini, negara kita akan terlibat dalam berbagai inisiatif dan program yang akan menjadikan ASEAN kawasan perdagangan dan pelaburan yang lebih menarik dan boleh dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat Malaysia.*

Ahli-ahli Yang Berhormat,

13. *Perkembangan industri pelancongan di negara ini akan diperhebatkan. Selain menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan antarabangsa yang penting, kerajaan akan juga memberi tekanan kepada pembangunan industri pelancongan domestik. Semua persediaan akan dilakukan pada tahun ini untuk melaksanakan tahun 1998 sebagai satu lagi Tahun Melawat Malaysia dengan bertemakan Tahun Sukan dan Rekreasi.*

14. *Oleh kerana teknologi penting bagi pertumbuhan produktiviti jangka panjang, penekanan yang lebih akan diberi kepada sains dan teknologi pada masa hadapan agar negara lebih berupaya mengguna, menyesuaikan dan*

meningkatkan teknologi yang diimport di samping memajukan pembangunan teknologi tempatan.

15. *Pembangunan projek Koridor Raya Multimedia merupakan antara usaha terpenting kerajaan tahun ini. Ia merupakan salah satu usaha besar Malaysia menguasai teknologi maklumat, iaitu bidang yang akan banyak mencorakkan kemajuan dunia masa depan. Koridor Raya Multimedia menawarkan persekitaran serasi yang direka khas bagi memudahkan cara baru pengusaha dan syarikat bergabung untuk memperoleh faedah yang ditawarkan oleh Era Maklumat. Pada tahun ini juga akan terlihat tindakan-tindakan diambil untuk memulakan pembangunan bandar Cyberjaya dan Universiti Multimedia dalam kawasan ini. Sehubungan ini, Beta menyeru semua golongan rakyat supaya menjadikan Koridor Raya Multimedia sebagai projek yang mesti dijayakan kerana tidak mahu ketinggalan dalam penguasaan teknologi maklumat.*

16. *Sektor telekomunikasi juga akan terus berkembang pesat dengan peningkatan kapasiti dan sistem jaringan yang sedia ada serta pengenalan perkhidmatan baru bernilai ditambah. Pelaburan dalam teknologi baru dijangka akan membolehkan negara memiliki kelebihan bersaing di bidang teknologi maklumat. Untuk mencapai matlamat tersebut, kerajaan akan menggubal Pelan Induk Telekomunikasi. Bagi menjadikan Malaysia sebagai Pusat Telekomunikasi rantau Asia-Pasifik dan dunia kelak, pembangunan infrastruktur telekomunikasi akan diberi keutamaan tinggi bagi tempoh empat tahun akan datang.*

17. *Dalam bidang pengangkutan pula kerajaan bersedia menjadikan negara ini sebagai pusat penerbangan serantau menjelang siapnya Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang. Operasi penerbangan ke destinasi-destinasi baru telah dimulai dan penerbangan ke beberapa destinasi antarabangsa juga telah ditambah. Untuk itu kerajaan akan terus merancang untuk memperoleh hak-hak trafik baru dan tambahan. Di samping itu usaha-usaha kerajaan untuk menjadikan pelabuhan utama negara sebagai pusat pemunggahan kargo telah mendatangkan hasil. Kerajaan akan terus melengkapkan pelabuhan-pelabuhan negara dengan prasarana dan kemudahan-kemudahan berkaitan yang moden dan canggih untuk meningkatkan lagi perkhidmatannya.*

18. *Bagi pengangkutan rel, perkhidmatan pengangkutan dalam bandar dan perkhidmatan antara bandar akan diteruskan dengan terlaksananya tiga lagi projek yang keseluruhannya dijadualkan siap menjelang akhir tahun 1999. Di samping itu kerajaan juga sedang berusaha meningkatkan kelicinan Sistem Pengangkutan Bandar bagi menangani kesesakan lalu lintas di bandar-bandar utama. Selain itu kerajaan akan terus meningkatkan tahap keselamatan jalan raya dan kebersihan alam sekitar melalui kempen-kempen keselamatan jalan raya dan pemeriksaan berkala ke atas semua kenderaan perdagangan.*

19. Kerajaan akan meneruskan dasar pembangunan infrastruktur selaras dengan matlamat untuk mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi negara. Pembangunan jalan raya yang diasaskan kepada Pelan Pembangunan Jalan raya 1993 akan diteruskan dan jalan-jalan utama akan dinaikkan taraf untuk menjalin perhubungan jalan yang selesa dan selamat. Dalam pada itu kerajaan juga akan terus memberi tumpuan menyediakan bekalan air yang mencukupi bagi kegunaan domestik, industri dan pertanian.

20. Kerajaan juga akan mempertingkatkan usaha memastikan bekalan elektrik negara sentiasa cukup, selamat dan berkualiti pada harga yang munasabah melalui perancangan teliti dan penyusunan semula struktur industri tersebut bagi menjamin persaingan yang efektif. Bagi mempelbagaikan bahan bakar penjanaan, kapasiti baru penjanaan elektrik pada masa hadapan akan berubah keutamaan daripada gas kepada hidro dan arang batu. Penubuhan Pusat Tenaga Negara dalam tahun 1996 pula akan meningkatkan lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

21. Dalam mengejar arus pemodenan, kepentingan penjagaan kesihatan tidak diketepikan. Tenaga manusia yang sihat adalah aset yang paling berharga bagi negara. Kos menjaga kesihatan adalah lebih rendah berbanding kos menyembuh penyakit. Beta gembira kerana sektor swasta juga telah banyak membantu melengkapkan sistem penjagaan kesihatan terutama di kawasan bandar dan di dalam zon industri. Beta berharap sektor swasta akan memperluaskan lagi penglibatan mereka dalam perkhidmatan kesihatan ke kawasan luar bandar.

22. Dalam agenda pembangunan sosial program perumahan akan diutamakan. Bagi mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah, kerajaan telah menubuhkan Syarikat Perumahan Negara yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek perumahan kos rendah di seluruh negara. Harga rumah kos rendah akan dikaji semula supaya lebih berpatutan agar ianya bukan sahaja mampu dibeli atau disewa oleh rakyat yang berpendapatan rendah tetapi juga dapat menarik minat pemaju perumahan swasta untuk membina rumah kos rendah yang berkualiti.

23. Dalam bidang pendidikan, Kerajaan sedang mengambil langkah meningkatkan mutu pendidikan dengan mengkaji semula kurikulum sedia ada dengan mengambil kira perkembangan terbaru dalam bidang teknologi maklumat dan multimedia. Pengenalan konsep Sekolah Bistari yang berlandaskan 'budaya berfikir' adalah satu usaha penting dan strategik reformasi pendidikan untuk memajukan industri berteknologi tinggi dan menjayakan projek Koridor Raya Multimedia. Di bidang pendidikan tinggi pula,

Kerajaan akan melaksanakan beberapa strategi penting seperti pengkorporatan institusi pengajian tinggi supaya institusi tersebut lebih dinamik serta dapat mengoptimumkan segala kemudahan dan sumber dimiliki.

24. *Selaras dengan penerapan nilai-nilai Islam dan bagi menangani cabaran semasa, kurikulum Baru Pendidikan Islam yang berciri futuristik serta mampu mencapai sasaran seratus peratus celik Al-Quran dan fardhu ain akan dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 1998. Selain itu dalam usaha Kerajaan memberikan pendidikan untuk semua, murid-murid istimewa yang terdiri daripada murid-murid dengan keperluan khas turut diberi perhatian.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

25. *Untuk mengekalkan dan meningkatkan daya saing negara dalam pasaran antarabangsa, Sistem Reformasi Gaji telah diperkenalkan pada tahun 1996. Sistem ini mengaitkan urusan semakan semula upah dan ganjaran dengan produktiviti pekerja. Selaras dengan konsep Persyarikatan Malaysia kesatuan-kesatuan sekerja diharap dapat memainkan peranan yang lebih positif sebagai rakan kongsi Kerajaan dan sektor swasta.*

26. *Kejayaan usaha kita mencapai matlamat sebuah Negara maju dan disegani amat bergantung kepada kecekapan dan keberkesanan Perkhidmatan Awam. Beta sukacita melihat berbagai usaha telah dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan bgi menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat.*

27. *Salah satu usaha penting yang sedang dilaksanakan oleh Perkhidmatan Awam ialah meningkatkan kecekapan serta memantapkan pengurusan kualiti melalui pelaksanaan standard MS ISO 9000. Menjelang tahun 2000, semua agensi Kerajaan dijangka akan melaksanakan standard ini. Beta yakin dengan keupayaan yang ditunjukkan, Perkhidmatan Awam kita mampu mencapai matlamat ini yang sekaligus akan meletakkan Perkhidmatan Awam Malaysia setaraf dengan Perkhidmatan Awam negara-negara maju.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

28. *Menginsafi bahawa generasi muda akan mewarisi negara dan meneruskan perjuangan membina dan membangunkan masyarakat, usaha membangunkan belia akan dipertingkatkan lagi. Program Rakan Muda akan diperhebatkan bagi membolehkan para belia mendapat lebih peluang mnyertai program tersebut. Berhadapan dengan pelbagai isu sosial yang melanda masyarakat, tugas membangunkan generasi muda menuntut penanganan yang penuh berhikmah dan bersepadu oleh semua pihak bermula dengan institusi*

keluarga hinggalah kepada institusi kerajaan, swasta dan pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan.

29. *Usaha akan dilipatgandakan untuk memperkukuhkan institusi keluarga kerana Kerajaan yakin keluarga yang sihat, stabil dan berdaya tahan akan dapat melahirkan rakyat yang berkalibar dan bermaruah. Untuk itu pegangan dan pengajaran agama perlu disemai termasuk pelbagai program pendidikan khususnya di kalangan generasi muda bagi mewujudkan ketinggian nilai budi dan etika ssial seperti disiplin diri, toleransi, kasih sayang dan saling hormat menghormati.*

30. *Kerajaan juga berhasrat membudayakan sukan di kalangan masyarakat di samping mempergiatkan usaha meningkatkan pencapaian negara dalam pelbagai pertandingan sukan di peringkat antarabangsa. Pembudayaan seukan akan memperkukuhkan lagi gugusan nilai di kalangan warga Malaysia khususnya dalam aspek-aspek disiplin diri, perpaduan, kesetiakawanan, dayatahan dan dayasaing serta sekaligus membina badan yang cergas dan minda yang cerdas.*

31. *Beta juga berbangga dengan semangat kesukarelaan yang ditunjukkan oleh rakyat di negara ini yang bersedia menyumbang khidmat bakti bagi menjadikan Sukan Komanwel Kuala Lumpur '98 sebagai sukan terunggul. Sehingga kini beribu-ribu sukarelawan telah mendaftarkan diri untuk menyumbangkan masa dan tenaga. Begitu juga semangat dayajuang para atlit, pegawai, jurulatih dan penjawat persatuan sukan dihargai kerana usaha mereka mengharumkan nama negara dalam bidang sukan.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

32. *Tahun 1996 telah menyaksikan betapa rakyat pelbagai kaum dan agama hidup dalam suasana harmonis dan bekerjasama erat bagi membangunkan negara demi kepentingan bersama. Ini jelas menunjukkan bahawa rakyat Beta sentiāsa menghayati nilai-nilai murni yang membawa kepada perpaduan yang menjamin kestabilan sosial dan kekuatan bangsa. Justeru itu agenda sosal akan terus menjadi keutamaan Kerajaan dalam rangka pembangunan masa hadapan.*

33. *Seterusnya Kerajaan tidak pernah lupa kepada golongan-golongan yang kurang bernasib baik terutama mereka yang daif, terbiar dan memerlukan bantuan. Golongan-golongan orang kurang upaya, anak-anak yatim, warga tua, balu-balu yang masih mempunyai anak kecil, rakyat termiskin dan lain-lain tidak akan diabaikan. Kerajaan akan terus melipatgandakan program-program khusus bagi kepentingan kumpulan sasar ini. Sehubungan ini, Beta ingin menyeru semua ahli masyarakat terutama yang berkemampuan, tokoh-tokoh*

korporat dan badan-badan bukan Kerajaan supaya turut tampil ke hadapan membantu keperluan hidup kumpulan yang kurang bernasib baik ini.

34. Bagi menjamin pembangunan negara tidak menjejaskan keadaan alam sekitar, kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu supaya diambil kira faktor alam sekitar dalam setiap proses perancangan pembangunan. Untuk itu Kerajaan akan terus berusaha meningkatkan kesedaran dan kerjasama orang awam dalam penjagaan alam sekitar.

35. Pada pengamatan Beta, pada masa ini negara menghadapi dua masalah utama iaitu penyalahgunaan dadah dan banjiriran pendatang asing. Dalam soal penyalahgunaan dadah, pelbagai program pencegahan akan terus dipergiatkan. Mengenai banjiriran pendatang asing pula pelbagai masalah yang telah timbul seperti pergeseran mereka dengan pendudukan tempatan, wujudnya perkampungan haram setinggian, gejala pemalsuan dokumen perjalanan dan peningkatan perkahwinan antara pendatang asing dengan wanita-wanita rakyat tempatan yang kesahihannya diragukan. Di samping itu timbul juga masalah majikan mendiskriminasi pekerja tempatan kerana pekerja asing sanggup menerima upah yang lebih rendah, beban kewangan membiayai penempatan pendatang asing tanpa izin di depo-depo imigresen dan penghantaran pulang mereka serta pertambahan kos dalam bidang kesihatan dan pendidikan. Kerajaan memandang serius masalah-masalah ini kerana ianya boleh mengancam keselamatan negara, ketenteraman awam dan keharmonian masyarakat. Justeru itu, beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah pendatang asing ini.

36. Selain itu Kerajaan akan terus memastikan agar kesucian Agama Islam sebenarnya yang berdasarkan kepada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah terpelihara. Usaha-usaha membendung merebaknya ajaran dan fahaman salah yang berselindung di sebalik nama Islam akan terus dibanteras. Sehubungan ini agensi-agensi yang terlibat dengan pentadbiran hal ehwal Islam akan diperkukuhkan. Beta berasa bersyukur kerana Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri telah pun dinaikkan taraf menjadi Jabatan Kemajuan Islam dengan diberi struktur organisasi dan fungsi yang baru. Di samping itu, penubuhan Jabatan Kehakiman Syarie Malaysia juga adalah merupakan satu langkah yang bijak bagi memastikan pentadbiran hal ehwal Islam di negara ini berjalan dengan baik. Melalui perubahan-perubahan ini, Beta berharap pentadbiran hal ehwal Islam di negara dari segi penyeragaman undang-undang, kaedah pembangunan harta wakaf dan pungutan wang zakat akan dapat diselaraskan.

37. Beta juga yakin Jabatan Kemajuan Islam ini akan berupaya membantu Kerajaan menangani masalah keruntuhan moral di kalangan remaja dan gejala-

gejala sosial yang lain seperti penyalahgunaan dadah, penyakit AIDS dan amalan-amalan negatif lainnya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

38. *Dalam hubungan antarabangsa, usaha gigih para pemimpin dan diplomat Malaysia telah menempatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang berperanan aktif dalam arena dunia dan forum antarabangsa. Melalui mekanisma hubungan dua hala dan pelbagai hala, negara terus memupuk jalinan perhubungan dalam bidang-bidang kerjasama dengan berbagai negara.*

39. *Untuk mencapai hasrat membentuk sebuah dunia yang adil dan makmur, selain ASEAN, Kerajaan Beta bergiat aktif dalam beberapa pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Negara-negara Islam, Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik, Mesyuarat Asia-Eropah dan Komanwel. Kerajaan juga sentiasa menekankan kerjasama negara Selatan-Selatan khususnya menerusi kumpulan G-15 dan hubungan dua hala. Kerajaan juga tetap berpegang kepada pendirian menentang apa juga bentuk penindasan, kekejaman dan konflik antara kaum dan agama yang berlaku seperti di Bosnia-Herzegovina dan di Palestin yang masih belum selesai secara adil. Kerajaan akan mencari penyelesaian berasaskan kepada keadilan dan undang-undang antarabangsa termasuk melibatkan Angkatan Tentera Malaysia dan pihak-pihak lain dalam usaha keamanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.*

40. *Pada tahun ini Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada dua persidangan penting di peringkat antarabangsa iaitu Persidangan Tidak Rasmi Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN dan Sidang Kemuncak G-15 Ketujuh. Peranan aktif yang dimainkan Kerajaan di peringkat hubungan antarabangsa itu akan memberi pelbagai manfaat kepada negara.*

41. *Beta menyeru supaya Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian menjalankan tugas, kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh ikhlas dan jujur demi kepentingan rakyat dan negara.*

Beta juga menyeru agar semua rakyat menumpukan taat setia kepada negara yang tercinta ini untuk menjamin keamanan dan kemakmuran yang berkekalan.

Wassalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.